



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN OMAR BIN MD HASHIM (OMARA)  
TOKOH WARISAN KEBANGSAAN ORANG HIDUP

OLEH:

NUR FATHIAH BINTI ABD FADZLI	2022940443
SITI AISHAH BINTI MUHAMAD ADILFITRI	2022912639

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 - OCT 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN OMAR BIN MD HASHIM (OMARA)  
TOKOH WARISAN KEBANGSAAN ORANG HIDUP

OLEH:

NUR FATHIAH BINTI ABD FADZLI	2022940443
SITI AISHAH BINTI MUHAMAD ADILFITRI	2022912639

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 - OCT 2023)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kepada Ilahi dengan limpah kurniaNya, kami berjaya menyempurnakan tugasan bagi subjek “Oral Documentation (IMR604)” iaitu Projek Sejarah Lisan. Dalam proses penyediahan tugas ini, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa terdapat perlbagai kengkangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum mahupun selepas sesi temu bual bersama tokoh. Namun begitu, kami berjaya mengatasi semua masalah tersebut dengan baik kerana ia merupakan salah satu pengalaman yang amat berharga buat kami sebagai pelajar.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Abdullah kerana memberi ruang dan peluang untuk kami melangkah ke depan bagi menjayakan projek yang penuh bermakna ini. Berkat tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan oleh beliau, kami berjaya menyelesaikan projek ini dengan jayanya.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Omar bin Md Hashim kerana sudi meluangkan masa bersama kami dengan berkongsi perjalanan beliau sebagai penggiat seni sehingga berjaya dinobatkan sebagai Tokoh Warisan Orang Hidup pada tahun 2018. Kami yakin dan percaya, pengalaman beliau yang penuh onak duri dan kejayaan yang diperolehi mampu dijadikan inspirasi kepada masyarakat di luar sana.

Bukan itu sahaja, ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga kami yang banyak membantu dari segi kewangan dan sokongan moral kepada kami bagi menjayakan tugas ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan kerjasama dengan perkongsian pendapat mengenai tugas ini. Kami mengakui bahawa dua pihak ini memberikan kesan yang cukup besar kepada kami bagi menyiapkan tugas ini.

Akhirnya kami sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan tugas ini. Sesungguhnya, kami dengan tulus dan ikhlas menghargai semua pengorbanan yang telah diberikan sepanjang projek ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang.....	04
Bahagian B: Sejarah pendidikan.....	09
Bahagian C: Kerjaya awal.....	12
Bahagian D: Seni boria.....	19
Bahagian E: Seni lain.....	67
Bahagian F: Cabaran kerjaya.....	76
Bahagian G: Anugerah dan pencapaian.....	85
Bahagian H: Sumbangan.....	91
Bahagian I: Harapan.....	92
Rujukan.....	104
Lampiran	
Log Wawancara.....	105
Diari Kajian.....	121
Senarai soalan.....	125
Surat Perjanjian.....	130
Gambar.....	132
Indeks.....	136

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** Temubual ini dilakukan bersama Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) – Boria iaitu Tuan Omar Bin Md Hashim. Wawancara ini dikendalikan oleh Siti Aishah Binti Muhamad Adilfitri dan Nur Fathiah Binti Abd Fadzli, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat, Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) semester 5, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Machang, Kelantan. Beliau merupakan Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) – Boria. Temubual ini dilakukan untuk mengetahui, peranan ketua kumpulan Boria Omara serta perjalanan kehidupan beliau dan juga sumbangan yang telah diberikan kepada masyarakat. Temubual ini telah dijalankan secara bersemuka (face-to-face) dengan beliau. Tarikh temubual tersebut adalah 30 Mei 2023 pada 10.12 pagi hingga 1.50 petang. Tuan Omar Bin Md Hashim telah dianugerahkan sebagai Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH)- Boria yang disampaikan oleh Jabatan Warisan Negara. Selain itu, beliau juga telah menerima kunjungan daripada Menteri Besar Pulau Pinang, Y.A.B (Yang Amat Berhormat) Tuan Chow Kon Yeow telah membuat kunjungan hormat kepada Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) – Boria, Tuan Omar Bin Md Hashim. Kunjungan hormat ini adalah untuk memberi Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Georgetown World Heritage kepada beliau di kawasan perumahan beliau sebagai penghargaan kepada beliau sepanjang bergiat seni seperti Boria, Ghazal Parti dan lain-lain. Oleh itu, sumbangan dan sejarah hidup beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada orang ramai.

**Kata kunci :** Tuan Omar Bin Md Hashim, Omara, Boria, Tokoh seni, Persatuan Pulau Pinang, Seni Warisan

**Abstract :** This interview was conducted with the Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) - Boria, Tuan Omar Bin Md Hashim. This interview was conducted by Siti Aishah Binti Muhamad Adilfitri and Nur Fathiah Binti Abd Fadzli, Bachelor's Degree students in Information Management, Information Systems Management (IM245) semester 5, Faculty of Information Management, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang Campus, Kelantan. He is a Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) – Boria. This interview was conducted to find out, the role of group leader Boria Omara as well as his life journey and also the contribution he has made to the community. This interview was conducted face-to-face with him. The interview date is 30 May 2023 from 10.12 am to 1.50 pm. Tuan Omar Bin Md Hashim was awarded a Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) – Boria presented by the National Heritage Department. In addition, he has also received a visit from the Menteri Besar of Penang, Y.A.B (Yang Amat Berhormat) Tuan Chow Kon Yeow has paid a courtesy visit to the Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) - Boria, Tuan Omar Bin Md Hashim. This courtesy visit is to give the Georgetown World Heritage Lifetime Achievement Award to him in his residential area as an appreciation for his artistic activities such as Boria, Ghazal Parti and others. Therefore, his contribution and life history can be used as a source of inspiration for the public.

**Keywords:** Tuan Omar Bin Md Hashim, Omara, Boria, Art figure, Penang Association, Heritage Arts

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



Nama: Omar Bin Md Hashim

Umur: 69 tahun

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir: Bukit Mertajam, Pulau Pinang

Nombor Telefon:

Alamat: Pulau Pinang, Malaysia

Kerjaya: Penggiat Seni

Nama Isteri: Azizah Binti Osman

Pendidikan:

- Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth, Pulau Pinang (Darjah 1-6)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth, Pulau Pinang (Tingkatan 1-5)

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Kami telah diberi tugas oleh pensyarah kami, Puan Nurulannisa Binti Abdullah, untuk menjalankan kajian dan mencari tokoh tempatan yang merupakan seorang veteran seni. Tokoh ini harus memiliki sejarah mengenai dirinya sendiri atau orang lain, peristiwa, dan bangunan yang berkaitan dengannya. Topik ini akan digunakan sebagai tajuk untuk menyiapkan tugas kami. Tugas ini adalah wajib kerana ia memenuhi skop projek untuk subjek Oral Documentation. Selain itu, tugas ini melibatkan temu bual dengan tokoh tersebut dan mentranskripsikan semua perbualan dalam bentuk bertulis. Dalam konteks ini, sejarah lisan merujuk kepada pengumpulan kenangan tokoh yang direkodkan melalui wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya memiliki maklumat bersejarah yang berkaitan dengan pengalaman mereka sendiri atau kaitannya dengan watak, masa, atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperoleh dari wawancara tersebut kemudian disalin, disemak, dan ditaip untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Oleh itu, kami telah memilih Tuan Omar Bin Md Hashim sebagai tokoh yang ingin kami temubual untuk membantu kami dalam menyiapkan tugas ini dengan lebih lancar. Beliau merupakan seorang penggiat seni yang masih aktif hingga kini, terutamanya dalam persempahan Boria. Beliau telah menerima banyak anugerah pencapaian dalam bidang Boria dan memiliki banyak sejarah yang dapat menjadi inspirasi bagi penggiat seni lainnya. Beberapa tahun yang lalu, beliau telah dianugerahkan sebagai Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) pada tahun 2018 oleh Jabatan Warisan Negara atas sumbangannya dalam mempertahankan seni warisan yang semakin ditenggelamkan kerana arus pemodenan zaman. Pengalaman beliau ini membuat kami tertarik untuk mewawancarainya dan mengungkap rahsia di balik keberhasilan dan pencapaian beliau. Oleh itu, tugas sejarah lisan yang akan kami laksanakan ini memiliki nilai penting kerana kehidupan dan pencapaian beliau dapat menjadi sumber inspirasi dan pendedahan bagi semua orang, terutamanya bagi generasi masa depan.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah tentang kehidupan, anugerah, dan sumbangan Tuan Omar Bin Md Hashim dimana beliau merupakan seorang penggiat aktif seni persembahan Boria dan banyak lagi bidang seni lain. Beliau diisyiharkan sebagai Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup. Rakaman dan temubual ini telah dijalankan secara bersemuka di Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang, pada 30 Mei 2023 pada jam 10.12 pagi sehingga 2.00 petang. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Fathiah Binti Abd Fadzli dan Siti Aishah Binti Muhamad Adilfitri. Berikut adalah hasil rakaman dan temubual yang berjaya dilaksanakan.

Penunjuk:

OMA: Tuan Omar Bin Md Hashim

NF: Nur Fathiah Binti Abd Fadzli

SA: Siti Aishah Binti Muhamad Adilfitri

## **BAHAGIAN PENGENALAN**

**NF** : Okay jadi kami mulakan ya?

**OMA** : Ya baik.

**NF** : **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

**OMA** : Waalaikumsalam.

**NF** : **Berikut merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni persesembahan Boria. Bersama kami ialah Tuan Omar Bin Md Hashim merupakan seorang persembah Boria, penulis dan yang berkemahiran seni yang lain. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 30 Mei 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 10.12 pagi secara bersemuka. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Fathiah dan Siti Aishah. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.**

**OMA** : Baik.

## **TAMAT BAHAGIAN PENDAHULUAN**

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG**

**NF** : Jadi saya akan mulakan dengan latar belakang tuan.

**NF** : Apa nama penuh tuan?

**OMA** : Nama penuh saya Omar Bin Md Hashim.

**NF** : Apa nama panggilan tuan?

**OMA** : Nama panggilan OMARA, tapi OMARA ni muncul baru *tiga puluh dua tahun* [32] yang lepas. Sebelum tu Omar lah. Dalam tahun 1991, sejak tu adalah sebab-sebab saya akan *bagitau* [beritahu] kemudian (ketawa). Saya buat nama saya *tu* [itu] sebagai logo, logo perniagaan saya. Jadi nama saya Omar, saya gabungkan A dibelakang itu nama isteri saya Azizah. Ada A, jadi Omar, jadi A, OMARA. Selepas itu pada tahun 1991, saya gunakan logo itu entah kenapa jadi orang ramai, kawan-kawan, *sapa* [siapa] saja *dah* [sudah] tak panggil Omar *dah* [sudah]. Dia panggil saya OMARA, sehingga sekarang, saya buat apa pun atas OMARA.

**NF** : Boleh tak Tuan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Tuan?

**OMA** : Saya dilahirkan pada tahun 1954, sekarang usia saya *dah* [sudah] enam puluh sembilan [69] tahun. Saya dilahirkan di Bukit Mertajam [Pulau Pinang]. Di belakang ni [berhampiran sini] *ja* [saja]. Di sekolah sama. *Lepas* [Selepas] itu, saya dibesarkan di tiga [3] tempat, iaitu di Parit Buntar, Perak. Parit Buntar ini di kampung lah, pendalaman nama . Selepas itu saya dibesarkan di Bukit Mertajam di belakang [berhampiran] sini. Dan juga, saya dibesarkan di Butterworth [Pulau Pinang]. Butterworth itu kalau dua tempat saya di kawasan kampung dan Butterworth ini di kawasan bandar. Jadi dalam zaman kanak-kanak hingga zaman persekolahan lah. Jadi saya belajar di *tiga* [3] tempat itu. Tapi

tempat yang terakhir saya di kampung saya balik, di Kampung Tok Panjang [Bukit Mertajam, Pulau Pinang]. Jadi daripada situ, saya bermula yang seni budaya warisan yang saya suka *ni* [ini], bermula daripada di Butterworth ini. Masa saya tinggal di Butterworth, sebab di situ sering diadakan persembahan-persembahan pentas yang dekat dengan rumah saya. Setiap kali ada persembahan saya *pi* [pergi] tengok dan setiap kali, kerap, masa itu ada Boria. Ada Ghazal Parti seni warisan selain daripada benda-benda \_\_\_\_\_. Jadi bila saya kerap menonton, dari situ timbulnya minat saya dalam Boria sehingga pada tahun 1965, masa saya darjah *lima* [5], guru di sekolah tanya saya, “Untuk hari ibu bapa *sapa-sapa* [siapa-siapa] nak buat persembahan, boleh buat”. Jadi bila kata itu saya nak buat Boria. Saya kata, “Saya boleh, sebab saya *dah* [sudah] tengok Boria *ni* [ini] dengan penuh minat. Bila kita tengok dengan penuh minat, kita yakin kita boleh”. Saya buat persembahan Boria di sekolah, bila buat persembahan Boria di sekolah masa darjah *lima* [5] itu, saya kumpul kawan-kawan, saya sendiri yang tulis dia punya rangkap atau lirik itu, saya sendiri yang susun cerita *dia* [itu], saya sendiri terlibat berlakon sketsa, dan menari dibelakang. Jadi apa yang saya buat itu dapat kepujianlah *kat* [dekat] kawan-kawan, cikgu apa semua puji, saya minat sangat-sangat. Saya boleh buat Boria *dah* [sudah]. Selepas ini saya akan terus buat Boria. Tak sangka apa yang berlaku *masa* [semasa] saya umur *sepuluh* [10] tahun itu, rupanya saya bukan separuh jalan. Akhirnya saya *bawak* [bawa] sehingga sekarang dan sekarang ini lagi lebih lah sebab saya *dah* [sudah] rasa saya ini Boria, Boria itu saya lah. Selepas tu, banyak kegiatan-kegiatan seni yang saya buat selain pada Boria ini. Bukan kegiatan seni saja, apa-apa bidang yang berat kepada hiburan, macam seni budaya hiburan. Nampak hiburan lah, tapi hiburan ke arah musik, seni, lagu-lagu tradisional. Banyak, kalau nanti kalau tanya selepas ini, saya akan terangkan lah. Jadi dari itulah saya punya perjalanan hidup. Saya tidak reti buat benda lain. Ini saja saya buat dan bila yang saya katakan tadi bila saya *dah* [sudah] guna nama OMARA ini, bukan saya guna tapi orang panggil saya sebagai OMARA, entah kenapa *boh* [gunakan] nama Boria saya, kumpulan Boria OMARA, menjadi. Saya bubuh apa-apa guna OMARA, menjadi. Mungkin Allah bagi kelebihan kepada nama yang ada OMARA *tu* [itu]. Alhamdulillah dan tinggal sekarang ini tak turun, maksud dia saya semakin naik, semakin orang kata masih berada ditempat yang aktif, tempat kemuncak. Jadi alhamdulilah saya

setakat ini tak terasa walaupun umur saya *dah* [sudah] *enam puluh sembilan* [69] tahun. Saya tak terasa macam nak berhenti ka apa ka, cuma saya serah kepada takdir. Semua itu Allah yang tetapkan. Kalau kata ditakdirkan sekian-sekian waktu saya berhenti, saya berhentilah. Tapi niat di hati saya, saya akan teruskan sebab yang ini seni budaya warisan ini satu benda yang jadi amanah kepada saya bila saya dapat macam-macam anugerah. Jadi saya rasa benda tu macam orang bagi harapan kepada saya. Saya akan takkan tinggalkan.

**NF : Jadi Tuan ada apa-apa hobi tak yang Tuan buat masa waktu lapang?**

Waktu lapang? Saya tak adalah hobi macam orang lain *ka* masa lapang. Dalam benda-benda lain lah macam ada orang memancing, ada orang buat sesuatu bidang lain kan. Saya kira masa saya jadi tak ada lapang. Sebab saya lagi suka duduk di depan komputer di rumah saya sebab saya tak suka juga pakai *laptop* [komputer riba] apa saya rasa susah, walaupun rasa boleh *bawak* [bawa] – ada *laptop* [komputer riba] tapi saya rasa tak puas nak taip, nak apa. Saya cuba buat,

**OMA :** macam duduk dekat sini (Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang) *ka*, saya tak boleh. Saya lebih suka duduk di depan komputer di rumah saya, di situ saya ada lebih daripada *sepuluh* [10] *external hard disk* [cakera keras luaran] sebab bahan-bahan saya terlalu banyak, macam foto-foto, video apa semua. Dan saya suka mengambil foto, video, benda-benda yang saya jadikan sebagai sejarah juga lah. Apa-apa saya kumpulkan, jadi saya akan buat... Tadi *pasai* [pasal] tanya apa...hobikan?

**NF :** (mengangguk).

Hobi saya, saya buat video, buat *content* [kandungan] bentuk video untuk *Youtube*. *Page* [halaman] saya OmaraTV.my di *Facebook*. Selepas itu, yang terkini, *TikTok* pun saya buat. Dah *TikTok*, *IG* [*Instagram*]. Semua segala media

**OMA :** sosial saya buat, bila saya masa lapang itu, saya habiskan dengan itu saja. Saya rasa saya dah seronok dah, saya puas. Lain, tak ada apa-apa aktiviti seni yang bila saya ada *show* [persembahan] ada apa, ada orang jumpa saya – Orang jumpa saya pun kerap. Boleh kata tiap-tiap minggu, *ni* [ini] baru kemarin pun ada. Minggu-

minggu depan ini pun ada. Jadi, saya seronok dengan itu. Saya rasa, inilah pengisian masa dalam hidup saya.

**NF : Jadi sekarang Tuan menetap dekat mana?**

Saya menetap di sini, dekat saja belakang *ni* [sini], Pangsapuri Pauh Damai. Rumah *kecil* [kecil] saja. Bukan orang senang pun. Saya [ada] rumah biasa saja tapi sejak ni lah, baru *dua* [2] bulan dengan harini, genap *dua* [2] bulan isteri saya meninggal, jadi saya duduk *sorang* [seorang]. Jadi bila duduk seorang ini saya tak berapa selesa sikit, jadi saya duduk rumah anak-anak di Seberang Jaya [Pulau Pinang], di Kepala Batas [Pulau Pinang], di Sungai Dua [Pulau Pinang], saya

**OMA : tukar-tukar tapi sejak dalam *dua* [2] minggu ini baru saya tumpukan duduk di sini [Bukit Mertajam, Pulau Pinang] sebab macam saya kata komputer saya ada di rumah jadi saya tak suka buat dimana-mana kan? Jadi saya kena balik rumah jugak. Jadi macam saya kata saya dibesarkan dekat sini, disini orang panggil Jalan Baru Prai. Di sana kampung saya nama Kampung Tok Panjang, Bukit Mertajam. Di depan *tu* [itu], rumah saya itu Pangsapuri Pauh Damai, sebelah saja lintas sana. Jadi *ni* [ini] kira kawasan saya dari dulu hingga sekarang lah (ketawa).**

**NF : Tadi Tuan cakap pasal anak-anak, jadi anak-anak Tuan ada yang ikut jejak langkah Tuan?**

Masa dia orang kecil-kecil dulu, anak-anak saya ikut sebab masa tu anak-anak saya tak ada apa-apa tanggungjawab. Ada *dua* [2] perempuan, *dua* [2] lelaki. Yang *dua* [2] perempuan belum berkahwin lagi. Jadi saya bawalah apa aktiviti

**OMA : saya, saya ajak anak-anak saya ikut. Tapi sekarang *ni* [ini] bila anak saya, *dua* [2] perempuan itu sudah kahwin, *dah* [sudah] dapat anak, cucu saya, dan anak lelaki sudah bekerja apa dua-dua orang *tu* [itu], jadi dia orang tak boleh ikut tapi dia orang bagi sokongan dekat saya. Maksud saya, apa benda kalau saya nak minta bantuan atas kerja saya ini, bidang seni saja, *depa* [mereka] akan bantu. Cuma**

*depa* [mereka] tak terlibat dalam persembahan apa *tu* [itu] *depa* [mereka] tak terlibat. Orang latar belakang *ja* [saja].

**TAMAT BAHAGIAN A**

## **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN**

**SA : Sekarang boleh saya tanya mengenai sejarah pendidikan Tuan? Boleh Tuan cerita serba sedikit mengenai sejarah pendidikan Tuan?**

**OMA : Ya. Saya dalam pendidikan *ni* [ini] saya tak tinggilah sebab mula daripada sekolah rendah, Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth [Pulau Pinang]. Daripada tahun ‘61 [1961] sampai tahun ‘66 [1966]. Tahun ‘67 saya bersekolah menengah, masa tu di sekolah Dato’ Onn, Butterworth [Sekolah Menengah Kebangsaan Dato’ Onn, Butterworth] sampai S-P-M. Jadi kelulusan saya hanya S-R-P, lepas *tu* [itu] S-P-M, lepas *tu* [itu] saya berhenti sekolah *tu* [itu] saya menganggur setahun, saya bekerja. Bekerja ni, saya bekerja di Jabatan Telekom Malaysia. Tapi saya tak minat, saya berhenti kerja di separuh jalan untuk meneruskan bidang seni. Jadi dari pendidikan tadi itu *ja* [saja] lah. Saya tak berpeluang bekerja di peringkat yang tinggi lagi.**

**SA : Tuan, boleh saya tahu apa cita-cita Tuan sewaktu di bangku sekolah?**

**OMA : Cita-cita? Saya rasa cita-cita saya macam tercapai juga masa di bangku sekolah. Saya ingat lagi masa saya tingkatan *satu* [1], cikgu saya tanya kami semua lah, “Tiap-tiap sorang [seorang] bagi *tiga* [3] cita-cita yang \_\_”. Jadi satu saya *bagitau* [beritahu] tu [itu], saya nak jadi penulis atau pengarang. *Ha* [Ya], saya jadi [penulis atau pengarang] sebab saya pun ada tulis, buat buku, menulis di akhbar. Selain daripada bidang seni *ni* [ini] saya juga menulis sebagai wartawan sambilan, jadi yang saya nak jadi penulis [atau] pengarang *tu* [itu] tercapai. Yang kedua, saya kata saya nak bermiaga, jadi saya pernah bermiaga *sat* [sekejap] sehingga tahun ‘90an [1990-an]. Lepas *tu* [itu] saya berhenti meniaga lah, saya pernah buka *mini market* [pasar mini] lah apa semua, tapi benda-benda tu tak sama dengan kegiatan seni, jadi saya tak teruskan sampai sekaranglah. Jadi bermiaga ada, mengarang ada. Yang ketiga... yang tu biasa *ja* [saja], budak-budak kan, orang kata, “Nak kerja apa *ni* [ini] ?” saya kata, “Nak jadi kerani.” Itu saja, bila saya kata nak jadi kerani, dapatlah kerja juga jadi kerani. Jadi *tiga-tiga* [3] *tu* [itu] semua**

*dah* [sudah] jadilah. (ketawa)

**SA** : Macam kan Tuan pernah *bagitau* [beritahu] yang Tuan waktu zaman sekolah Tuan minat menceburい bidang seni. Pernahkah Tuan menyertai apa-apa pertandingan yang berkaitan seni waktu sekolah?

**OMA** : Ada. Masa sekolah menengah saya dalam Boria lagi, kumpulan Boria sekolah menengah *pulak* [pula] kami masuk berkumpulanlah, bukan saya *sorang* [seorang]. Kumpulan kami *tu* [itu] masuk pertandingan Boria peringkat negeri Pulau Pinang dan kami menanglah jadi johan peringkat negeri Pulau Pinang. *Ha* [Ya] itu satu. Lepas tu, masa saya remaja, saya bersama kawan-kawan tubuh satu kumpulan Boria nama Kudret Seni masa *tu* [itu], *takdak* [tak ada] *dah* [sudah] *la* [sekarang]. Dalam kumpulan tu kami masuk dalam pertandingan Gendang Rakyat, anjuran R-T-M [Radio Televisyen Malaysia], tapi kami kalah lah di peringkat awal lah. Masa *tu* [itu] saya pun *takdak* [tak ada] pengalaman apa lagi, baru teringin, suka nak buat macam-macam tapi masa *tu* [itu] kurang pengalaman. Jadi kalau ikut pertandingan, *dua* [2] *tu* [itu] sajalah yang saya masuk masa remaja. Yang setelah dewasa ni *takdak* [tak ada] lah.

**SA** : Kiranya Tuan ada lakukan sebarang pekerjaan lain, sambil-sambil waktu belajar?

**OMA** : Belajar takat S-P-M saja, bekerja setahun selepas S-P-M. Yang saya bekerja di Jabatan Telekom Malaysia. *Tu* [Itu] pun kerja saya, orang kata separuh saja, sebab *tu* [itu] saya berhenti. Saya hantar surat berhenti sebab saya tak minat dengan kerja sebab kerja dengan seni *ni* [ini], dia berbeza. Kerja saya bidang lain, macam cerita kerani tadi *ni* [ini], kena buat itu ini apa semua, saya tak boleh sebab saya lebih suka benda yang saya sendiri buat. *Tu* [Itu] yang saya mula dengan bermiaga, tu pun separuh jalan. Tapi saya masih lagi di bidang seni *ni* [ini] saya terus sampai

*la* [sekarang]. *Ha* [Ya] itu saja.

**TAMAT BAHAGIAN B**

## BAHAGIAN C : KERJAYA AWAL

NF : Jadi seterusnya, saya nak tanya lagi pasal kerjaya awal lah. *Time* [Semasa di] Telekom tu kira Tuan kerja sebagai kerani lah?

OMA : Ya.

NF : Oh, kerja buat apa *ja* [saja]?

OMA : Hah [Apa]?

NF : *Time* [Semasa] jadi kerani tu apa tugas Tuan?

OMA : Tugas saya selepas [sebagai] kerani *ni* [ini], saya banyak duduk di kaunter tempat pembayaran bil telefon, lain tu saya pindah ke pejabat telegraf. Dulu ada telegram, sekarang ni *Telegram* lain *tau* [tahu], *Telegram* sekarang ni berbeza, telegram dulu orang nak hantar apa-apa mesej, orang dulu *takdak* [tak ada] telefon, *takdak* [tak ada] juga *handphone* [telefon bimbit], jadi bila nak *bagitau* [beritahu] kematian, sakit, apa semua guna telegram. Jadi saya kerja bahagian telegram. Lepas tu saya jadi Kerani Kanan, naik pangkat lah. Saya berhenti *tu* [itu] masa kerani kanan. Kerani Kanan tu jadi... ketua kepada pekerja-pekerja saya lah. Tapi saya berhenti tu masa Kerani Kanan lah.

NF : Jadi lepas berhenti [kerja kerani] *tu* [itu], Tuan terus masuk dalam bidang seni boria kah?

OMA : Bidang seni tetap jalan juga dari saya zaman kanak-kanak, remaja tapi bila saya berhenti *tu* [itu], masa saya, saya rasa, terlalu banyak sebab saya *takdak* [tak ada] *boss* [majikan] dah, kalau tidak saya takut nanti *boss* [majikan] arah itu arah ini kan. Jadi bila saya sendiri jadi *boss* [majikan] macam best juga, saya menerbitkan album-album lagu *ni* [ini] sehingga sekarang saya sebenarnya tak berhenti, saya masih menerbitkan album tapi zaman sekarang *ni* [ini] tak macam dulu lah. Sekarang *ni* [ini] orang tak beli dah – Dulu zaman

saya dulu, zaman mula dengan piring hitam, kalau *la* [sekarang] dengar, kenangan *ja* [saja] kan. Tak boleh tengok. Lepas *tu* [itu] kaset. Lepas kaset, CD. Sekarang ni *takdak* [tak ada] la CD pon, saya tak nampak *dah* [sudah]. Jadi orang pakai *online* [atas talian], *pendrive* [pemacu pena], *Youtube*, lagu-lagu ada di situ saja. Tapi saya masih menerbitkan sehingga sekarang lebih kurang *lima puluh* [50] buah album *dah* [sudah] saya buat. Itu kalau di bidang rakaman album lah. Saya juga menerbitkan buku, *lima* [5] buah majalah. Sebenarnya yang tuan punya syarikat penerbitan tu kawan saya di Kuala Lumpur tapi dia bagi kepada saya sebagai Ketua Pengarang, maksud dia saya di Seberang Jaya [Pulau Pinang] *ni* [ini] ada satu pejabat, ada orang-orang di bawah yang jadi penulis. Kami buat majalah, kami buat *layout* [susun atur]. Jadi dalam sebulan, *lima* [5] buah majalah kena siap cepat sebab tiap-tiap bulan kena kedip. Kalau *lima* [5] majalah dalam sebulan, *satu* [1] majalah dalam tak sampai seminggu kami kena siap cari bahan tapi kami ada ramailah. Cari bahan, buat *layout* [susun atur] apa semua sampai jadi reka bentuk hantar *pi* [pergi] KL [Kuala Lumpur] *depa* [mereka] cetak. Jadi masa *tu* [itu] saya guna syarikat saya nama ‘Penerbitan Wacana’. Tapi tak lama, benda *tu* [itu] dalam tahun 2000 saya rasa. Dan 1998 ke 2000 macam *tu* [itu], yang saya sibuk dengan kerja penerbitan lah. Selain pada *tu* [itu], saya juga ada kumpulan musik saya sendiri, yang kami dah dapat buat persembahan di merata tempat, termasuk dalam program TV Astro, mengiringi Dato’ Siti Nurhaliza. Lepas *tu* [itu] adalah program *dua puluh* [20] siri, kami dapat *dua puluh* [20] siri Salih Yaacob ‘Show I Follow’. Dalam tu semua kami lah mengiringkan artis-artis apa semua. Benda *ni* [ini] dah berbelas tahun dulu lah, saya rasa *dua belas* [12] tahun dulu. Di Astro dan disiarkan dah [sudah]. Lepas tu bidang-bidang lain yang saya ada *band* [kumpulan pemusik] tadi, kami main merata lah, buat rakaman album juga, di radio. Walaupun tak lah naik nama macam *band-band* [kumpulan pemusik] di Kuala Lumpur tapi kami okay, orang kata hidup. Dan kami gunakan media sosial untuk *promote* [promosikan] kami. Lepas tu, tahun ‘90 [1990] saya menerbitkan drama TV [televisyen] dan filem. Tapi bukan filem di pawagam lah. Nama syarikat saya V.K. FILM PRODUCTION. Melalui syarikat tu saya berdaftar dengan FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia]. Saya berjaya

terbitkan *dua* [2] buah drama TV [televisyen] dan disiarkan di RTM [Radio Televisyen Malaysia] ‘TV1’ dengan ‘TV3’. Jadi saya sebenarnya mencari macam-macam, maksudnya, yang ni [ini] nak buat, sebab benda ni [ini] saya seronok kan, yang ni [ini] saya nak buat. Jadi ada benda saya tinggal dah [sudah] macam penerbitan TV [televisyen] tu [itu] saya tinggalkan, syarikat saya pun dah saya tutup dah. Sebab-sebab dia persaingan sekarang ni [ini] banyak, jadi saya pun takut, dia ada kalah menang lah dalam persaingan. Jadi orang Pulau Pinang kata, “Pusing *pi* [pergi], pusing *mai* [datang]”, saya *mai* [datang] ke arah ni [ini] juga, Boria, Ghazal Parti. Sehingga saya tubuh kumpulan Boria saya sendiri, daripada nama macam-macam nama, akhirnya dalam tahun 2000 keatas, saya tubuhkan nama kumpulan Boria saya, Boria OMARA. Jadi macam saya sebut diawal tadi, bila nama Boria OMARA, nama tu menjadi. Sebelum *ni* [ini] bukan menjadi sangat, ada naik turunlah. Jadi bila buat Boria OMARA menjadi sehingga sekarang *ni* [ini]. Memang alhamdulillah, aktif. Dan *taktau* [tak tahu] lah, masa depan kan? Setakat *la* [sekarang], alhamdulillah.

NF : **Boleh tak saya tahu siapa yang ajar Tuan Boria?**

OMA : Ajar. Sebenarnya macam saya cakap tadi dalam masa sekolah rendah saya duduk di Butterworth, rumah saya dekat dengan padang diadakan– sering diadakan persembahan seni budaya apa dan ada Boria. Saya belajar daripada saya tengok, daripada menonton. Bila saya menonton, saya tengok, “Oh, yang ini kena buat macam ini. Yang ini kena buat macam ini.” Kalau lirik atau rangkap karangan Boria, bunyi rima atau suku kata dia tengok bunyi sama. “Oh, kena buat sama.” Jadi saya belajar sendiri sehingga dalam tahun 2000 juga lah, lebih kurang 2000 keatas saya jumpa dengan tokoh-tokoh Boria masa itu, Allahyarham Pak Lah, ataupun Abdullah Darus, *sorang* [seorang] lagi Allahyarham Pak Kar. Pak Kar *ni* [ini] Haji Abu Bakar. Jadi kisah tokoh Boria pada masa *tu* [itu] jadi saya kerap jumpa. Saya jumpa, saya *pi* [pergi] rumah. Jadi dari situ banyak bercakap serupa

belajarlah. Maksud dia, dia *habaq* [beritahu] macam *ni* [ini] *ka* apa-apa. Ambil fakta-fakta apa semua. Jadi dari situlah saya cuba membaiki lagi kualiti persembahan Boria mengikut peraturan yang elok. Jadi itulah.

- NF** : **Jadi apa pandangan orang sekeliling Tuan bila tengok Tuan melibatkan diri dalam seni Boria?**
- OMA** : Kalau pandangan orang sekeliling, biasalah, dia ada positif, ada negatif. Sekarang ini pun saya masih terima ada yang kecam saya. Ada yang kutuk saya dalam *Facebook*, ada yang puji melambung-lambung. Jadi biasalah sebab manusia sekarang, orang bebas di media sosial *ni* [ini], orang bukan orang nak sokong *ja* [saja]. Ada orang tak sokong. Jadi kalau ikut orang di sekeliling *ni* [ini] maksud dia dua, satu di media sosial, satu di orang sekeliling yang nampak. Jadi saya berterus-teranglah bila tanya soalan *tu* [itu] berterus-terang daripada apa yang saya alami, macam saya kata ada orang suka, suka sangat-sangat. Saya berjalan dimana-mana orang kenal saya, *la* [sekarang] orang kenal saya. “Omara, Omara, ambil gambar. *Selfie* [swafoto].” *Depa* [Mereka] macam bangga sebab saya terlibat di— saya depa kata, “Omara lah yang angkat budaya Boria. Kalau tak ada Omara, Boria pun *dah* [sudah] mati.” Macam itu *depa* [mereka] kata. Bukan saya katalah. Saya tak boleh bagi sendiri-sendiri. Orang katakan. Bila orang kata *tu* [itu] saya kata Alhamdulillah. Tapi yang orang bagi negatif pula *ni* [ini], macam *depa* [mereka] kata, “Sudahlah, dah tua. Umur dah senja dah.” *Depa* [Mereka] kata, “*Ni* [Ini] bukan zaman nak seronok.” *Depa* [Mereka] kata saya *dok* [tengah] seronok. Apa saya buat *ni* [ini] seronok suka sebab Boria dia benda yang ceria. Nampak memang seronok suka. Kita tengok gambar saya muka saya tak senyum. Saya payah senyum. Tapi bila \_\_ saya senyum. Senyum pura-pura sebab dalam seni kan. Jadi benda-benda *tu* [itu] orang kata saya seronok. Dan kebetulan pula sekarang *ni* [ini] kumpulan Boria saya macam-macam ada sekarang, dan sekarang dah banyak tahun dah semua perempuan remaja. Macam-macam *nilah* [inilah] Jadi bila perempuan remaja, kami *pi*

[pergi] mana-mana *show* [persembahan], mestilah ambil gambar, *selfie* [swafoto], gelak-gelak kan. Jadi ada juga orang yang kata, “*Ai*, semua keliling perempuan *nah*.” Saya seorang lelaki kan? Semua keliling perempuan—jadi masa *tu* [itu] kita buat masa ambil gambar, takkan lah saya duduk diam kan. Mesti buat macam ceria, jadi ada juga orang kata itu. Bila saya tanya kadang-kadang sebagai manusia, dia ada perasaan walaupun saya kuat semangat, kadang-kadang dia ada saya *down* [sedih] sikit. Bila down saya akan bercakap dekat—sebenarnya ahli-ahli Boria saya *ni* [ini] inilah sebagai kawan-kawan saya, sebagai kawan karib, kawan rapat. Ahli-ahli Boria saya *ni* [ini] kira kami bukan sebagai pekerja dengan *boss* [majikan], sebagai apa. Saya anggap *depa* [mereka] sebagai kawan jadi saya akan luahkan lah, saya akan cerita. *Depa* [Mereka] *ni* [ini] tanya, “*Awat* [Kenapa] Encik Omara tak seronok.” Jadi saya kata, “Tak seronok lah orang kata macam itu.” Tapi ada berapa orang ahli saya *depa* [mereka] *bagitau* [beritahu], *depa* [mereka] kata, “*Sepuluh* [10] orang tak suka, *satu* [1] orang akan suka.” Jadi *depa* [mereka] kata tu lah ada *seratus* [100] orang tak suka pun—*sorry* [maaf] silap *sorry* [maaf] terbalik. *Seratus* [100] orang suka, ada *satu* [1] orang tak suka. Tadi terbalik *tu* [itu]. Jadi yang tidak suka *tu* [itu] biar *pi* [pergi] lah. Tak berkesan, tak jadi apa pun. Kita saja *dok* [asyik] rasa \_\_\_, *depa* [mereka] kata jangan layan. Kadang-kadang orang saya tolong jawab di media sosial, ada orang tulis apa-apa yang negatif terhadap saya ada orang jawab. Tapi yang puji, yang suka tu [itu] banyak, lebih ramai, macam kita kata tadilah. Jadi kerana itulah sokongan-sokongan itu buat saya—kadang-kadang saya dulu macam nak berhenti *ka* [atau] tak berhenti. Nak berhenti, tak berhenti. Tapi bila saya *pikiaq* [fikir] balik, kalau kata saya *ni* [ini] sampai kata, “*Pi* [Pergi] lah malam-malam buat tahajud. Buat doa, sembahyang. Benda-benda *tu* [itu] takkan lah saya nak *habaq* [beritahu] dekat orang. Dalam media sosial. Yang itu kita dengan Allah. Jadi yang nampak di Facebook itu saya tak boleh ambil gambar saya tengah berdoa, tak boleh ambil gambar saya tengah sembahyang. Saya ambil gambar tengah buat *show* [persembahan]. Yang *dok* [asyik] nampak saya buat *show* [persembahan] lah. Kemudian sekeping gambar, satu klik gambar, dia boleh bawa pelbagai cerita. Hanya se klik gambar, dan *la* [sekarang] muka saya

tengah masam, bila orang nak ambil gambar, orang kata, “Okay.” Bila kata *ni* [ini], saya senyum. Yang senyum menunjukkan saya senyum selama-lama. Bila orang tengok, “Eh, Omara cerialah, dia seronok. Dia senyum.” Padahal lepas itu saya tak senyum balik. Yang tak senyum balik itu orang tak nampak dah. Orang nampak kita senyum, jadi orang nampak saya gembira, saya seronok serupa seolah saya *ni* [ini] tak pernah susah hati, padahal isteri saya meninggal baru hari *ketiga* [3], isteri saya meninggal. Saya kena *shooting* [rakaman] Boria, saya sebagai tukang karang untuk Penang, PDC Penang jadi hari *shooting* [rakaman] *tu* [itu] saya kena terima sebab benda dah mengaku dan orang nak buat itu untuk bulan puasa dan raya yang lepas. Jadi saya kena menyanyi, saya buat rangkap karangan, *pi* [pergi] studio rakam. Masa *shooting* [rakaman] *tu* [itu], saya ceritakan juga sini tak apa kan? Um, sebenarnya saya menangis, sebelum penggambaran *tu* [itu] saya menangis dan orang-orang saya kata, “Encik Omara menangis puas-puas, menangis dulu puas-puas.” *Depa* [mereka] semua diam. Pengarah-pengarah yang nak *shooting* [rakaman], krew-krew semua diam. Cina *tu* [itu], yang anak krew *ni* [ini]. Jadi *depa* [mereka] diam, *depa* [mereka] biar dekat saya. Saya menangis dah habis dah semua, pengarah cina tu *mai* [datang] tepuk belakang saya, “Omara, macam mana? Okay tak okay? Kalau tak okay, kita tunggu dulu. Okay ka?” Jadi, saya fikir balik saya kata, “Okay, saya okay.” “Okay boleh eh?” Saya kata, “Boleh.” Jadi bila ambil foto *tu* [itu] – bila ambil video *tu* [itu] keluar *ni* [ini] siapa tak tahu kata saya – apa masalah berlaku dekat saya sebab saya pura-pura kononnya saya seronok, saya tengah menyanyi, tengah *ni* [ini] kan sebagai tukang karang. Jadi di hati orang tak tahu, tapi masa itu saya lupakan *sat* [sekejap] kalau saya tak lupa saya tak boleh – muka tak boleh – saya lupakan *sat* [sekejap]. Selepas *tu* [itu] bila ada masa rehat apa saya ingat balik isteri saya baru *dua* [2] hari, macam *ni* [ini], macam *ni* [ini]. Tapi kalau orang tahu, masyarakat sekeliling akan – saya takut masa *shooting* [rakaman] ada orang nampak dah. Ada orang angkat tangan kan. Jadi macam kata, *depa* [mereka] dah bagi gambaran \_\_\_. *Depa* [Mereka] dah baca dalam *Facebook* dia tentang kematian. Orang *dok* [sedang] *judge* [membuat andaian] tak *judge* [membuat andaian] tak habis lagi *tu* [itu] sampai dekat seminggu tak habis lagi, tengok saya *dok* [tengah]

seronok suka tahu. Dok [Asyik] macam menyanyikan? Dalam hati saya kata, ‘Alamak, orang dah tengok ni [ini]. Sebab Komtar ni [ini] tempat laluan orang ramai.’ Tapi itulah yang saya cerita tadi yang tanya tadi tentang apa yang dihadapi kan? Macam itu *ka* soalan?

**NF** : Ha [Ya], tanya soalan apa orang sekeliling—

**OMA** : Ha [Ya], orang sekeliling jadi itulah jawapan saya. Orang disekeliling ada suka, ada tak suka. Tapi banyak yang suka. Banyak yang bagi semangat.

#### **TAMAT BAHAGIAN C**

## BAHAGIAN D: SENI BORIA

**SA** : Macam sekarang *ni* [ini] kita cakap pasal persembahan Boria.

**OMA** : Ya.

**SA** : Boleh Tuan terangkan apa itu Boria menurut Tuan? Punya maksud tentang Boria.

**OMA** : Jadi boleh kaitan tentang sejarah sikit *ka* [kah]?

**SA** : *Ha* [Ya]

**OMA** : Boria kalau kita tiap-tiap buat sesuatu kita tak boleh lupa pada sejarah, dimana asal dia. Boria berasal dari Parsi. Parsi *ni* [ini] Iran lah. Boria bukan turun [asal] dari Pulau Pinang. Dari Parsi daripada peristiwa Karbala. Peristiwa Karbala *ni* [ini] peristiwa kematian Sayyidina Husain, cucu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam [S.A.W.], dibunuh, dipenggal kepala apa semua, yang *tulah* [itulah] peristiwa Karbala. Jadi kaum-kaum syiah masa *tu* [itu] orang syiah yang... orang kata terlibat dalam upacara *ni* [ini] tiap-tiap *sepuluh* [10] Muharam. Depa [Mereka] di sana akan buat upacara Takziah. Yang upacara *tu* [itu], dia lakonan semula, maksud dia tiap-tiap *sepuluh* [10] Muharam, tiap-tiap tahun *depa* [mereka] ingat balik kematian Sayyidina Husain *ni* [ini] dibunuh, acara dia mula [dimulai] dengan berlakon. Berlakon ni *depa* [mereka] buat diri *depa* [mereka] sehingga luka, boleh cari dalam *Google* ada. Masih berlakon sampai sekarang, *depa* [mereka] buat diri mereka sehingga luka, sehingga cedera *depa* [mereka]! Kerana mereka meratapi kematian Sayyidina Hussain dibunuh begitu kejam. Lepas tu, ada *sorang* [seorang] akan menyampaikan syair. Syair ini dia akan cerita balik. Syair *tauukan* [tahukan] dia berbeza daripada pantun, macam pantun tapi berbeza. Pantun ada pembayang, ada maksud. Tapi kalau syair semua maksud. Dia [Syair] *takdak* [tidak ada] pembayang. Kalau dia kata benda *tu* [itu], benda *tu* [itu] *teruih* [terus]. Dia *takdak* [tidak ada] *mai* [datang] macam, "Buah cempedak di luar pagar, Ambil galah tolong jolokkan". *Tu* [Itu] buah cempedak, ini "Saya budak baru belajar, Kalau salah tolong tunjukkan". Baru dia nak terang pasal budak baru belajar *ni* [ini] tapi

dia ada pembayang, tu pantun. Tapi syair, empat-empat *tu* [itu] cerita tentang kalau budak baru belajar *ni* [ini], “Budak budak baru belajar” apa-apa— semua pasal dia *ja* [sahaja]. Jadi sama juga dengan upacara Takziah *tu* [itu] macam *tu* [itu]. Jadi saya nak bagi nampak persamaan sejarah Boria *ni* [ini], dia ada lakonan, dia ada syair... tapi sedih, zaman *tu* [itu] cerita sedih. Dari situ Boria datang ke India, sama ada dibawa ke India oleh... ini saya tak pasti. Sejarah itu ada tapi saya pasti. (bersin) Sampai di India, Boria dah berubah sikit sebab orang India, macam kita tahu, mamak-mamak *ka* [atau] apa Jawi Peranakan, *depa* [mereka] riuhkan, *depa* [mereka] riuh, *depa* [mereka] ceria apa semua, jadi Boria yang sedih *ni* [ini] *dah* [sudah] jadi Boria gembira. Boria *ni* [ini] dah jadi *mood* [suasana] lain dah bukan cerita *pasai* [pasal] *tu* [sedih] sudah. Cerita pasal lain pula. Dari India, Boria masuk Pulau Pinang... lebih kurang, ini kajian saya, sebenarnya kalau *pi* [pergi] Google *pi* [pergi] cari apa-apa bahan tak sama yang— mungkin ada tak sama dengan saya kata, mungkin ada sama. Dulu saya dapat macam-macam maklumat tapi bila saya dapat yang lagi terkini tapi orang yang *bagitau* [beritahu] dekat saya *tu* [itu] semua *dah* [sudah] meninggal, tokoh-tokoh Boria (batuk). Jadi apa yang saya dapat, yang saya percaya dan saya lebih yakin, saya cerita yang *ni* [ini] dulu. Kalau ikut nampak tak sama pun, *takpa* [tak mengapa] ambil yang saya dapat, yang saya rasa yang *ni* [ini] betul saya rasa. Boria masuk pada tahun 1786 ke Pulau Pinang oleh Francis Light, yang dikatakan buka Pulau Pinang, tapi sekarang *ni* [ini] orang pertikai, orang kata [yang] buka Pulau Pinang dari Indonesia, dari Jawa yang masuk Pulau Pinang di Batu Uban *tu* [itu], nama apa Janatun *ka* [atau] apa *ka* [kah]. Jadi, Francis Light dikatakan buka Pulau Pinang lepas *tu* [itu], di Fort Cornwallis di Padang Kota *tu* [itu], dia masuk dengan *depa* [mereka] punya kapal, masa tu bersama dengan dia ada Shaik Natar Sahib kawan dia dari India (batuk). Shaik Natar Sahib *ni* [ini] dia askar Sepoy di India *ni* [ini], *depa* [mereka] ada askar-askar Sepoy *ni* [ini] *depa* [mereka] sebenarnya tahanan, *depa* [mereka] bukan askar untuk berperang *ni* [ini]. *Depa* [Mereka] daripada tahanan. *Depa* [Mereka] *mai* [datang] berlayar kapal turun ke Pulau Pinang. Shaik Natar Sahib *ni* kawan rapat dengan Francis Light, *depa* [mereka] *dah* [sudah] ada *dah* [sudah] Boria-Boria yang kata dari Iran ke India *ni* [ini], *depalah* [merekalah] bawa pada diri, *depa* [mereka] dah

ada pengetahuan *tu* [itu], *depa* [mereka] turun di Pulau Pinang, *depa* [mereka] main balik persembahan Boria kerana bila masa lapang, dulu *takdak* [tak ada] T-V, *takdak* [tak ada] apa, jadi nak hiburkan hati, apa yang boleh main, mainlah. *Depa* [Mereka] main Boria. Yang main *tu* [itu] *depa* [mereka] tak kata Boria lah, *depa* [mereka] main persembahan *tu* [itu] di Pulau Pinang, di *satu* [1] tempat ada satu dewan, masih ada lagi tapi buat kajian, tapi dewan *tu* [itu] *dah* [sudah] pecah-pecah lah, orang buat bengkel kereta tapi masih ada sikit ciri-ciri bentuk asal dia ada. Saya ada gambar asal juga. Jadi dewan *tu* [itu] nama Hasarakanah, Ha-Sa-Ra-Ka-Nah. Hasarakanah *ni* [ini]... dalam dewan *tu* [itu] *depa* [mereka] buat persembahan yang dikatakan Boria, tapi dalam bahasa Gujarat, sebab *depa* [mereka] orang-orang Gujarat, di India dalam bahasa Gujarat. Masa buat persembahan Boria *tu* [itu], orang-orang di Pulau Pinang, Jawi Peranakan, Melayu. Jadi orang tengok, *depa* [mereka] *heran* [hairan], “Apa dia *ni* [ini]?” Tapi *depa* [mereka] seronok. Tengok Boria meriah, bukan dari upacara di Parsi dulu. Dia *dah* [sudah] berubah jadi seronok lah. Jadi tengok dia menari dengan ada tukang karang di depan, ada lakonan. Orang-orang sini minat. Minat *depa* [mereka] ambil, *depa* [mereka] tiru. *Ha* [Ya] jadi sama juga saya meniru masa saya zaman kanak-kanak, saya meniru persembahan yang saya tengok. Sebab *tu* [itu] saya bawa ke sekolah saya saya buat, begitu juga orang-orang sini tiru persembahan *tu* [itu] untuk –*depa* [mereka] pun nak main juga–nak buat juga. *Depa* [Mereka] buat. Masa tu macam-macam perkataan orang panggil, jadi ada orang tanya, “*Pasaipa* [pasal apa] dinamakan Boria?” Asal usul perkataan Boria, jadi ada juga pendapat yang saya buat kajian ada yang mengatakan Boria *tu* [itu] dulu dimainkan oleh orang-orang nama Borai. Jadi Bo-Rai. Jadi ada logik dia. Sana Borai *depa* [mereka] tukar jadi Boria. *Depa* [mereka] ada kaum lah, kaum. Tadi Gujarat kan, yang *ni* [ini] orang Borai. Borai tu jadi Boria. Boleh jadi ada yang kata Boria tu daripada maksud perkataan tikar, tikar ni *tikaq* [tikar] lah. Masa *tu* [itu] mungkin juga *depa* [mereka] main Boria, *depa* [mereka] buat pakaian *depa* [mereka] daripada tikar. *Depa* [Mereka] masa *tu* [itu] bukan nak ada benda mahal-mahal macam *ni* [ini]. *Depa* [Mereka] ada tikar pakai di badan *depa* [mereka] sambil menari apa. Mungkin tu. Dan mungkin juga nak tengok Boria kena duduk di atas tikar. Jadi tikar tu dalam

bahasa apa saya lupa maksud dia yang tu Boria. Dan Boria juga maksud dia perkataan gila atau sasau. Sebab orang-orang yang bermain Boria masa *tu* [itu] *depa* [mereka] macam orang gila. Macam gila atau sasau. Dia bukan sekarang *ni* [ini] ada disiplin— walaupun kita seronok, kita gembira tapi kita *la* [sekarang] jaga ni— *depa* [mereka] dulu *over* [melebih-lebih] *depa* [mereka] pakai dengan topeng, pakai yang bukan pakai elok *ja* [saja], yang menakutkan pun ada. Menari-menari tak tentu hala. Lepas tu, orang-orang Boria pada zaman *tu* [itu] *depa* [mereka] nak main persembahan Boria, *depa* [mereka] kena minum benda yang memabukkanlah. Zaman *tu* [itu], todi la orang kata. Todi *tu* [itu] murah dia jual, orang India *dok* [yang] minum mabukkan. *Depa* [Mereka] mabuk dulu, depa *dah* [mereka] hilang ni baru *depa* [mereka] boleh main, boleh menari. Tidak *depa* [mereka] malu. Jadi Boria macam *tu* [itu] dulu. Jadi daripada situlah Boria dia berubah-berubah— tadi saya cerita tahun 1786, lama *tu* [itu]. Jadi dia berubah-berubah, sehingga terkini *ni* [ini] apa yang kalau— sebelum tu *besa* [itu pernah] tengok Boria *dak* [tak]? *Besa* [Pernah] tak?

**SA** : *Besa* [Pernah]

**OMA** : Tengok berdepan *ka* [atau] video *ka* [atau] apa-apa?

**SA, NF** : Video lah selalunya.

**OMA** : *Youtube*? Berdepan *dak* [tak] lagi?

**SA, NF** : (geleng)

**OMA** : *Ha* [Ya], *takpa* [tak mengapa]. Jadi Boria sekarang *ni* [ini] dah berubah. Jadi ini terkini, apa yang ada terkini macam *tu* [itu] lah kata nampak Boria ada *dua* [2] barisan, baris di belakang pakaian sama, ada tukang karang, menyanyi, pakai tongkat, ada berlakon sketsa di peringkat awal. Itu peraturan Boria yang memang dari dulu sampai sekarang macam *tu* [itu] tapi bentuk dia *tu* [itu] berubah. Kalau dulu tak pakai sama, dulu pakai beragam. *Ha* [Ya], macam-macam dia boleh pakai Arab, Cina, India, Melayu, apa macam-macam pakaian yang beragam. Tapi *la* [sekarang] pakaian seragam. Itu beza dia. Kalau dulu Boria dimainkan oleh alat-alat musik *ni* [ini] ada gendang,

gendang panjang, harmonika, lepas tu ada akordion, ada violin, trumpet—*depa* [mereka] main jadi riuh lah. Masa semua tu, tapi sekarang ni [ini] hanya itu *ja* [saja], *Minus One* [lagu tanpa suara penyanyi] *ja* [saja]. Dia bawa daripada rakam di studio, apa yang saya pun *dok* [tengah] buat la *ni* [sekarang], *pendrive* [pemacu pena] bawa, *pi* [pergi] pasang balik, orang main ikut itu. Pemusik dah *takdak* [tak ada]. Bukan kata benda *tu* [itu] bagus *tau* [tahu], saya pun tak suka. Saya suka nak Boria macam asal dulu tapi kami susah nak buat *la* [sekarang] akibat kos. Kalau dulu orang main *ni* [ini] suka-suka, masing-masing nak hiburkan hati, ada alat musik bawa. Dia nak main *ja* [saja]. Tapi sekarang ni orang mula meletakkan bayaran, maksud dia, kita kena bayar orang *ni* [ini], kena bayar *ni* [ini]. Kalau sekali latihan berapa kena bayar. Sekali persembahan berapa. Kos pun dah meningkat, jadi kita tak mampu nak buat benda macam *tu* [itu]. Tapi *tu* [itu] lah benda yang terbaik bagi saya. (berdehem) Lepas *tu* [itu], jadi Boria dulu saya kata pakaian beza dia—tapi dia tetap mengikut ciri-ciri asal dia, dia tetap ada tukang karang wajib memegang tongkat. Tongkat *tu* [itu] wajib. Kalau *takdak* [tak ada] tongkat saya kira bukan tukang karang Boria. Sketsa wajib. Sketsa satu *scene* [babak], satu babak dipermulaan cerita. Dan sketsa Boria dengan lakonan lah, sketsa lakonan dengan karangan Boria *tu* [itu] kena kaitan. Dia tak boleh yang ini cerita lain, yang ini cerita lain. Dia berkaitan. Jadi itulah yang kata Boria *ni* [ini] satu persembahan yang kita kata *colourful* [warna-warni], berwarna-warni, ceria. *Ni* [Ini] yang sekarang *ni* [ini] daripada saya cerita *ni* [ini] perubahan Boria mengikut zaman dan sekarang *ni* [ini] apa yang berlaku, itulah Boria yang terkini. Tapi macam mana pun kalau ada pihak-pihak yang minta (berdehem) untuk kita tunjuk balik Boria yang macam dulu saya buat. Yang sekarang *ni* [ini] saya tengah usaha...mungkin tak lama lagi, mungkin dalam sebulan *ni* [ini] kah, tunggu saya lapang sikit, saya nak menubuahkan kumpulan Boria lelaki saja pula yang saya kata Boria saya perempuan. Lelaki saja sebab Boria dulu lelaki main Boria, perempuan tak main Boria. Jadi Boria lelaki saja *ni* [ini] saya nak buat Boria macam zaman yang sebelum datang ke zaman *ni* [ini], Boria yang pakai pakaian yang pelbagai pakaian dan ada alat-alat musik. Saya cuba juga nak buat sebab yang *ni* [ini] pun kira Jabatan Warisan Negara. *Depa* [Mereka] *dah* [sudah] bagi anugerah Tokoh

*kat [dekat] saya jadi jabatan Warisan Negara lebih suka Boria yang macam tu [itu]. Depa [Mereka] takmau [tak mahu] Boria yang macam la [sekarang] ni [ini]. Dan pada enam [6] haribulan ni [ini] Jun, dan tujuh [7] Jun, Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang jemput saya dan saya cari salah sorang [seorang] orang Boria juga untuk kami menulis tentang Boria ni [ini] nak dihantar ke UNESCO [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] tentang Boria ni nak dihantar ke UNESCO [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] supaya diangkat sebagai warisan dunia. Sekarang Boria belum lagi diangkat menjadi warisan dunia. Jadi enam [6] dan tujuh [7] haribulan ni [ini] kami akan buat dengan tulis pencalonan, isi borang, isi apa semua hantar kepada UNESCO dan InsyaAllah kalau berjaya, Boria akan dinaikkan sebagai warisan dunia. Jadi bila nak angkat kepada warisan dunia tu, disitu depa [mereka] kena tengok dua [2] bentuklah. Satu [1] bentuk Boria yang saya kata tadi, yang saya nak buat selepas ni [ini] lah, nak buat Boria lelaki ni [ini]. Satu [1] lagi nak tengok Boria moden sekarang ni [ini]. Kita kena tunjuk dua [2] tu [itu] baru kita hantar ke UNESCO.*

**SA : Tuan, boleh saya tahu bagaimana persediaan untuk persembahan Boria sebelum dipentaskan?**

**OMA :** Persediaan untuk persembahan Boria ni [ini], kalau Boria terkini ni [ini] kita beratkan kepada kostum ataupun pakaian. Jadi kalau sayalah, kami untuk buat satu persembahan, kita ambil masa satu [1] jam lebih untuk ahli-ahli saya pakai kostum, pakaian yang betul-betul, takmau [tak mahu] silap, takmau [tak mahu] apa semua. Lepas tu [itu], apa kerana ahli Boria saya ni [ini] perempuan, makeup [bersolek] pun ambil masa sejam, makeup [bersolek] tu [itu]. Jadi kadang-kadang bila saya paksa benda tu [itu] mengejut, orang nak panggil dah [sudah] buat persembahan, jadi depa [mereka] tak boleh buat apa-apa, depa [mereka] kata, “Tak boleh Encik Omara. Kena juga [bersolek]. Kami kena ni [bersolek]”. Jadi saya kata, “La

[Sekarang] saya kata, orang bukan nak tengok *makeup* [bersolek], orang nak tengok Boria *tu* [itu].” Dia kata, “Tak boleh, kami kena bagi *perabis* [habiskan] juga.” Jadi itulah masalah yang saya hadapi kerana persediaan *tu* [itu] kita kena ada awal, tapi ada lagi awal. Awal lagi sebelum *ni* [ini], lagu. Lagu penting. Sebab saya sendiri ada lebih daripada *seratus* [100] lagu lah, lebih. Saya banyak lagu sebab kami banyak buat Boria, buat album Boria, buat persembahan di TV. Macam bulan *tujuh* [7] *ni* [ini], atau bulan *lapan* [8] akan keluar rancangan TV, ‘Mai Chek Mai’ dalam rancangan *tu* [itu] *tiga belas* [13] episod Boria kami. Jadi untuk buat *tu* [itu] kita *tiga belas* [13] episod, ada *tiga belas* [13] lagu. Jadi lagu juga. Jadi kami buat lagu *ni* [ini] bila kami agak dah macam kerap sangat dah kan sebab saya *dok* [asyik] masuk *Facebook*, *Youtube*. Jadi orang *dok* [yang] tengok, “Allah, balik-balik lagu *tu* [itu] jugak.” Jadi saya kena ubah. Bila ubah lagu, kita kena latihan juga. Jadi *practice* [berlatih], benda *tu* [itu] pun dia berubah dia punya gerak tari dia, dia punya *ni* semua *belain* [berlainan]. Yang *tu* [itu] kita ubah juga. *Practice* [Berlatih] juga, belajar. Jadi benda-benda *tu* saya kata sedia lagu. Lagu kalau sekarang dia pakai *Minus One* [lagu tanpa suara penyanyi], lepas buat lagu ada musik semua kita masuk rakaman suara di belakang, *sailor* [kumpulan penari] yang menyanyi ramai *tu* [itu], kita terpaksa rakam dulu kerana bila buat *show* [persembahan] di pentas, suara *depa* [mereka] selalu tenggelam. *Depa* [Mereka] menyanyi, tapi suara *tu* [itu] tenggelam. Bila ada suara latar yang kita rakam siap, *depa* [mereka] menyanyi juga. Memang *depa* [mereka] menyanyi tapi suara depa tak hilang sebab rakaman *dah* [sudah] kuat. Tukang karang menyanyi *live* [secara langsung]. Kecuali ada sebab-sebab tertentu macam rakaman TV. Tukang karang kena *miming* [hanya menggerakkan bibir ketika menyanyi] lah. Kita kena rakam di studio sebab TV esok, *depa* [mereka] pasang balik lagu *tu* *depa* [mereka] padankan dengan gambar, nampak dia yang menyanyi, baru elok. Jadi itu antara persediaan dia lah. Kemudian rangkap karangan, katalah kita buat cerita tentang perpaduan. Paling terbaru hari Jumaat lepas kami main minggu perpaduan di \_\_ Pulau Pinang. Saya kena buat rangkap karangan berkenaan dengan perpaduan. Sebulan sebelum *tu* [itu], pengajur dah mintak dah, Jabatan Perpaduan, minta lirik atau rangkap. Dalam Boria kita tak panggil

lirik lah, kalau lagu lirik, Boria kita panggil rangkap karangan. Saya kena tulis dan saya memang penulis rangkap karangan lah. Memang kalau bab rangkap karangan semua saya akan buat. Saya tulis rangkap karangan lebih awal tentang perpaduan, *tu* [itu] baru pergi rakaman studio, dah *tu* [lepas itu], buat latihan sehingga buat persembahan. Itulah antara persediaan-persediaan kami sebelum membuat satu-satu persembahan Boria.

**SA : Kebiasaan persembahan Boria dilaksanakan dimana?**

**OMA :** Persembahan Boria *ni* [ini] kita ikut pengajur. Kalau orang jemput—*haritu* [hari itu] depan *tu* [itu] *ja* [saja] PTPTN, *balik* [disebalik] sana lintas jalan, buat disitu. Kalau buat di situ, kita pun buat tentang Boria PT— Saya sebut betul tak? P-T-P-T-N.

**SA :** Ha [Ya], PTPTN.

**OMA :** Kadang-kadang saya terbalik, P apa ka [entah], saya silap. (ketawa) Lepas *tu* [itu], macam baru *ni* [ini] perpaduan, dia panggil. Sempena minggu perpaduan, kita buat disitu. Dan mungkin juga rumah terbuka raya ataupun majlis kahwin, ada orang panggil juga. Kita buat tentang majlis kahwin. Jadi apa-apa saja jabatan-jabatan kerajaan *ka* [atau] apa perayaan-perayaan, majlis-majlis apa yang orang nak persembahan Boria sebab di Pulau Pinang, Boria *ni* [ini] seni warisan Pulau Pinang, kadang-kadang orang luar bila *depa* [mereka] *mai* [datang] ke Pulau Pinang *depa* [mereka] bawa dari KL [Kuala Lumpur] jabatan apa *ka* [atau], *depa* [mereka] duduk *dua* [2] *tiga* [3] hari di Batu Feringgi [Pulau Pinang], *depa* [mereka] ada seminar *ka* [atau], ada bengkel, kursus *ka*, bila malam *tu* [itu] *depa* [mereka] buat makan-makan *depa* [mereka] nak Pulau Pinang punya persembahan Boria. Dari situlah saya dapat. *Depa* [Mereka] akan carilah, buat persembahan Boria. Jadi majlis-majlis yang macam-macam *tu* [itu] lah. Apa saja majlis yang kadang-kadang *depa* [mereka] rasa perlu diisi dengan Boria *tu* [itu] *depa* [mereka] jemputlah.

**SA** : Selalunya berapa orang yang terlibat dalam persembahan Boria?

**OMA** : Dia persembahan Boria tidak ada had. Tapi paling minimum lah, paling sikit *tu* [itu], kalau ikut dalam— kami *besa* [pernah] buat Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara *besa* [pernah] buat simposium [pertemuan antara para cendekiawan, pakar, dan sebagainya untuk membincangkan suatu persoalan, perkara, dan sebagainya] Boria untuk menetapkan fakta-fakta untuk menetapkan peraturan-peraturan Boria. Jadi kami *dah* [sudah] pilih paling sikit *sepuluh* [10] orang penari belakang tu, *sailor* [kumpulan penari], *tu* [itu] paling sikit. Tukang karang *sorang* [seorang] lah. Dia di depan, dia *sorang* [seorang]. Lepas *tu* [itu], pelakon sketsa *tiga* [3] atau *empat* [4] orang. Jadi kalau kita campur itu semua, lebih kurang *lima belas* [15] orang atau *enam belas* [16] orang. Itu paling sikit. Tapi kami pernah bila TV [televisyen] nak buat *shooting* [penggambaran], TV [televisyen] tak nak ramai. Biasa TV [televisyen] nak *enam* [6] orang saja yang menari-menari *tu* [itu] kerana atas kesesuaian— adalah *depa* [mereka] ada sebab kan. Kami pun buatlah *enam* [6]. Tapi saya kena teranglah kalau orang cakap dengan saya, saya kena *habaqlah* [beritahu lah], “Boria ni sepatutnya paling minimum *sepuluh* [10] *sailor* [kumpulan penari], tukang karang tetap *satu* [1], lepas tu pelakon sketsa *tiga* [3] atau *empat* [4] orang”. Tapi Boria pernah dimainkan lebih— kami pernah buat Boria *lima puluh* [50] orang, Boria *seratus* [100] orang. Boria *dua ratus* [200], dan paling tinggi setakat *ni* [ini] Boria 4150 orang, Malaysia Book Of Record. Yang *ni* [ini] anjuran Kementerian Pendidikan, semua pelajar-pelajar *ja* [saja] yang menari Boria *ni* [ini]. Lirik saya buatlah— rangkap karangan saya buat, di Stadium Pulau Pinang. Masa *tu* [itu] Boria paling ramai dapat rekod 4150, dan sekarang *ni* [ini], Jabatan Perpaduan Negara tengah *dok* [sedang] bincang dengan saya nak suruh saya uruskan— nak lawan balik rekod tu pulak, kami nak cuba 5000 orang. Jadi InsyaAllah kalau benda *ni* [ini] jadi, sayalah yang akan urus semua *ni* [ini]. Kalau jadi

kita nak pecahkan balik rekod yang saya buat rekod yang 4150 *tu* [itu]. Jadi jawapan dia Boria boleh dimainkan daripada minimum yang saya *bagitau* [beritahu] tadi lebih kurang kita kata *lima belas* [15] orang, sampailah kepada... tak terkira. Berapa ramai orang boleh mengikut di belakang *tu* [itu], buatlah.

**SA** : Tuan, berapakah modal yang diperuntukkan untuk menjalankan sebuah persembahan Boria?

**OMA** : Modal kalau kita *dah* [sudah] ada, maksud dia, modal baru nak tubuh atau modal untuk satu persembahan kita nak *pi* [pergi] main mana-mana kah? Macam mana maksud dia *tu* [itu]?

**SA** Maksud dia macam sekali persembahan.

**OMA** *Ha* [Ya], sekali persembahan. Kalau sekali persembahan, kita *dah* [sudah] ada *dah* [sudah] sebahagian orang kata— kadang-kadang contoh dia macam latihan kalau lagu tak berubah, *depa* [mereka] berlatih pun sikit *ja* [saja]. Tadi tak perlukan latihan banyak. Bila saya sebagai ketua atau pengurus, saya menanggung semua, menanggung pengangkutan *depa* [mereka] ke— masa latihan pun saya *pi* [pergi] ambil sendiri. Kalau *depa* [mereka] naik la *ni* [sekarang ini] Grab lah, kalau naik Grab apa teksi ka, saya bayar. Kalau *depa* [mereka] *pi* [pergi] ambil, *pi* [pergi] hantar saya bawa sampai selesailah siapa pun, kecuali ada yang boleh *mai* [datang] sendiri, tapi kebanyakan saya remaja yang *takdak* [tak ada] pengangkutan sendiri, jadi saya kena tanggung. Jadi kalau untuk buat benda *tu* [itu] kos juga, kita kena tanggung. Bila buat latihan, makan minum. Kadang-kadang kalau latihan *tu* [itu] panjang, sebelum kita makan minum, kita ada makan, selepas pun ada. Dan saya tak pernah berkira, tak pernah kata, “Bagi nasi lemak saja” ka bagi— *dak* [tak]. Saya bawa *pi* [pergi] kedai *depa* [mereka] pilih. Jadi pilih ikut *depalah*

[mereka lah]. Jadi pilih ikut *depa* [mereka], *depa* [mereka] ada pilih benda mahal, ada apa. Benda-benda *tu* [itu] saya bayar. Okay lepas *tu* [itu], bila hari buat persembahan, pengangkutan. Tadi saya ada sebut *dah* [sudah] pengangkutan juga dengan tadi latihan, ni persembahan, makan minum juga. Kecuali dalam persembahan *tu* [itu] katalah buat di hotel depa [mereka] ada majlis jamuan, *depa* [mereka] kata kami semua diberi jamuan lah. Percumalah. Tak payah kami makan di luar. *Tu* [Itu] saya jimatlah sikit. Lepas *tu* [itu] pakaian. Kami *dah* [sudah] buat pakaian-pakaian sendiri tapi kerana Boria saya kerap juga buat persembahan dan bila buat persembahan *la ni* [sekarang ini], akan ada di media sosial. Kami masuk [muat naik], saya masuk [muat naik], orang lain masuk [muat naik]. Orang tengok kan? Jadi saya *takmau* [tak mahu] nampak kami macam tak salin pakaian. *Dok* [Asyik] tengok yang *tu* [itu] *ja* [saja]. Jadi saya sewa. Kos sewa *tu* [itu] pun 400, 500 ringgit untuk sewa *tu* [itu]. *Tu* [Itu] antara benda-benda yang saya terpaksa keluar kos. Bila buat lagu baru pulak, terlibat dengan studio, terlibat dengan komposer yang buat lagu, dia buat lagu, dia cipta lagu, lagu *dah* [sudah] siap *pi kat* [pergi dekat] studio, terlibat dengan bayaran pasal di studio. Kemudian, bila menyanyi latar *ni* [ini] saya kata kita rakam *tu* [itu], orang Boria saya tak semua yang boleh menyanyi yang kita rasa okay boleh rakam. Jadi saya ambil orang luar yang menyanyi latar *tu* [itu] sebab orang tak nampak kan, orang dengar suara *ja* [saja] untuk nak bagi kualiti. Jadi benda-benda *tu* [itu] sebenarnya banyak jadi bila saya *dok* [tengah] buat Boria, banyak kali yang saya tak untung sebenarnya. Saya rugi, dia melibatkan duit-duit saya sendiri kena keluar. Jadi sejak akhir-akhir *ni* [ini] saya naikkan sikit bayaran untuk persembahan Boria tapi bila naik orang kata tinggi. *Depa* [Mereka] kata, “Eh, *awat* [kenapa] tinggi sangat?” tapi kadang-kadang saya *taktau* [tak tahu] nak buat macam mana. Saya pun tak tahan kalau saya terus keluar tanpa dapat balik kan? Kadang kena *pi* [pergi] *meeting* [mesyuarat] dulu, kena *pi* [pergi] *rehearsal* [raptai]. *Pi* [Pergi] sana pulak yang latihan, latihan. Ni *pi rehearsal* [raptai] tempat persembahan. Benda-benda *tu* [itu] semua kos. Jadi kalau kata ikut atas jumlah kita nak kata banyaklah, saya rasa *satu-satu* [1] persembahan Boria kita nak buat campur dengan pakaian tadi dengan apa semua, saya boleh katakan dengan makan minum...dekat-dekat *seribu* [1000] Ringgit

Malaysia] jugalah kos dia.

- SA : Kalau *tu* [itu] Tuan, apakah alat musik tuan selalu gunakan untuk buat persembahan boria? Macam kan Tuan ada kata Tuan rekod selalunya kalau *tu* [itu] apa alat musik yang Tuan selalu pakai?
- OMA : Maksud dia kalau kita guna alat musik di pentas eh?
- SA : *Ha* [Ya], alat musik di pentas.
- OMA : Apa alat musik diguna...Kalau persembahan yang macam dulu saya *tu* [itu], sepatutnya macam *tu* [itu], jadi alat-alat musik yang dalam Boria kita panggil— kalau biasanya orang Pulau Pinang panggil bangsi tapi dia harmonika, yang tiup *tu* [itu]. Dan saya dulu masa remaja dalam Boria saya main itulah. Saya main harmonika. *La* [Sekarang] saya *takleh* [tidak boleh] main *dah* [sudah], tak jadi *dah* [sudah]. Saya buat *la* [sekarang] tak jadi lagu *dah* [sudah]. Dulu *ja* [saja]. Okay lepas tu, trumpet, dia iring ni, sedap— lepas tu gendang panjang tu macam *satu* [1] benda wajib. Dalam Boria dulu kalau sekarang pun kita buat gendang yang dia sangkut *ni* [ini] boleh bawa gendang tu turun, *sorang* [seorang] *satu* [1], *sorang* [seorang] lagi *satu*.[1] Atau kiri kanan ka. Yang tu menarik dalam persembahan Boria, *depa* [mereka] pukul gendang *tu* [itu] elok. Itu tentang alat musik yang dibawa lah. Lepas *tu* [itu], violin. Ada akordion yang tarik *tu* [itu] semua, maracas yang goncang-goncang *tu* [itu], tamborin. Benda-benda *tu* [itu] memberi kemeriahian kepada persembahan Boria. Dan kalau nanti lapang, boleh cari dalam *Youtube* kami buat lakon semula dengan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi *kat* [dekat] saya suruh buat balik benda Boria yang pada masa *tu* [dulu] main alat musik semua— saya buat balik, ada di *Youtube*. Kami buat— guna macam-macam mana dulu orang buat, kami lakukan sama macam *tu* [itu] juga. Itulah antara alat-alat musik yang sering digunakan.

**SA** : Macam Tuan kan kata Tuan ada baju Boria sendiri kan?

**OMA** : Ya.

**SA** : Kalau *tu* [itu] ada selain Boria *tu* [itu] ada pakaian lain tak untuk buat persembahan selain baju Boria?

**OMA** : Untuk bagi orang nampak Boria *tu* [itu] cantik, warna-warni, nampak elok, kami pakai baju yang *tulah* [itulah] baju yang kita buat *tu* [itu]. Tapi dalam peraturan Boria, kita Boria boleh pakai uniform boleh. Kalau kata polis, semua pakai polis, seragam. Kalau kata pelajar, pakai baju sekolah, baju sekolah betul-betul... pun Boria, boleh jadi Boria. Kata... kami biasa buat juga yang beragam, maksud dia, jururawat sebab Boria saya perempuan kan, jadi jururawat. Polis pakai polis. Kami carilah—*depa* [mereka] cari daripada kadet polis ka apa. Pakaian pekerja, pakaian doktor. Doktor jadi main Boria. Kami biasa buat Boria tajuk Labu Labi, dalam Boria Labu Labi *tu* [itu] kami pakai macam dalam filem Labu Labi ada tukang masak, yang ada topi tukang masak tinggi tu kan? Pakai apron *ni* [ini] semua, menari dengan cara...macam *tu* [itu]. Antara dia macam *tulah* [itulah], kira pakaian selain daripada kata yang pakaian tetap yang kami buat *tu* [itu], bila kita nak *satu-satu* [1] keadaan tertentu, boleh, sebab Boria tak ada peraturan yang kata mesti kena pakai yang kalau tengok sejak akhir-akhir *ni* [ini] banyak baju ropol-ropol kan? Yang *tu* [itu] tujuan dia bila menari, nampak besar. Nampak dia— Kalau tidak nampak dia kecil saja tangan *dok* [tengah] *tu* [itu] dok *camtu* [macam itu] kan. Dia nampak macam besar. Tu tujuan— sebab Boria dia meriah, ceria jadi bila ada-ada benda *tu* [itu] jadi menarik, tapi kalau *takdak* [tidak ada] pun boleh. Boleh buat, tak salah.

**SA** : Apakah teknik yang digunakan semasa menyanyi rangkap karangan

## Boria?

- OMA : Teknik? Okay, atau maksud dia cara menyanyi tukang karang kah? Sebab yang menyanyi rangkap karangan *tu* [itu] tukang karang. Okay, cara nyanyi tukang karang dengan cara penyanyi biasa dia tak sama. Pasal *tu* [itu] kalau penyanyi terkenal sekalipun macam mana dia hebat pun, yang *ni* [ini] sebab pengalaman sayalah bila saya bagi dia menyanyi Boria, contoh dia dulu Allahyarham Nassier Wahab, saya bawak dia *mai* [datang] studio untuk nak buat Boria. Pelawak Imuda waktu dia *mai* [datang] buat Boria. *Sorang* [Seorang] lagi ada Omar Arif *tu* [itu], dia penyanyi juga. Dulu dia pembaca berita TV, lama *dah* [sudah], *mai* [datang] buat. Bila *depa* [mereka] menyanyi, mula-mula *depa* [mereka] akan terbawa sebagai penyanyi. Penyanyi dia ada— macam yang kita dengar, dia ada mendayu-dayu, dia ada tarik. Boria dia terus *ja* [saja]. Dia macam, (menyanyi) “Tuan dan Puan, kawan dan rakan;” *Gitu* [Begitu] kan. Macam menyampaikan tahu. Dia *takdak* [tidak ada], (menyanyi mendayu), “Tuan”. Dia *takdak* [tidak ada] alunan-alunan, getaran takdak [tidak ada]. Dia tak *payah* [perlu] benda tu [itu]. Dia terus *ja* [saja]. Dia campur rap sikit boleh, bukan rap macam mana. Macam, “Negara kita telah merdeka!” *Tu* [Itu] bercakap kan? Tapi *dok* [duduk] dalam lagu *tu* [itu]. Macam, “Hidup kita mestilah bersatu!” *Ha* [Ya], *mai* [datang] lagu balik. Barulah ada kejutan-kejutan dalam *tu* [itu]. Jadi... tentang penyanyi Boria *tu* [itu] saya kata bila tukang karang yang penting, dia kena menyanyi yang semacam *tu* [itu]. Mengikut sebagai tukang karang Boria, bukan yang macam penyanyi-pen�anyi biasa. Bukan macam Jamal Abdillah menyanyi, bukan macam Dato’ Siti Nurhaliza. Sebab tu *depa* [mereka] nak sedap suara. Ada alunan, ada tinggi rendah apa semua. Boria *takdak* [tidak ada]. Macam *tu* [itu] *ja* [saja], *lagutu* [begitu saja]. Jadi saya kata tadi, bila ada penyanyi terkenal nak buat Boria, kadang-kadang depa [mereka] macam tak seronok sikit bila kami— bila di studio saya kata, “Tak boleh *tu* [itu]”, saya kata tak boleh. (ketawa). Kita kena (ketawa) *ni* [ini] sikit. *Depa* [Mereka] dah tak seronok, *depa* [mereka] dah biasa macam mana kan. Tapi saya tak kira lah. Saya sebagai Boria, saya kena jaga Boria lah. Kadang *depa* [mereka] terus, “Allah. Nak kena *ni* [ini] pulak.” kan. *Ha* [Ya], itulah.

**SA** : Tuan, adakah persembahan Boria *ni* [ini] senang untuk dipelajari?

**OMA** : *Ha* [Ya], bagi saya senang pun senang. Kalau macam kita katalah benda yang, *satu* [1] kita suka, yang kedua kita minat dan kita kena ada bakat *sikitlah* [sedikitlah]. Jadi macam orang penari di belakang, *sailor* [kumpulan penari] janganlah orang panggil apa... kaki bangku ka apa ka yang dia nak menari tak boleh, dia tak *ni* [ini] kan. Dia keras. Ada juga orang yang biasa *mai* [datang] macam Boria saya kata masa Boria saya perempuan *ni* [ini], ada perempuan *mai* [datang] nak main Boria, nak jadi kumpulan saya. Dia *mai* [datang] *dua* [2], *tiga* [3] kali, dia lari tak *mai* [datang] dah sebab dia payah, dia nak buat macam kelembutan Boria *ni* [ini]. Boria *ni* [ini] bukan lembut sangat. Tarian yang lembut, tarian dia ada *ni* [ini] kan? Boria *takdak* [tidak ada]. Boria dia kasar tapi dia ada gerak geri dia tersendiri. Jadi bagi orang-orang macam *tu* [itu] dia rasa payah. Lepas *tu* [itu] berlakon sketsa Boria. Berlakon sketsa Boria, berlakon ramai orang boleh berlakon. Tapi Boria, dia kalau boleh dia kena spontan. Sebab bila saya jadi juri pertandingan Boria di peringkat mana-mana termasuk peringkat universiti ka, UM [Universiti Malaya], dulu UM *dua* [2] *tiga* [3] tahun, di Kuala Lumpur, *dok* [asyik] buat Boria, saya jadi juri. Tiap-tiap orang yang bila *depa* [mereka] nak buat persembahan Boria, *depa* [mereka] terbawa cara-cara sendiri tahu. *Depa* [Mereka] tak ikut yang peraturan macam asal yang— kalau Boria ni kita nak macam *ni* [ini], nak macam *ni* [ini]. *Depa* [Mereka] tak boleh. Jadi lakonan sketsa, *depa* [mereka] dah jadi teater. *Depa* [Mereka] tak jadi lakonan sketsa. Lepas *tu* [itu] berlakon sketsa Boria seboleh-bolehnya spontan. Tak semua orang boleh berlakon spontan, kami *ni* [ini] pula tak reti baca skrip. Kumpulan kami kata bila nak buat— kumpulan kami ada *tiga* [3] orang atau *empat* [4] orang. Kami tak pernah *pikiaq* [fikir] apa pun kira daripada pi [pergi] relaks, boleh sembang apa semua. *Sat* [Kejap] lagi nak naik pentas, “*Hang* [Kau] jadi apa?” “Jadi watak anak.” “Yang *ni* [ini] bini” Okay, saya akan keluar *last* [terakhir] sebagai penasihat. Saya watak penasihat, saya jadi

penghulu *ka* [atau] jadi cikgu *ka*, jadi apa. Yang *tu* [itu] *ja* [saja] kami tahu. Cerita dia kami tak tahu apa langsung. Cerita berkenaan apa, perpaduan. Okay, perpaduan. Kami tak ada kata, “*Satlagi* [sekejap lagi] *hang* [kau] keluar, *hang* [kau] kata *ni* [ini], *satlagi* [sekejap lagi] aku cakap *ni* [ini]”. *Takdak* [Tidak ada]. Benda *tu* [itu] akan jadi sendiri bila dipentas. Bial buat-buat katalah persembahan *tu* [itu] andailah *sepuluh* [10] minit untuk sketsa. Saya akan kawal lah keadaan, saya tengok kalau *depa* [mereka] teralik [leka] kadang-kadang bercakap tak ada skrip *ni* [ini] dia boleh *pi* [berlanjutan] panjang. Boleh *ralik* [leka] kan? Jadi saya nampak keadaan ni saya kata, “*Sat sat* [Sekejap]”, lama-lama pun saya kata, “Tak boleh. Kita kena *pi* [pergi] di sana, kita apa-apa—”. Saya bagilah— buat ceritalah. *Depa* [Mereka] faham *ja* [saja] lah, berlakon-berlakon, *depa* [mereka] tahulah bila saya kata *tu* [itu] saya menunjukkan saya nak potong *dah* [sudah] sebab jam *dah* [sudah] cukup *dah* [sudah]. Jadi sketsa pun susah kalau bagi orang yang tak boleh spontanlah. Dan baru *dua* [2] hari lepas saya tengok Boria di USM [Universiti Sains Malaysia], tapi saya kesian dekat *depa* [mereka], *depa* [mereka] suruh saya komen. Saya kata bolehlah, say tak mahu teruk-teruk, tapi *depa* [mereka] pakai skrip.

SA : Oh, skrip.

OMA : Keluar-keluar yang perempuan *tu* [itu], “Amboi, Mami ni *panaih* [panas]”. *Depa* [Mereka] suka ikut skrip filem Anak Mami, bila kata nak jadi Mami *ja* [saja], *tu* [itu] mesti orang luar. Kalau orang Pulau Pinang, dia tak cakap macam *tu* [itu]. Kalau orang Pulau Pinang, cakap macam biasa. Dia kata, “Amboi, Mami *panaihlah* [panaslah]”, tunjuk gelang apa kan? “Ni awat [kenapa] *dok* [duduk] *laguni* [macam ini]”. Tu saya kata yang *ni* [ini] sebenarnya bukan, cara *tu* [itu]… saya tak berapa suka tapi bila saya jadi juri dengan peringkat IPT [Institusi Pendidikan Tinggi] *ni* [ini] watak-watak *tu* [itu] kerap keluar. Balik-balik kumpulan *ni* [ini] macam *tu* [itu], kumpulan *nu* [itu] macam *tu* [itu]. Sampai kalaualah *depa* [mereka] mahu tanya saya dulu awal atau bagi saya tengok *depa* [mereka] buat latihan, saya boleh tegur awal, saya kata, “Jangan buat *gutu* [macam itu]”. Tapi tak salah, yang saya kata *ni*

[ini] bukan salah, tak salah. Tapi jangan *over* [melebih-lebih]. Buat biasa *ja* [saja]. Macam keluar-keluar, “Mana anak aku *ni* [ini]? Allah dia *pi* [pergi] mana pula budak-budak *ni* [ini]”. Orang Pulau Pinang *dah* [sudah]. Dia cakap Pulau Pinang *dah* [sudah] kan? “Ni abang, *awat* [kenapa] abang sampai tak beli apa kat che’ sampai rantai apa pun takdak [tak ada]. Abang *ni* [ini] ikut orang lain. Tengok Cik Timah di rumah dia *tu* [itu], Cik Timah tu merata tengok *dok* [asyik] keluar dengan rantai, dengan gelang semua. Yang kat [dekat] che’ apa pun tak beli—”. Tu *dah* [sudah] okay *dah* [sudah]. Tak payah lah *dok* [asyik] (ketawa) \_\_\_, tak payah lah. Tapi tak apa tak salah, jadi untuk cerita Boria, dia kena orang yang boleh... kalau boleh, seboleh-bolehnya spontan. Ada idea. Kalau kita *boh* [letak] tajuk apa... tajuk apa kita nak *boh* [letak]... kata anak terlibat dalam dadah lah, dadah. Kita kena tahu *dah* [sudah] macam... dadah *ni* [ini] macam mana, kalau *ni* [ini] kena apa, kalau *kena* [ini] tangkap macam mana. Apa jenis dadah ada \_\_\_, ada apa— Kita kena... *la* [sekarang] senang *ja* [saja] kan, *Google* cari, dapat tahu *dah* [sudah] kan? Kita kena tahu, *satgi* [sekejap lagi] kita tak tahu apa apa kita nak buatkan? (ketawa). Jadi itulah saya kata tukang karang pula, tadi saya kata tentang penari, untuk Boria kena menari, kena ada bakat untuk menari. Tukang karang, dia kena menyanyi macam saya kata tadi, dia menyampaikan rangkap Boria dengan cara *tu* [itu], dia ada suara yang baik dan kalau boleh dia memori kuatlah, dia boleh hafal. Seboleh-bolehnya kena hafal. Saya sendiri tak hafal tahu, saya payah, payah hafal. Mungkin umur lah *kot* [mungkin]. Kerana faktor umur. Tapi seboleh nya kena hafal. Kalau tak hafal pun, *depa* [mereka] kena tulis di tangan *tu* [itu]. *Depa* [Mereka] boleh sambil *ni* [ini] (melihat tapak tangan) dia macam sikit. Jangan baca *lagutu* [macam itu], dia kena macam sikit, *ha* [ya] tahu dah. Jadi yang *tu* [itu] penting. Kalau ada benda-benda *tu* [itu] semua kita boleh buat, jadi tak susah untuk nak buat satu persembahan Boria, jadi mudahlah. Ya.

**SA** : Menurut Tuan, adakah persembahan Boria yang terdahulu berbeza dengan yang sekarang?

**OMA** : Okay persembahan Boria yang terdahulu memang berbeza tapi dia tidak lari daripada dia punya elemen-elemen dia Boria tetap kita guna. Boria ada sketsa, ada tukang karang, ada rangkap karangan, ada *sailor* [kumpulan penari] menari apa semua, tetap ada. Tapi berbeza dia macam saya kata dari segi kalau dulu semua lelaki, la *ni* [sekarang ini] boleh dimainkan oleh lelaki dan perempuan. Dulu lelaki *ja* [saja], perempuan tak main Boria. Mungkin juga zaman dulu anak-anak perempuan *ni* [ini] dilarang oleh keluarga lah *takleh* [tidak boleh] main Boria. Satu lagi kalau Boria dulu ada alat musik main sama-sama masa persembahan, la *ni* [sekarang] *ni* [ini] dah [sudah] tak pakai alat musik, dia pakai *Minus One* [lagu tanpa suara penyanyi]. Tak tahu masa depan esok macam mana pula, atau— Jadi dah beza. Lepas *tu* [itu] kalau dulu pakaian macam-macam beragam, la [sekarang] pakaian Boria sekarang *dah* [sudah] seragam. Jadi bentuk lebih moden lagi, berwarna-warni lagi. Itu adalah dia punya perbezaan dia tak banyak, yang lain-lain semua dikekalkan dari dulu sampai sekarang sama.

**SA** : Tuan, boleh saya tahu apakah yang mendorong Tuan untuk terus menceburi dalam bidang seni ni?

**OMA** : Macam saya kata tadi, sebab dari zaman persekolahan lagi saya *dah* [sudah] minat seni budaya warisan *ni* [ini] dan saya pernah jadi— apa... marah bila zaman kanak-kanak *ni* [ini] kalau ada kawan-kawan yang lain macam *peleceh* [melecehkan] *ka* ataupun mengatakan satu— “Apa *ni* [ini] menari-menari, apa *ni* [ini]-”. *Tu* [Itu] saya jadi marah! Saya jadi macam masa *tu* [itu] saya mula rasa nak pertahankan seni budaya warisan *ni* [ini]. Lepas *tu* [itu] bila... bila orang kata perkataan, “Kalau tak kenal maka tak cinta.” Bila saya dah kenal yang itu Boria dan seni-seni lain, saya rasa saya cinta benda *tu* [itu], saya tak

mahu berpisah lagi dengan seni *ni* [ini]. Saya tak sekerat jalan. Walaupun ada kawan-kawan saya, yang saya kata hampir *dua puluh* [20] orang kami buat persembahan Boria masa dulu, *la* [sekarang] ada juga saya jumpa *sorang* [seorang] *dua* [2] orang, yang meninggal, yang tak tahu hilang mana, tapi semua tak ambil dah benda *ni* [ini]. Kalau ambil kita tulah sebab sekarang media sosial boleh jumpa balik. Jadi *depa* [mereka] tak buat *dah* [sudah] (batuk) (berdehem). Bila apa— Tadi tanya tentang apa yang saya—

**SA** : Yang mendorong.

**OMA** : Mendorong, *ha* [ya] jadi satu. Yang kedua, kerana seni warisan *ni* [ini] bagi saya, saya sayang sebab dia menunjukkan bangsa kita atau budaya kita di *satu-satu* [1] kawasan kan, macam Dikir Barat di Kelantan, Dondang Sayang di Melaka, Ghazal di Johor, jadi Boria di Pulau Pinang. Kalau kata saya *dah* [sudah] tahu Boria *ni* [ini]— saya *dah* [sudah] kenal Boria, saya *dah* [sudah] cinta Boria sejak daripada zaman sekolah. Pasal apa saya nak tinggalkan dia, biar macam itu, tak jaga dia. Maksud dia, (berdehem) “Boria *ni* [ini] nak hidup, hiduplah. Tak hidup sudahlah.” Jadi saya rasa dalam keadaan zaman *la* [sekarang] yang mencabar, dia masuk budaya-budaya luar ni macam-macam, daripada— terutamanya remaja lah. Dan ada remaja yang tak tahu budaya *dah* [sudah]. Yang tak tahu budaya, yang— tapi bila *depa* [mereka] tahu, *depa* [mereka] minat. Bukan *depa* [mereka] tak minat, *depa* [mereka] tak salah. Yang salah dia, pendedahan kepada depa [mereka] Boria *tu* [itu] jarang. Jadi inilah yang saya buat, saya gunakan platform macam media sosial sebab remaja banyak menggunakan media sosial. Jadi kalau kita tengok apa yang remaja suka, itulah kita masuk. Bila remaja suka *TikTok*, saya masuk dalam *TikTok*. Walaupun orang tua-tua, tengok juga *TikTok*. Tapi orang tua-tua, orang tua-tua, tapi yang remaja baru-baru *ni* [ini] dia macam kenal, “Eh, *ni* [ini] apa dia *ni* [ini]? Oh ini Boria!” Jadi depa [mereka] mula minat. Bagi saya bukan apa, saya nakkekalkan supaya warisan *ni* [ini] tak hilang. Kalau kata saya tak— saya *dah* [sudah] ada pengalaman, saya *dah* [sudah] tahu. Saya *dah* [sudah] ada *dah* [sudah] nak buat Boria. Saya tak ada masalah. Tadi kata nak menyediakan Boria kena itu kena ini. Saya *dah*

[sudah] ada *dah* [sudah]. Nak lagu, lagu berlambak-lambak, dah [sudah] *seratus* [100] lebih duk [yang] ada. (berdehem) *Seratus* [100] *ka* [atau] *dua ratus* [200], saya pun tak kiralah. Banyak. Karangan banyak. Beratus lah karangan, saya buat tiap-tiap satu ada cerita *ni* [ini]. Ada yang saya simpan dalam komputer. Ada yang saya—*dah* [sudah] terlepas ke mana pun saya tak tahu. Jadi benda-benda itu saya boleh. Saya boleh buat, saya mampu buat. Jadi saya tak boleh lah... tinggal benda *ni* [ini] maksud dia, saya tak boleh Boria *ni* [ini] sekadar untuk suka-suka *ja* [saja]. Macam nak buat, buatlah. Kalau tak mahu, tak payah lah. Lepas *tu* [itu], bila *satu* [1] lagi, saya dapat—saya *dah* [sudah] dapat *lapan* [8] anugerah pencapaian. Anugerah-anugerah ini kerana bidang seni saya, terutamanya Boria. Jadi bila saya dapat, saya rasa benda ini mengikat saya, maksud dia, saya tak mahu jadi, orang kata... ada orang kata “Kacang lupa kulit.” pun ada juga, macam kita dapat *dan-dan* [tiba-tiba] kita nak tinggal *dah* [sudah], kita tak mahu *dah* [sudah], macam, “Aku cukuplah, aku *dah* [sudah] dapat pencapaian.” Dalam pencapaian itu saya dapat duit juga. Bukan sikit, banyak! Macam-macam beberapa kali *tu* [itu], ada dapat 20,000 [Ringgit Malaysia], ada dapat 5000 [Ringgit Malaysia], ada lagi 5000 [Ringgit Malaysia]ada dan semua *tu* [itu] bukan sedang tiba-tiba orang bagi dekat kita kepercayaan dan bagi anugerah-anugerah macam itu. Jadi kalau kata saya sebagai orang yang ada pengetahuan dalam Boria, tiba-tiba saya nak tinggal, nak macam, “Tak minat lah pula, saya nak tukar.” Benda-benda lain saya tukar. Saya dibidang— saya buat tadi ada kumpulan musik, saya tulis jadi wartawan, saya buat macam—banyak lagi yang buat penerbitan TV saya kata tadi. Semua benda-benda itu saya boleh tinggal. Tapi yang ini saya tak tinggal, yang ini saya teruskan. Jadi sejarah saya kalau kata kita tulis daripada tahun berapa turun, krono apa orang panggil? Kronologi kan? Jadi dia punya itu kan, yang Boria ini duduk *tang* [dekat] tengah. Dia tetap sampai *la* [sekarang]. Yang lain-lain, yang ini ada-ada, hilang. Yang ini ada-ada *pi* [pergi] ke tepi kan. Tapi yang Boria dia tetap. Sampai *la* [sekarang] Boria juga. Sehingga, anak-anak saya masa kecil dahulu, *depa* [mereka] *pi* [pergi] sekolah, cikgu tanya, “Bapa kerja apa?” “Bapa kerja Boria, cikgu.” *Depa* [Mereka] kata, “Bapa kerja Boria? Mana ada kerja Boria kan?” Dia kerja kerani, kerja polis, kerja tentera, tapi *depa*

[mereka] kata, “Bapa kerja Boria.” Sebab *depa* [mereka] tengok kerja saya Boria. Saya *dok* [asyik] buat Boria saja. Jadi *dah* [sudah] jadi macam itu, saya... tak mahu tinggal lagilah. Maksud dia, sehingga... cabaran macam saya kata tadilah, mungkin *sat* [sekejap] lagi ada soalan cabaran ka apa, tapi yang itu kemudian lah, tapi yang itu saya tak \_\_ lagi. Macam kata tadi lah, *sepuluh* [10] orang suka, seorang tak suka. Itu pun saya kena lalui juga. Kadang-kadang *ja* [saja] saya kalah. Kadang-kadang saya kalah sikit. Dia, hati kita *ni* [ini] kadang-kadang dia *down* [sedih] sikit, tapi bila orang bagi balik semangat, saya naik balik. Jadi saya rasa, saya tak tahu sampai bila, adakah benda ni saya akan– bidang Boria ni adakah saya sekerat jalan saja ka atau saya akan terus lagi. Tapi *la* [sekarang] pun saya *dah* [sudah] melalui *dah* [sudah] umur saya *enam puluh sembilan* [69], jadi orang kata baki-baki umur saya tak tahu berapa lagi. Kalau jadi Mahathir, panjang lagi. Kalau jadi– tak tahu lah nak jadi pendek lagi ka apa, saya berdoa, kita berdoa minta panjang umur dan saya boleh jalankan benda *ni* [ini] dan kalau sampai peringkat saya tak boleh jalan *dah* [sudah], saya *bagitau* [beritahu] dekat orang-orang saya, saya kata dekat *depa* [mereka], “Hampa [Kamu] ambil lah. *Hampa* [Kamu] ambil, *hampa* [kamu] buatlah. Saya tak mahu kata apa, *hampa* [kamu] teruslah jalan benda *ni* [ini] sebab sayang benda *dah* [sudah] ada. *Hampa* [kamu] jalan *ja* [saja], buatlah macam mana pun cara elok-elok.” Saya kata itulah.

- SA** : Tuan, selama Tuan dalam bidang seni apa kenangan yang tidak dapat dilupakan?
- OMA** : Kenangan yang tak dapat dilupakan... kenangan elok *ka* [atau] tak elok ka macam mana?
- NF** : Mana-mana... kalau boleh elok.

**OMA** : Elok. Kenangan elok *ni* [ini] bila saya...satu bila saya dapat anugerah-anugerah yang saya dapat. Asal dia, saya kosong tak ada apa. Dulu bila orang *mai* [datang] *interview* [temu bual] saya macam *ni* [ini], dulu lah, sebelum tahun 2014, saya mula dapat tahun 2014 ke atas, jadi sebelum itu bila *depa* [mereka] tanya bila kami nak tulis Encik Omara *ni* [ini] apa dia. Saya kata, “*Bubuh* [Letak] penggiat Boria lah.” *Depa* [Mereka] kata, “Encik Omara *dok* [pernah] ada dapat apa?” Saya kata, “*Takdak* [Tak ada].” Jadi dulu semua tak ada. Tapi bila tahun 2014, saya mula dapat anugerah demi anugerah, dan yang tertinggi yang saya tak dapat lupakan bila saya dapat Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup Boria tahun 2018 oleh Jabatan Warisan Negara buat di Kuala Lumpur. Majlis itu diserahkan oleh menteri lah dengan dapat 20,000 [Ringgit Malaysia] dengan macam-macam keistimewaan apa *depa* [mereka] bagi. Dan apa yang saya dapat itu dibawah akta 645 daripada Jabatan Warisan Negara, Akta 645 kerajaan Malaysia. Jadi akta *tu* [itu] saya dilindungi maksud dia kalau bangunan bersejarah, kata lah satu bangunan Jam Besar di Dataran Merdeka. Bangunan *tu* [itu] di bawah akta 645 sebagai benda warisan, *sapa* [sesiapa] tak boleh *rosakkan* [merosakkan] dia, kalau orang *rosakkan* [merosakkan] bangunan *tu* [itu] dengan sengaja, orang *tu* [itu] boleh didakwa, boleh didenda dan apa, sebab untuk kesalahan benda *tu* [itu]. Dan yang saya seronok *ni* [ini], saya syok sendiri lah kan bila saya baca apa dia akta 645 yang ada dekat saya *ni* [ini]. Saya juga dilindungi, maksud dia, kalau Fathiah dengan Aishah mai *mai* [datang] nak pukul saya *ka* (ketawa).

**SA, NF** : (ketawa)

**OMA** : Nak kacau saya ka. Kalau lah saya *report* [buat aduan] (ketawa) bersabit kesalahan, boleh didakwa juga sebab saya warisan orang hidup maksud dia bukan warisan benda tahu. Saya orang hidup. Yang dilindungi juga di bawah akta 645. Jadi bila dapat *tu* [itu], saya perasan sendiri lah, seronok, syok sendiri kan? Bila baca-baca, “Eh, aku ni kira dahsyat oh *depa* [mereka] bagi.” (ketawa) *Depa* [Mereka]—Ni *pikiaq* [fikir] *ni* [ini] tak boleh *habaq* [beritahu] dekat orang. Ni saya *habaq* [beritahu] lah kan? *Satni* [Nanti] orang kata dia

riak la kan, bukan? Tapi saya seronok, saya *pikiaq* [fikir], *habaq* [beritahu] dekat anak-anak, “Abah ni [ini] di bawah akta 645 tahu? *Hampa* [Kamu] jangan kacau abah.” (ketawa)

NF : (ketawa) Kira macam VIP lah?

OMA : *Ha!* [Ya] Jadi seronok walaupun... dekat orang saya tak boleh, takkan saya nak tulis di badan saya kan? “Omara dibawah akta 645.” (ketawa)

SA, NF : (ketawa)

OMA : *Sapa* [Sesiapa] tak boleh kacau... saya berjalan masuk *supermarket* [pasar raya], orang semua kata, “Apa *ni* [ini],” kan? (ketawa)

SA, NF : (ketawa)

OMA : Tapi sebenarnya ada dibawah itu dilindungi. Jadi saya seronok, saya rasa benda *tu* [itu] yang saya tak dapat lupakan. “Aku *takat* [setakat] SPM. Sekolah rendah lepas itu SPM. Saya pun bukan ada apa-apa. Bukanlah hebat *tara* [setara] mana. Saya pun bukan orang senang, tahu? Saya orang susah. Duduk pun pangsapuri saja. Rumah kecil saja. Jadi tahu-tahu orang bagi anugerah yang macam ini, itu yang tertinggi, itu yang tak dapat saya lupakan. Yang lain-lain adalah anugerah-anugerah lain, Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Georgetown World Heritage. *Ha* [Ya], yang itu besar *tu* [itu] juga, dia warisan dunia. Daripada kerajaan negeri Pulau Pinang. Asal dia *tu* [itu] masa PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] *depa* [mereka] bagi tahun 2020. Ketua Menteri Pulau Pinang, nak *mai* [datang] sendiri, masa itu kita tak boleh keluar tapi Ketua Menteri Pulau Pinang dengan pakai SOP [Standard Operating Procedure] lah. Pakai *ni* [ini] apa— Nak *mai* [datang] ke rumah saya, depan pintu rumah tak boleh masuk juga. Depan pintu rumah *depa* [mereka] dah [sudah] atur *dah* [sudah] nak bagi anugerah *tu* [itu]. Saya segan nak tunjuk rumah saya (ketawa). *Ni* [Ini] kan bila nak *mai* [datang] jumpa saya, saya tak kata pun— ramai yang nak jumpa saya tanya, “Di mana rumah Encik Omara?” Depa nak *pi* [pergi] di rumah. Saya mengelak macam-

macam sebab saya malu. Hanya pelajar Puncak Perdana, orang panggil apa? UiTM?

**NF** : Oh, *ha* [ya] UiTM.

**OMA** : *Depa* [Mereka] *tiga* [3] orang *tu* [itu], perempuan lah. *Depa* [Mereka] berasib baik setelah *depa* [mereka] paksa-paksa saya, “Kami kena pergi ke rumah Encik Omara juga. Kami kena ambil gambar bukti. Ni kalau bukti nampak Mydin *ja* [saja] kan?” (ketawa)

**SA, NF** : (ketawa)

**OMA** : Jadi depa, “Jadi kami nak juga.” Lama-lama saya ikut, saya kata, “Tak apa tak apa, boleh.” Itu saja yang saya benar. Sebenarnya saya malu lah pasal saya bukan senang lenang, tapi bila dapat anugerah *ni* [ini], dia... itu yang saya kata benda yang tak dapat lupa. Saya seronok kerana benda *ni* [ini] bagi saya besar. Besar bagi saya dan tak tahu orang nampak, tak apa saya tak kira lah. Saya syok sendiri lah. Saya rasa, “Aku \_\_ *ni* [ini] kan.” (ketawa) Alhamdulillah lah kira syukur. *Tu* [Itu], kemudian, ada juga lah lagi macam saya diberi kepercayaan menguruskan masa Georgetown, bandar Georgetown, Pulau Pinang, dengan Melaka, diisytiharkan sebagai bandar warisan dunia masa penyerahan watikah oleh UNESCO. Buat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Saya bawa persembahan Boria yang saya terlibat sepenuh dengan lagu, dengan apa semua. Masa itu bagi Nassier Wahab jadi tukang karang. Saya juga bawa persembahan seni lain lah. Kereta berhias saya bawa, yang menunjukkan makanan Pulau Pinang lah apa. Semua benda itu saya yang urus, saya yang bawa. Jadi sepanjang majlis *tu* [itu] kalau Melaka, orang Melaka bawa. Kalau Pulau Pinang, saya yang bawa. Macam ada berapa biji kereta berhias, semua ada saya masuk dalam Youtube. Jadi benda-benda *tu* [itu] saya seronok sebab saya orang—orang anggap saya orang biasa yang tak ada apa tapi orang bagi kepercayaan beri benda yang besar macam *tu* [itu]. Itu semua benda yang saya tak dapat lupakan. Saya seronok sehingga kini. *Ha* [Ya] itulah dan adalah benda-benda *ni* [ini] saya bagi tinggi-tinggi *ja* [saja]. Adalah yang sikit-sikit, seronok itu adalah.

- SA : Tuan, boleh Tuan kongsikan macam mana Tuan mula menubuhkan kumpulan OMARA ni [ini] ?
- OMA : *Ha* [Ya], kalau atas nama kumpulan Boria OMARA ni [ini], dia tak lama, dalam tahun... di penghujung tahun *dua* [2] ... sebelum dalam 2008, 2010, dalam macam *tulah* [itulah]. Kalau ikut *la* [sekarang], berbelas tahun lah. Nama kumpulan Boria OMARA. Tapi sebelum *tu* [itu], kumpulan Boria saya juga. Nama *ja* [saja] – ini nama *ja* [saja] sebelum *tu* [itu], saya namakan kumpulan Boria saya Boria Pulau Pinang, Boria Warisan, Boria Warisan Boria, Boria... apa saya ada– Boria Klasik. Saya pakai beberapa nama tapi nama *tu* [itu] bila saya buat persembahan apa saya tak naik. Dia ada, ada. Wujud, wujud. Hidup semua tapi tak lah begitu menonjol macam saya biasa *ja* [saja] lah. Macam orang-orang lain, biasa *ja* [saja] lah. Tapi bila sejak saya tukar kepada nama kumpulan Boria OMARA, pada mula bila saya guna nama Boria OMARA ni [ini], saya dapat tentangan. Ada pihak-pihak juga yang mungkin *depa* [mereka] rasa... apa *ni* [ini] bila... Boria saya *dah* [sudah] naik, kerana guna nama Boria OMARA, depa [mereka] mendesak dengan Pejabat Kebudayaan Pulau Pinang, JKKN (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara), *bagitau* [beritahu] dekat pengarah suruh saya tarik balik Boria OMARA, jangan pakai nama Boria OMARA. Jadi benda *tu* [itu] membuat– saya pernah– yang ini kesilapan saya tahu, jangan ikutlah. Saya pernah merajuk selama *dua* [2] tahun. Saya tak mahu buat Boria. Saya berhenti walaupun saya kata saya tadi saya berjalan sampai *la* [sekarang] kan? Tapi ada *dua* [2] tahun saya merajuk. Saya tak mahu bercakap tentang Boria, tak mahu– saya merajuk kerana orang suruh tarik balik perkataan Boria OMARA *tu* [itu]. Di suruh oleh pengarah di JKKN Pulau Pinang pada masa *tu* [itu]. Dia kata, “Omara tak boleh pakai nama Boria OMARA.” Saya pun kata, “*Pasaipa* [Pasal apa]?” Dia pun kata, “Tak boleh! Tukarlah *buh* [letak] nama lain.” Rupanya orang yang mendesak dia suruh buat *tu* [itu].

Sepatutnya, nama tak salah. Kalau Mydin Mall *ni* [ini] *depa* [mereka] nak buat Boria, dia boleh buat Boria Mydin. Kan? Kalau kata apa lagi, kata... apa cari *satu-satu* [1] tempat perniagaan besar kan pasar raya apa Giant kah, Boria Giant! Tak salah. Saya pula, perniagaan saya OMARA Production, yang saya kata tadi kan. Tukar nama, akhirnya jadi OMARA *ni* [ini]. Tak salah sebab Boria OMARA, tapi *depa* [mereka] kata salah. Dan benda *tu* [itu] berlarutan walaupun tadi saya kata merajuk *dua* [2] tahun. Lepas itu saya masuk balik, saya, orang panggil apa... merajuk-merajuk sayang *ni* [ini] kan. Hati *tu* [itu] nak. Dalam hati—tapi atas perasaan sebab—tapi itu kesilapan saya, *la* [sekarang] saya tak buat *dah* [sudah]. Saya tak mahu merajuk *dah* [sudah]. Saya akan lagi kuat semangat. *La* [Sekarang] *ni* [ini] memang ada gangguan-gangguan tapi, saya lagi kuat semangat. Dan baru *dua* [2] tahun lepas, *ni* [ini] masa PKP, pengarah di Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara Pulau Pinang panggil saya. Dia dapat satu orang yang mengaku dia—saya tak mahu sebut nama orang *tu* [itu], satu tokoh besar peringkat negara, orang *tu* [itu] kira kononya, orang *tu* [itu] telefon dia suruh saya tarik balik perkataan Boria OMARA, jangan pakai OMARA dan orang *tu* [itu] dia *takdak* [tak ada] kena mengena dengan Boria, tahu? *Ha* [Ya], dia satu bidang lain. Dia tak kena mengena dengan Boria. Orang *tu* [itu] terkenal, tapi dia suruh tarik dan juga suruh... saya jangan buat Boria perempuan. Boria saya tak boleh ada perempuan. Jadi *depa* [mereka] tahu dah kelebihan saya *lani* [sekarang ini] bila kumpulan Boria saya perempuan *ni* [ini] naik. Jadi jangan pakai—jangan ada perempuan dalam Boria saya. Yang itu menjadi satu kesalahan. Tapi sebenarnya *depa* [mereka] tak sedar tahu *depa* [mereka] *dah* [sudah] mengganggu akta 645 tadi (ketawa).

**SA, NF** : Ohh! (ketawa)

**OMA** : (ketawa) *Depa* [Mereka] *taktau* [tak tahu].

**NF** Oh *time* [masa] itu *dah* [sudah] dapat lah?

**OMA** : Eih, *time* [masa] itu dah dapat dah!

**SA, NF** : Ohh!

**OMA** : *Ni* [Ini] baru tahun saya dapat *tu* [itu] tahun 2018.

**NF** 2018, oh!

**OMA** : Yang *ni* [ini] masa PKP baru *ni* [ini]. Jadikan, *depa* [mereka] tak tahu lah. Saja saya cerita macam ini saja kan? Tapi *depa* [mereka] – saya boleh tahu benda *ni* [ini] kalau lah betul-betul gangguan *tu* [itu] *mai* [datang] bertubi-tubi ganggu saya, sampai peringkat saya tak boleh nak berkarya, tak boleh nak buat apa, saya boleh bawa perkara *ni* [ini] ke tengah juga. Hati saya terganggu. Saya nak buat Boria pun tak seronok. Macam mana saya nak jalan kalau benda-benda sampai *ni* [ini] sebab benda *ni* [ini] fakta, bukan ugutan-ugutan di *Facebook* *tu* [itu] boleh padam, boleh *delete* [padam], kan? Yang *ni* [ini] *report* [laporan], macam orang *report* [laporan]. Tapi pengarah *tu* [itu] kata, “Mm, kami tahu *ja* [saja], kami *paham* [faham].” Lepas itu saya kata-dia kata, “*Takpa-takpa* [Tak apa], kami *paham* [faham].” Tapi *depa* [mereka] terima benda-benda *ni* [ini]. Terima panggilan *ni* [ini]. Yang orang menyamar *ka dak* [tak] ka, dia guna nama orang *tu* [itu] ka taktau [tak tahu]. *Tu* [Itu]... saya sebut sajalah nama orang *tu* [itu], saya pun tak mahu rahsia, kan? *Depa* [Mereka] sebut Datuk Seri Ahmad Nawab. Datuk Seri Ahmad Nawab, dia tokoh seniman negara. Dia tinggi. Dia punya anugerah dia Seniman Negara. Jadi dia yang suruh saya— padahal Datuk Seri Ahmad Nawab kawan baik saya. Saya *pi* [pergi] rumah dia selepas jadi *tu* [itu], saya *pi* [pergi] rumah dia *dua* [2] tahun lepas. Saya *pi* [pergi] masa PKP juga, kena pakai *mask* [penutup muka], saya *pi* [pergi] rumah dia. *Pi* [pergi] rumah dia bersempang, tak ada apa pun saya tengok dia okay dengan saya, tak ada dia bergaduh dengan saya, tak ada apa. Saya cerita lah, saya cerita *ni* [ini], saya panggil abang Mad, “Abang Mad.” Saya kata, “Orang nak suruh saya tarik nama Boria lah, tarik Boria saya lah, *lagumi* [macam ini]...” Dia gelak lah, dia kata, “Eih, *pasaipa* [kenapa] pulak? Omara nak buat, buatlah. *Pasaipa* [Kenapa] ni?” Dia gelak. Saya rasa, ‘Eh, takkan dia? Kalau dia mesti dia cakap dengan tegas, “Saya lah”, kan?’ Saya tak katalah dia yang telefon, saya kata cuba

buka perkara *ni* [ini] tapi dia tak kata apa. Saya rasa bukan dia. Jadi orang menyamar, kononnya dia, kan? Hm, tak apalah jadi— tadi soalan pasal apa yang saya *mai* [datang] kepada perkara *ni* [ini]? Pasal apa tadi? Pasal—

- SA : Bila menu buhkan— apa...
- OMA : *Ha* [Ya], menu buhkan Boria lah. Jadi atas Boria OMARA *ni* [ini] yang *ni* [ini], kan? Tadi saya bawa kepada masalah sebenarnya nak cerita bila tubuhkan apa, *sorry* [maaf] eh. Saya *pi* [pergi] kepada masalah. Okay bila ditubuhkan kalau kira dalam berbelas tahun yang lepas. Lepas ditubuhkan *tu* [itu], kumpulan Boria OMARA pun naik, nama alhamdulillah dapat sambutan dan bergerak maju hingga kini. Saya akan teruskan guna nama kumpulan Boria OMARA.
- SA : **Tuan, bila kumpulan Boria OMARA mula dikenali oleh masyarakat?**
- OMA : Sejak guna nama Boria OMARA. Tubuh-tubuh *tu* [itu] terus naik. Dia terus naik ke TV lah ke apa semua. Sejak nama Boria OMARA.
- SA : **Boleh saya tahu bilakah Tuan mula menjadi pengajar Boria?**
- OMA : Yang *tu* [itu], lama juga. Tapi sejak akhir-akhir ini lagi kerap lah. Yang petang *ni* [ini] pun sat [sekejap] lagi saya mengajar di yang *tu* [itu] kilang Mattel. Kelmarin pun di kilang Mattel, Prai [Pulau Pinang]. Sebelum *tu* [itu], di Perda [Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang], pekerja-pekerja Perda *ni* [ini], *depa* [mereka] nak buat Boria, saya mengajar dan kalau sekolah-sekolah banyak, Sekolah Convent Butterworth, Sekolah SK Kepala Batas, *tu* [itu] sekolah rendah. Dekat IPT [Institut Pengajian Tinggi] pun saya *pi* [pergi]

mengajar di... Perlis orang panggil apa? Universiti apa di Perlis? Uni...

**NF** : UniMAP [Universiti Malaysia Perlis]?

**OMA** : UniMAP [Universiti Malaysia Perlis], Perlis. UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], Bangi, saya *pi* [pergi]. Lagi satu UiTM macam di apa... Merbok. Lepas *tu* [itu], banyak kalau ikut sekolah-sekolah— yang banyak sekolah-sekolah dan juga swasta, pejabat-pejabat kerajaan, yang *depa* [mereka] nak buat Boria, *depa* [mereka] cari saya untuk buat mengajar, buat bengkel. Dan masa PKP, saya mengajar *online* [secara maya]. Terpaksa mengajar *online* [secara maya], kira duduk dalam bilik tapi saya tak puas hati sebab saya rasa... macam tak berkesan, saya suka macam *ni* [ini] tahu? Saya suka orang... berdepan-depan, duduk di depan saya kira bercakap *laguni* [macam ini] dan angguk pun cukup, macam Fathiah bila saya cakap *ja* [saja] Fathiah dengan Aishah *satgi* [sekejap lagi] bila saya kata laguni [macam ini] angguk, tu pun saya *dah* [sudah] rasa puas.

**NF, SA** : (ketawa)

**OMA** : Saya yang tak puas *ni* [ini] saya tak tahu orang sebab saya biasa— ni bila saya bercakap saya akan *pi kelain* [lari dari topik] sikit kan. Tak apa kan?

**NF, SA** : (mengangguk)

**OMA** : Saya bagi contoh. Anjuran Politeknik Seberang Perai, *depa* [mereka] buat Politeknik... semua, seluruh Malaysia lah. Dia kata 500 orang, sedang menonton saya di... apa orang panggil?

**NF** : Google Meet eh?

**OMA** : Google Meet atau apa lagi satu? Saya lupa *dah* [sudah]. Apa yang besar sikit. Apa—

**NF** : Zoom?

**OMA** : *Ha* [Ya]! Zoom. Saya lupa apa *depa* [mereka] buat, say pun duduk di rumah kata, “Berapa? 500? Okay terima kasih.” Saya kata, “Mana muka tak nampak? Tengok hitam *ja* [saja].”

NF, SA : (ketawa)

OMA : *Depa* [Mereka] kata *ni* [ini] depa [mereka] semua *duk* [tengah] tengok *ni* [ini]. Tengok Encik Omara. “Oh, bagus.” Saya pun, “Apa khabar semua? Terima kasih.” (ketawa) Lepas *tu* [itu] cakap lah *dua* [2] jam! *Dua* [2] jam saya kena bercakap dengan *depa* [mereka], bercakap dengan tak ada orang tanya *ni* [ini]. Saya kena, lepas ini, ini, lepas ini. Macam *ni* [ini] ada orang tanya, saya jawab, kan? Saya jawab— cakap, lepas cakap apa semua, saya nak tengok, saya kata, “Perasan *depa* [mereka] ada *ka*.” Saya kata, “Tolong bagi apa-apa soalan.” Saya kata, “Nak dengar soalan pula.” Tunggu-tunggu tak ada, *tu* [itu] ada *sorang* [seorang] nama dia saya tak tahu, ada saya *report* [laporan], dia bagi soalan. Saya kata, “Terima kasih.” Saya jawab. “Lepas itu, ada lagi *sapa-sapa* [sesiapa] bagi soalan?” Takdak [Tak ada]. Satni [Sekejap nanti] bila saya nak satu lagi soalan, dia ni juga. *Satni* [Sekejap nanti] tengok—*last* [akhir] sekali saya fikir dia ni yang menonton saya. (ketawa) Dia ni *ja* [saja], yang lain semua *mangkit* [bangun] lari dah [sudah]. Saya ingat tinggal *depa* [mereka] punya apa kamera *depa* [mereka], tinggal *ni* [ini], *depa* [mereka] semua *pi* [pergi] mana, *pi* [pergi] makan *ka* [atau] apa. Yang saya *ni* [ini] *dok* [tengah] cakap, jadi yang itu saya tak puas hati. Saya rasa macam, “Allah, penat saya bercakap.” *Dua* [2] jam sebab... benda *ni* [ini] serupa—buat benda *ni* [ini] serupa orang panggil apa, syarat saja. Nak kata, “Oh, Omara *dah* [sudah] menyampaikan bengkel Boria kepada 500 orang pelajar Politeknik.” Tapi saya rasa macam itu, macam saya bercakap pada *sorang* [seorang] *ja* [saja]. *Sorang* [Seorang] itu pun *dok* [tengah] mengantuk, dia tengah-tengah mengantuk dia tengok *sapa-sapa* [sesiapa] tak bagi soalan, dia kata, “Ish, kalau aku tak tanya.” Dia pun bagi soalan. (ketawa) Yang itulah antara benda-benda cara saya mengajar tapi bukan saya mengajar *sorang* [seorang]. Saya *pi* [pergi] dengan bantuan— ada orang mahu saya *sorang* [seorang], saya sorang [seorang] lah. Tapi saya suka, saya bawa orang-orang saya, ada *tiga* [3] orang, *empat* [4] orang. Budak-budak saya lah. Ada yang mengajar tukang karang, menyanyi. Saya bantulah. Ada yang mengajar menari, sebab menari nak *habaq* [beritahu] terus terang saya tak pandai menari. Jadi gerak tari Boria *ni* [ini] saya bagi *depa* [mereka] yang pakar.

Lepas itu, lagu saya sedia, rangkap karangan saya sedia. Kemudian saya tegur, saya bagi teguran cara bentuk persembahan. Boria kena ceria, kena macam ini, macam ini. *Sapa* [Siapa] tak menyanyi, apa saya tegur. Itulah tugas saya, saya buat.

**SA** : **Tuan, boleh saya tahu dimana tempat pelajaran Boria dijalankan? Adakah tempat pembelajaran tetap ataupun tak?**

**OMA** : Kalau katalah yang panggil, sekolah, saya *pi* [pergi] di sekolah lah. Kalau kata yang panggil *ni* [ini] pejabat, saya *pi* [pergi] pejabat, *depa* [mereka] sediakan tempat, sedia dewan, sedia tempat apa semua. Tapi kalau yang lain-lain *tu* [itu] macam saya sendiri untuk saya mengajar orang-orang baru, yang-bila ada orang nak masuk jadi ahli Boria saya, saya kumpulkan, katalah, ada *enam* [6] orang. *Enam* [6] orang *tu* [itu] saya— kami bagi *practice* [berlatih] lah, yang itu di dewan di Seberang Jaya, dewan kami dok [selalu] berlatih lah. Saya bawak pergi ke dewan *tu* [itu], depa *practice-practice* [berlatih] tengok macam mana. Tengok *depa* [mereka] okay ka, tak okay *depa* [mereka] boleh maju ka lagi. Jadi itulah antara tempat-tempat yang apa saya buat latihan Boria *tu* [itu].

**NF** : **Okay, jadi kalau nak berlatih Boria *ni* [ini] kadang ada *depa* [mereka] bagi bayaran ka, kalau contoh kalau kilang ka apa?**

**OMA** : *Ha* [Ya], bagi. Kilang bagi. Macam pejabat-pejabat kerajaan *depa* [mereka] bagi. Sekolah-sekolah bagi. Tapi kalau orang *tu* [itu] saya tak perlu mengajar teruk-teruk macam, saya bercakap macam ini ka nak tanya soalan atau apa-apa benda yang sikit-sikit sebagai teguran, saya tak kenakan bayaran. Macam kemarin saya *pi* [pergi] sekolah SK Sungai Dua, cikgu dia nak *mai* [datang] jumpa saya sini juga. Nak *mai* [datang] *interview* [temu bual] saya. Lepas *tu*

[itu] bila saya tahu ada sekolah, saya kata, "Cikgu, sekolah cikgu *ni* [ini] tak jauh daripada tempat saya, saya nak *pi* [pergi]." Cikgu *tu* [itu] kata, "Eh, takkan Encik Omara susah payah nak *mai* [datang]. Tak apalah kami cari." "Tak apa, tak apa. Saya *pi* [pergi]." Saya *pi* [pergi] kemarin. Cikgu jadi serba salah, *depa* [mereka] terharu. Saya kata, "Saya tak mahu bayaran, tak mahu apa." Saya kata, "Yang *ni* [ini] saya menyampaikan ilmu." *Ha* [*Ya*], jadi saya tak pernah, apa, dari segi mengajar *ni* [ini], saya tak kisah pasal apa, sebab... sebut juga lah walau arwah isteri saya yang baru meninggal *dua* [2] bulan, yang nama A dibelakang, nama saya Omar, jadi Omara *ni* [ini]. Jadi dia selalu kata dekat saya kalau pelajar, kalau *sapa* [siapa], sapa-sapa [siapa-siapa] saja lah, nak *mai* [datang] tanya saya tentang Boria, nak belajar nak apa benda tu, dia kata jangan berkira. Dia bagi galakkan saya, dia kata, "Bagi bagi bagi. *Takpa* [Tak apa]." Saja dia katalah, dia kata kalau ikut apa tak salah dia kata, "Entah *depa* [mereka] ni balik-balik, *depa* [mereka] berdoa ka *kat* [dekat] kita, *depa* [mereka] dapat ilmu, *depa* [mereka] berdoa. Kita dapat doa *depa* [mereka] *tu* [itu] Allah makbul, dapat benda kebaikan *kat* [dekat] kita ka. *Depa* [Mereka] tak bagi pun tak apa. Tak berdoa pun tak apa. Bukan kata suruh kan." Tapi dia kata, "Ilmu kita kena sampaikan. Kalau orang *tu* [itu] berjaya esok, dapat pelajaran, dapat bekerja, dapat apa, orang *tu* [itu] dah bagus dah dapat untuk dia. Jadi kita jangan kedekut." Jadi saya sendiri pun macam *tu* [itu], bila isteri saya pun bagi kata-kata yang macam itu, itu yang saya kuat semangat, saya nak mengajar *ja* [saja]. Ilmu ada saya tak mahu bawa mati, maksud dia, ilmu ni, ilmu Boria mana boleh, mati esok tak guna *dah* [sudah], yang guna ilmu akhirat, kan? Jadi ilmu *ni* [ini] setakat dunia. Setakat yang warisan mana *ni* [ini] guna. Saya bagilah. Saya bawa mati, benda *tu* [itu] hancur, tak guna *dah* [sudah]. Takkan nak ber Boria dalam kubur? Kan? Tak ada *dah* [sudah]. *Ha* [*Ya*], itulah jadi insyaallah saya akan teruskan macam ini selagi, macam saya kata, selagi saya boleh.

NF

: **Kalau untuk OMARA, kalau nak join [sertai] *tu* [itu] kena umur**

berapa?

**OMA** : Kerana Boria saya *ni* [ini] sekarang *ni* [ini] remaja, jadi ahli-ahli saya *la* [sekarang] ada umur *dua belas* [12] tahun dan yang paling tua *dua puluh lima* [25] tahun, jadi dalam lingkungan *tu* [itu], ahli-ahli Boria saya yang terkini lah. Tapi yang saya nak buka Boria lelaki saya kata mungkin lagi sebulan *ni* [ini], saya buka yang pertengahan, dalam umur *tiga puluh* [30] tahun, *empat puluh* [40] tahun. *Ha* [Ya], bukan remaja sebab saya gagal nak tubuh kumpulan Boria remaja lelaki. Sebab yang *mai* [datang] dekat saya, bukan nak hina kan? Yang *mai* [datang] dekat saya semua yang *lagutu* [macam itu], (suara lembut), “Encik Omara. Encik Omara kami teringin lah nak masuk Boria Encik Omara.” Kan? Bukan saya hina! Benda tu dah memang ramai *la* [sekarang] macam *tu* [itu], adik beradik pun ada, *sapa* [siapa] semua ada *tu* [itu]. Tapi kalaalah Boria saya esok semua jadi lembut, tak syok juga. Boria saya lelaki lembut. Kalau seorang, *dua* [2] orang tak apa. Katalah seorang, *dua* [2] orang duduk dalam golongan *tu* [itu], tak apa. *La* [Sekarang] penari-penari semua lembut. *Depa* [Mereka] pun nak buat *tu* [itu] bukan depa [mereka] nak jadi *tu* [itu], yang *tu* [itu] dah, orang kata apa...yang *ni* [ini] Allah yang jadikan dengan keadaan *la* [sekarang] dari segi pemakanan ka apa ka yang menjadikan hormon apa *ka* jadi macam *tu* [itu]. Kita kesian dekat *depa* [mereka] tapi saya tak mahu buat Boria yang terdiri semua macam *tu* [itu]. Jadi *la* [sekarang] saya ambil dewasa, bila dewasa, semua yang elok-elok, okay okay lah. Yang lelaki biasa tengok *tiga puluh* [30], *empat puluh* [40]. *Depa* [Mereka] *dah* [sudah] setuju *dah* [sudah] untuk nak *join* [sertai], saya kira nak tubuh, *practice* [berlatih] saja.

**NF** : Ramai?

**OMA** : Ya?

**NF** : Ramai kah yang masuk?

**OMA** : Saya cuma tinggal cari *sepuluh* [10] orang. Jadi saya dapat *sepuluh* [10] orang ja. *Sat* [Sekejap] (bunyi nada dering telefon).

**NF** : Oh yang Boria untuk lelaki *tu* [itu], berapa ramai?

- OMA** : Berapa ramai? Boria untuk lelaki *tu* [itu] saya cuba ambil *sepuluh* [10] orang saja. Tapi sebenarnya nak lebih pun boleh dapat *dah* [sudah].
- NF** : Oh ramai yang nak masuk?
- OMA** : Nak, orang-orang di peringkat umur *tu* [itu], macam saya kata tadi lah, ada yang tak suka, yang kata, “Haih, *dah* [sudah] tua *dah* [sudah].” Kata tak mahu kan? Tapi ada yang masih suka. Ada yang mahu, jadi saya dapat dengan mudah. Saya pun tak sangka, cari-cari dan mungkin boleh lebih lagi. Ada setengah *ni* [ini], “Omara, bila lagi nak panggil kami main Boria *ni* [ini]?” (ketawa) *Ha* [Ya], jadi yang itu boleh jadi lah yang *ni* [ini] lepas-lepas *ni* [ini] saya nak—tapi saya bagi beza dengan kumpulan perempuan saya. Kumpulan perempuan pakai pakaian kostum yang warna-warni macam *ni* [ini] tapi *depa* [mereka] *ni* [ini] saya nak bagi pakai—mungkin nak bagi pakai satu pakaian mamak-mamak dulu main Boria. Dia pakai... satu kot buka *tu* [itu] kot hitam, tali pinggang hijau *tu* [itu], lepas *tu* [itu] pakai seluar ada kain sikit di depan *ni* [ini]. Macam baru *ni* [ini] ada—jadi ada satu kumpulan dia, tapi kumpulan lagi tua-tua. Kumpulan Boria umur *lima puluh* [50] ke atas. Ada. Nama dia kumpulan Boria Klasik. Saya ambil *depa* [mereka] *join* [sertai] dengan saya baru *ni* [ini]. Tapi yang saya nak buat sendiri muda sikit daripada *depa* [mereka]. *Sat* [Sekejap] saya tunjuk gambar *depa* [mereka]. (melihat telefon)... Sebab *la* [sekarang] sebab saya mahu macam tu bukan apa sebab Jabatan Warisan Negara lebih suka Boria yang macam *tu* [itu]. Tapi Boria yang ada la [sekarang] kita buat juga, itu untuk—ada juga orang nak macam *tu* [itu] ... Jadi biasa lah bila kita nak cari, dia susah jumpa. Saya cakap kena tunjuk juga ada bukti... Okay yang *ni* [ini] (menunjukkan gambar) senang saya tunjuk ada—*ni depa* [mereka] yang di belakang *ni* [ini] saya nak buat macam *ni* [ini]. Ini Boria saya lah. Boria saya sendiri, kami gabung tahu? Sebenarnya saya gabungkan baru dan lama. Yang Boria saya, okay macam *ni* [ini]. Nampak kan?
- NF, SA** : Nampak.
- OMA** : *Ha* [Ya], yang *depa* [mereka] yang dibelakang *ni* [ini]. *Ha* [Ya], macam *ni* [ini]. *Ha* [Ya], dia kain pelikat, ada *ni* [ini]. Dan saya nak buat lebih kurang

mungkin macam *ni* [ini] sebab ini melambangkan macam dulu-dulu. Boria dulu-dulu.

NF : Macam zaman P. Ramlee.

OMA : *Ha* [Ya], ya betul.

NF : **Okay baik. Kalau contohlah, saya nak ceburi bidang seni Boria, apa ciri-ciri yang patut ada nak ceburi?**

OMA : Sebenarnya saya suka sangat. *Mai* [Datang] nak *join* [sertai] *la* [sekarang] kan.

NF, SA : (ketawa)

OMA : Betul, memang saya suka sangat. Bukan—tapi kena boleh menari lah, kalau tak boleh pun, saya suruh lah ambil bidang yang boleh kan? (ketawa) Tapi, ini dalam soalan berbentuk kalau saya nak menceburi kan?

NF, SA : (ketawa) Ya.

OMA : Ini soalan kan? Tapi kalau betul saya terima. (ketawa) Saya panggil nanti tak berapa—minggu depan ka *mai* [datang] buat (ketawa), buat latihan. Okay, kalau nak ceburi bidang Boria, maksud dia apa dia ciri-ciri *ni* [ini], okay. Ciri-ciri yang saya nak lah bila saya *interview* [temu bual] setiap orang *mai* [datang], satu saya nak minat. Minat *ni* [ini] buat lah kerja apa pun, dia nak jadi tukang masak ka, dia nak jadi apa pun dia kena minat. Kalau *depa* [mereka] *mai* [datang] terpaksa, macam, “Nak main Boria lah!” Kan? Tibatiba kan? Nak main Boria tengok seronok Boria nak main. Tapi minat dia tak ada tahu sebab hati dia tak penuh. Dia tak akan menjadi, satu. Yang kedua, peringkat permulaan, orang *tu* [itu] jangan ingat tentang duit. Kalau dia ingat tentang duit, dia terus dia fikir untuk duit. Jadi dia akan berkira macam dia tak nak lebih, maksud dia, nak usaha lebih sebab dia kira buat *ni* [ini] ada bayaran, buat *ni* [ini] ada bayaran. Jadi padahal ada bayaran, akan dapat

bayaran, semua ahli-ahli saya dapat bayaran. Waktu *show* [persembahan] tengah-tengah banyak *tu* [itu], *satu* [1] bulan sorang boleh dapat 1000, 1000 lebih [Ringgit Malaysia], maksud dia setelah campur-campur lah. Pendapatan dia 1000, 1000 lebih [Ringgit Malaysia] *sorang* [seorang]. Jadi Boria ada bayaran, ada apa, tapi dia kena *pikiaq* [fikir] diri dia, “Aku main Boria bukan nak bayaran, aku minat.” Lepas minat, dia kena ada kebolehan sikit. Kalau kata nak jadi penari, ada orang dia keras, dia— termasuk saya lah saya tak boleh jadi penari. Saya bukan penari. Tak boleh, dia buat *kot* [macam] mana pun kita kenal. Walaupun kata Boria saya perempuan, perempuan yang *mai* [datang] pun, kita tengok kita tahu dia *ni* [ini] tak boleh menari. Dia cuba, dia cuba-cuba tu saya kata, *mai* [datang] *dua* [2], *tiga* [3] kali dia *mai* [datang], dia lari. Dia tak mahu *dah* [sudah]. Okay, dia kena ada bakat sikit, bakat seni. Boleh kalau setengah tu mudah dapat kan, boleh. Lepas itu kalau untuk tukang karang tadi, dia kena boleh menyanyi lah. Kena ada suara, kalau dia tak boleh menyanyi, macam mana dia nak jadi tukang karang yang utama. Dia kena menyanyi kena ada suara sikit. Dia menyanyi. Lagi satu yang berlakon sketsa Boria, kena ada bakat lakonan juga lah. Kalau tak ada bakat, dia *dok* [asyik] ada yang *mai mai* [datang] tergelak-gelak, nak cakap apa tak tahu kan. Jadi tak ada— idea tak ada, dia tak tahu. Dan ada yang takut. Takut *ni* [ini] sebenarnya saya bermula dengan takut lah. Saya dulu saya memang— satu dulu saya takut pegang *mic* [mikrofon]. Saya ketar. Tangan saya kalau orang bagi *mic* [mikrofon], saya ketar dan saya pernah lari dalam *live* [siaran langsung] perancangan TV Malaysia Hari Ini TV3, buat di Kuala Lumpur masa *tu* [itu] sambut tahun baru. Masa *tu* [itu] pengacara dia arwah Aziz Desa, kalau tahu arwah Aziz Desa dia pengacara dia, dia panggil saya *pi* [pergi] sana. *Dok* [Duduk] di majlis *tu* [itu] sebelah saya Menteri Besar Pahang, Dr. Fadzilah Kamsah, yang *dok* [selalu] bagi motivasi *tu* [itu], kan? Semua duduk keliling saya, rapat semua. Pengarah \_\_, pengarah apa semua *dok* [sedang] ada keliling. Dan Aziz Desa *tu* [itu] *bagitahu* [beritahu] *satlagi* [sekejap lagi] dalam *live* [siaran langsung] *ni* [ini], dia akan *sua* [beri] *mic* [mikrofon] tanya harapan tahun baru, tahun baru nak masuk masa *tu* [itu]. Dia akan *sua* [ber] *mic* [mikrofon] *sorang-sorang* [seorang]. Bila saya dengar-dengar *tu* [itu] saya kata, “Alamak. Macam mana saya nak buat.”

Sebab saya takut, saya takut masa *tu* [itu] sata takut bercakap. Masa *tu* [itu] lah. Lepas *tu* [itu] bila masuk iklan dalam—*dепа* [mereka] buat *tu* [itu] *dепа* [mereka] berhenti iklan, jadi masa *tu* [itu] Aziz Desa *ni* [ini] dia masuk tandas. Dia masuk tandas, saya nampak saya pun lari, saya masuk tandas. Saya *pi* [pergi] saya kata, “Aziz, minta tolong, Aziz. Jangan *sua* [beri] *mic* [mikrofon] *kat* [dekat] saya.” Dia kata, “Pasaipa (Pasal apa) pula?” Saya kata, “Tolong Aziz.” (bunyi nada dering telefon) Yang *ni* [ini] tak apa. Saya kata, “Aziz, saya tak boleh bercakap.” “Apa Omara, kalau Omara nak beli beli rancangan *ni* [ini] nak kena bayar saya berapa ribu tahu untuk nak bercakap *live* [siaran langsung] kita nak masuk TV. Semua orang tengok. Omara cerita lah Omara ada Boria OMARA, harapan Omara macam mana nak buat, apa-apa semua.” Nampak perniagaan saya, kan? Saya kata, “Aziz, saya tak boleh cakap. *Satgi* [Sekejap lagi] saya ketar, saya tahu TV *dok* [tengah] ambil *live* [siaran langsung] kan?” Masa *tu* [itu] lah kan? Masa *tu* [itu], “Okay lah, okay. Tak apa.” Bila *mai* [datang] masa tu dia *sua* [beri] *mic* [mikrofon] semua orang lain, *mai* [datang] dekat saya dia *tu* [itu]. Saya lega! Tapi *la* [sekarang] kalau orang tak bagi *mic* [mikrofon] *kat* [dekat] saya, saya marah. Sebab *la* [sekarang] ni saya nak bercakap (ketawa). Kalau orang *sua sat* [beri sekejap] pun mungkin saya pegang saya bercakap lagi sebab saya *dah* [sudah] okay. Jadi berbalik tadi, tajuk kalau nak jadi—ciri nak jadi pelakon, nak jadi apa, jangan takut, jangan ketar. Kalau jadi pelakon sketsa dia kena berani, dia kena ada idea. Jadi kalau ada ciri-ciri *tu* [itu] semua, orang *tu* [itu] boleh main Boria. Bagi saya tak ada apa-apa, memang boleh. Dan saya pusing balik lagi sekali, Fathiah dengan Aishah boleh main. Kalau nak masuk Boria saya silakan. *Ni* [Ini] betul-betul ikhlas. Bukan melawak. *Ha* [Ya], okay. *Dok* [Duduk] mana *tu* [itu]?

**NF** : *Dok* [Duduk] ni [ini] Jelutong [Pulau Pinang], *kat* [dekat] –

**OMA** : Jelutong! Orang saya pun Jelutong dekat pangsapuri Idaman *Satu* [1]

**NF** : Oh, saya Mutiara Idaman

**OMA** : *Ha* [Ya], Idaman *Satu* [1] tu kalau orang yang *dok* [selalu] ajar menari saya. Orang Boria saya nama Syafikah. Duduk situ—dekat situ juga?

- NF** : *Ha [Ya], saya duduk situ.*
- OMA** : Idaman juga?
- NF** : Mutiara Idaman.
- OMA** : Mana Mutiara Idaman berapa?
- NF** : *Satu [1].*
- OMA** : Uih, sama lah. Saya *dokpi* [selalu pergi]. Saya *dokpi* [selalu pergi] ambil dia. Semalam saya *pi* [pergi]. Semalam malam kemarin, saya *dokpi* [selalu pergi] hantar dia. Okay boleh jumpa lah. Nanti *pi* [pergi] jumpa dia. Kenal tak?
- NF** : Tak.
- OMA** : Tak kenal, Syafikah? Lepas *tu* [itu] Aishah duduk mana?
- SA** : Saya duduk Juru, Bukit Mertajam [Pulau Pinang].
- OMA** : Juru. Belah *ni* [ini]. Oh, semua dekat. Okay bila nak *mai* [datang] bagitau [beritahu].
- NF, SA** : (ketawa)
- OMA** : *Dak* [Tak], betul *ni* [ini]. Melawak melawak, saya serius, saya serius. *Ha* [Ya] okay boleh teruskan tapi yang saya pelawa tadi betul, ikhlas.
- NF** : **Okay baik, *tu* [itu] kalau dalam seminggu berapa kali latihan Boria ada?**
- OMA** : Dalam seminggu?
- NF** : Dalam seminggu.
- OMA** : Dalam seminggu, kalau kita ada *show* [persembahan] terdekat, dan lagu *tu* [itu] kita ambil lagu baru ka apa, kita akan buat mungkin *tiga* [3] kali, *empat* [4] kali, kalaulah. Tapi kalau kata kita ambil lagu yang sedia ada, kita akan buat sekali saja cuma bagi depa [mereka] ingat balik. Sebab hari ini kita ambil

lagu *ni* [ini], esok lagu lain. *Depa* [Mereka] *dah* [sudah] terlupa *dah* [sudah]. Kita cuma nak bagi *depa* [mereka] ingat balik, jadi latihan tak kerap dan kadang-kadang kita tak buat, bukan tak buat kerana apa, semua *dah* [sudah] tahu *dah* [sudah], bila kita nak buat balik *depa* [mereka] kata, “Oh okay okay, yang ini boleh.” Hantar balik video lama, kita ada video yang menari *tu* [itu] *depa* [mereka] pakat *practice* [berlatih] di rumah sendiri lah.

- NF : Apa pendapat Tuan lah tentang persembahan Boria *ni* [ini] setelah Tuan *dah* [sudah] –
- OMA : Terlibat?
- NF : Terlibat *dah* [sudah] berapa lama, apa yang Tuan rasa?
- OMA : Bagi saya persembahan Boria *ni* [ini], dia bernilai tinggi, kalau apa yang saya kaji sendiri dan saya tahu sebab dalam itu dia ada sketsa dan rangkap karangan yang berkenaan tentang *satu-satu* [1] tema atau isu. Di situ juga ada nasihat, ada mesej untuk masyarakat, untuk apa. Jadi setiap kami yang buat persembahan *tu* [itu] termasuk saya yang nak cari bahan buat rangkap karangan, saya juga kena cari bahan dulu, bermakna saya belajar sesuatu benda, kalau tidak saya mungkin buat lebih kurang. Tapi bila nak buat *tu* [itu] saya akan cari fakta-fakta *tu* [itu] yang tepat. Kalau kata tentang Madani, kata. Dulu Keluarga Malaysia. Apa Keluarga Malaysia. Saya tak boleh pandai-pandai Keluarga Malaysia saja. Saya kena belajar, kena cari jadi dengan cara itu, kita orang-orang yang masuk Boria *ni* [ini] macam saya yang terlibat *ni* [ini], kita dapat ilmu lah dan luaskan ilmu kita untuk kita mengkaji, kita apa dan manfaat dia daripada persembahan tadi mesej *tu* [itu] dapat kepada masyarakat. Dapat kepada orang ramai, jadi kalau lah kita kata ulamak-ulamak atau *sapa-sapa* [sesiapa] menyampaikan syarahan di masjid, di mana-mana majlis untuk menyampaikan ilmu dengan cara macam cara *tu* [itu], syarahan. Dia pun orang dapat juga, tapi kalau melalui persembahan Boria pun, kita dapat–macam kita katalah, mungkin ada orang yang tak mahu

*pi* [pergi] ke masjid, ke mana, tak mahu— dia tak mahu *pi* [pergi], dia tak dapat benda *tu* [itu]. Tapi dia mai tengok Boria ni, contoh. Kerana dia tengok Boria, kita cakap— buat dalam karangan *tu* [itu] dengan menyanyi, dengan cerita, tiba-tiba *satu* [1] orang *tu* [itu] berkesan. Terus masuk ke hati dia macam, “Uih, lepas *ni* [ini] aku tak mahu *dah* [sudah].” Walaupun benda *ni* [ini] bukan main-main tahu? Dia boleh jadi, kalau Allah nak bagi kan? Kalau tiba-tiba dia rasa, “Lepas *ni* [ini] aku nak jadi macam *ni* [ini],” sebab dia dengar Boria tadi, mungkin. Jadi bagi saya, Boria *ni* [ini] kita dapat faedah banyak, selain daripada *tu* [itu]. Kemudian, remaja-remaja kata yang masuk Boria, ramai remaja. Kalau lah kata dengan tak masuk Boria, remaja-remaja *ni* [ini] mungkin akan buat benda lain. Akan habiskan masa di luar, di sana sini, berfoya-foya apa semua. Tapi bila main Boria, ibu bapa *depa* [mereka] boleh pastikan anak *depa* [mereka] ada dengan kami. Saya *pi* [pergi] ambil depan pintu, saya *pi* [pergi] hantar depan pintu. Kalau pada waktu *tu* [itu] dengan buat latihan apa semua terjamin, anak-anak *depa* [mereka] sedang buat *satu* [1] benda seni yang diiktiraf oleh Jabatan Kebudayaan, oleh Jabatan Warisan, kerajaan. Benda ini dijaga, diiktiraf, bukan kata budaya lain yang menari-menari buat yang sosial yang berlebihan, *over* [berlebihan] apa *tu* [itu], benda itu orang larang lagi kan. Tapi ini dibenarkan sebagai seni warisan. Jadi baiklah, bagi saya kalau Boria *ni* [ini] semua mempunyai ciri-ciri yang baik. Jadi orang yang duduk dalam Boria pun semua kita anggap semua terselamat lahir sikit daripada gejala-gejala. Kecuali, bila saya *pi* [pergi] ambil di rumah, ada dengan saya, saya *pi* [pergi] hantar, selepas itu, kata lah dia turun-turun rumah sampai malam pukul *satu* [1] pagi, lepas saya balik, dia *pi* [pergi] ke lain. Dia *pi* [pergi] buat maksiat *ka* [atau] apa dengan orang lain *ka* [atau] apa. Yang itu... bukan tugas saya lah. Saya tak boleh buat apalah (ketawa).

NF : Lepaslah.

OMA : Dia lepaslah. Dia di bawah keluarga lah. Tapi lebih lain, yang lain-lain *tu* [itu] bagi saya, saya hanya pandang seronok, positif, *depa* [mereka] *ni* [ini] okay. Lepas itu, saya ada juga dalam Boria saya *ni* [ini], saya ada peraturan-peraturan juga bila ada orang nak jadi ahli Boria saya, saya ada *interview* [temu bual]. Saya akan cerita juga dekat *depa* [mereka], lepas *tu* [itu] gambar-

gambar dalam— pasal remaja *ni* [ini], suka masuk dalam IG [Instagram] *ka* [atau] apa-apa kan. Gambar-gambar yang kata yang tak elok lah, kata benda-benda yang tak elok lah. Senang saya kata *lagutu* [macam itu], maksud saya *tu* [itu], yang lain daripada— kita nak jaga sopan santun, budi bahasa apa, jadi benda-benda macam *tu* [itu] saya larang. Saya kata, “Duduk dalam kumpulan saya jaga *ni* [ini].” Kemudian kalau perempuan, saya kata, “Jaga pergaulan, saya tak mahu bila *mai* [datang] *practice* [berlatih] ada lelaki *dok* [tengah] tunggu. Dulu ada terjadi tapi— ada *empat* [4] *dah* [sudah] orang saya buanglah. Saya *dah* [sudah] kata dekat depa awal *dah* [sudah]. Bukan tunggu saja, ada yang tipu saya, macam dia *mai* [datang] dengan saya, kata dia tak mahu *habaq* [beritahu] saya dia nak balik dengan— orang lain *mai* [datang] ambil, dia *habaq* [beritahu] dekat budak-budak saya. Dia kata nanti bagitau Encik Omara dia balik *dah* [sudah]. Rumah dia di Pulau Pinang. Kami buat persembahan di Nibong Tebal [Pulau Pinang]. Jadi benda *tu* [itu] jauh, bila saya tanya mana dia. *Depa* [Mereka] kata, “Encik Omara, dia *bagitau* [beritahu] dia kata dia balik *dah* [sudah].” Saya tahu lah dengan lelaki. Saya telefon mak dia, saya *bagitahu* [beritahu] macam *ni* [ini] saya tak suka. Saya *dah* [sudah] larang *dah* [sudah], buat juga. Bermakna dia tipu saya lah. Lepas itu ada sekali, kami tengah buat latihan, dia kata bapa dia nak ambil pasal pakcik dia sakit, ada dekat hospital. Bapa dia ambil, *pi* [pergi] tengok. Saya rasa tak sedap hati. Saya rasa bukan. Saya rasa tak mungkin. Lepas *tu* [itu], saya kata, “Boleh tak saya nak jumpa dengan bapa?” Dia jadi takut, dia kata, “*Dak* [Tak]. *Takpa-takpa* [Tak apa], bapa kalut, bapa nak berhenti kereta jauh.” Saya kata, “Saya nak jumpa ja [saja] dengan bapa.” Dia tak bagi, tak apa. Lagi saya tak percaya. Lepas itu sat [sekejap] ja [saja], cari dia punya *story* [Instagram Story], cari-cari, alhamdulillah terlepas *dah* [sudah], dia kata, “Terlepas.” Oh, nasib baik dia kata. Jadi dia *pi* [pergi] tulis *dah* [sudah], dia pula silap *pi* [pergi] tulis dia kata dia *dah* [sudah] terlepas *dah* [sudah] daripada tadi kan? Daripada saya tahu ni [ini]. Jadi saya tengok, “Haa, *hang* [kau] tipu aku *dah* [sudah].” Jadi orang *tu* [itu] semua saya tak mahu lah. Adalah beberapa orang *tu* [itu], dia ada *pi* [pergi] di apa... apa ni Tanjong Malim? Apa UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris]. Dia ada masuk UPSI apa semua. Masa di sini, dia bertudung elok. Orang saya semua bertudung,

kecuali ada *sorang* [seorang] orang Sarawak, Kristian. Dia tak bertudung tapi bila nak buat persembahan, kami bagi dia pakai tudung juga. Dia kena pakai tudung masa buat persembahan, habis *tu* [itu] dia buka balik lah. Yang itu tak apalah dia agama lain. Jadi orang-orang saya alhgamdulillah semua bertudung, tapi tak paksa tahu kalau tak bertudung pun saya tak—ada juga *la* [sekarang] yang saya tengok dia *sat* [sekejap] pakai, *on off* [tak tetap] tak pakai, *sat* [sekejap] buka. Saya pun tak mahu lah itu anak orang kan? — takpa. Tapi bila kawan *ni* [ini] dia bagus, duduk dalam kumpulan, semua ikut. Dia lah agak—memang okay. (bunyi nada dering telefon) Baik dengan saya. Dia *pi pi* [pergi] di UPSI, saya tengok dalam—(bunyi nada dering telefon) Sat [Sekejap]. Tadi saya kata apa? Pasal orang tadi. Saya cerita balik. Jadi, saya tengok-tengok di story IG [Instagram Story] dia berpeluk dengan lelaki lah. Gambar peluk dia, bukan—video, video! Dia bangga, dia seronok tunjuk dia *dah* [sudah] berubah. Yang *ni* [ini]. Lepas *tu* [itu] saya tak mahu juga lah. Jadi *tu* [itu] kita cakap tadi, ciri-ciri yang kebaikan *join* [sertai] Boria saya *ni* [ini], kalau orang *tu* [itu] ada benda-benda yang macam *tu* [itu] depa [mereka] kita tak boleh buat. Bermakna *depa* [mereka] kena... okay—tapi bukan lah makna saya *control* [kawal] *depa* [mereka] sampai yang *ni* [ini] tak boleh, yang *ni* [ini] tak boleh. Saya tak mahu benda yang—benda-benda *tu* [itu] yang masyarakat tengok pun tak elok. Dalam Islam pun tak elok. Masyarakat nampak pun, orang kata, “Orang Boria *ni* [ini] teruk lah. Budak-budak Boria OMARA tengok nampak *ja* [saja] macam *tu* [itu]. Tengok bertudung *ja* [saja] tapi diluar *depa* [mereka]—” Jadi semua *tu* [itu] saya tak mahu. Jadi bila bagi saya semua yang ada dalam kumpulan saya *ni* [ini] yang baik-baik, yang elok-elok *ja* [saja]. Itu saja yang saya nak. Lepas *tu* [itu] kami semua bersatu, orang kata, “Susah sama susah, senang sama senang.” Biasa nak *pi* [pergi] main Boria masuk pertandingan, pertandingan Boria... apa Pesta Pulau Pinang. Masa itu kami terlampaui ramai. Masa itu saya masuk *dua puluh* [20] orang—*dua puluh lima* [25] orang ahli untuk buat persembahan Boria tu [itu]. Jadi saya tak larat nak tanggung masa itu apa semua sampai kami *pi* [pergi] makan nasi *ja* [saja] tapi nasi ambil kuah tomyam pakat makan dengan kuah. Ramai-ramai, kami kenyang benda *tu* [itu], kami kata, “Kita macam orang susah tapi kami jadi persembahan. Janji makan bagi kenyang.” Tapi bila masa

senang, *depa* [mereka] makan semua mewah-mewah *ja* [saja]. Saya ikut *ja* [saja]. *Depa* [Mereka], “Encik Omara, kami nak *ni* [ini]. *Drive-thru* [Pandu lalu], Encik Omara.” *Satgi* [sekejap lagi] yang *ni* [ini], yang *ni* [ini]. Saya ikut. Orang muda *la* [sekarang] air saja pun *dok* [sekarang] ada berbelas ringgit. Kalau orang tua-tua air baru seringgit *dua* [2] ringgit *ja* [saja] kan. Jadi saya tak berkira sebab *tu* [itu] asal *depa* [mereka] seronok *ja* [saja].

- NF : Lepas *tu* [itu], sekarang, pada pendapat Tuan lah, Tuan punya— ada perbezaan tak dalam bila Tuan menghasilkan Boria *ni* [ini] dulu dan sekarang? Ada beza tak yang Tuan hasilkan?
- OMA : Masa saya kan?
- NF : Ha, perbezaan... tak macam *nilah* [inilah] perbezaan kemajuan lah. Cuma kalau dulu saya lambat saya tukar lagu ka. Apa pun sebab kos. Saya berjimat, saya— tapi *la* [sekarang] *ni* [ini] saya *dah* [sudah] banyak lagu. Lepas itu, kostum pakaian pun saya kata saya sewa. Jadi dia dah jadi macam-macam dah. Kalau dulu kalau tengok Boria saya nampak sama. Pakaian *tulah* [itulah] di sini pakaian *tu* [itu], di sana macam *tu* [itu] *ja* [saja]. Sampai kami sendiri jadi *boring* [membosankan]. Jadi saya rasa *la* [sekarang] okay, pakaian-pakaian kami pun *dah* [sudah] berubah. Boria lagu-lagu pun dah baru. Ada kemajuan lah tiap-tiap kita buat apa pun, kita mesti kena nak maju. Jadi kami pun alhamdulillah, ada kemajuan sebab... *dah* [sudah] ada nama kan? Jadi kami tak mahu jatuh balik lah. Lagi satu, kami *besa* [pernah] menang di pertandingan yang kata *tu* [itu] di Pesta Pulau Pinang. Salah satu selain daripada dapat anugerah lain, kami dapat anugerah pakaian terbaik. Pakaian terbaik kerana kami buat pakaian macam itu kami dapat terbaik. Jadi *la* [sekarang] saya tak mahu lah turun, maksud dia, kita *dah* [sudah] dapat anugerah pakaian terbaik. Boria OMARA \_\_, Boria— tahu-tahu Boria OMARA, “*Awat* [Kenapa] hari *tu* [itu] tengok menang pakaian terbaik, *la* [sekarang] *dah* [sudah] teruk *dah* [sudah].” Jadi saya jaga lah benda-benda *tu*

[itu], tak mahu— saya bagi kekal lah *ni* [ini]. Kalau boleh lagi maju lagi.

**NF** : Oh! Pada pendapat Tuan juga lah, persembahan Boria ini, Tuan rasa lepas macam terlibat dalam media sosial semua , Tuan rasa masyarakat zaman kini ada minat lagi ka?

**OMA** : Ternyata ada. Hmm okay baik. Contoh tahun lepas dalam bulan Oktober (bulan 10), RTM TV, *depa* [mereka] buat pertandingan Jaguh Boria peringkat sekolah-sekolah menengah. Jadi sebelum itu, pelajar sekolah menengah yang peringkat remaja *tak tau* [tidak tahu] boria, tidak kenal boria dan apa *tak tau* [tidak tahu]. Dan bila buat Jaguh Boria itu, tiap-tiap sekolah kena cari lebih kurang *dua puluh* [20] orang kumpulan dia sekolah ini di Pulau Pinang lah. Bila macam itu, mereka mungkin menggunakan media sosial untuk *promote* [promosi] dan masa itu juga akan mencari-cari *Youtube* saya, daripada bila gambar Boria OMARA orang kenal, apa-apa mereka nak rujuk, mereka akan cari Boria OMARA. Sebab mereka kata pula. Dan kebetulan pula saya jadi juri. Jadi benda ini kalau ikut saya macam okay lah kan. Jadi banyak rujukan saya boleh tahu di sini, jumlah *view* [lihat] saya tiba-tiba bila ada meningkat menunjukkan ramai orang cari dan mungkin orang tengok berulang. Lepas tengok dan tengok lagi. Jadi dengan adanya pertandingan Jaguh Boria itu dan bulan *sepuluh* [10] tahun lepas ada pertandingan Boria juga peringkat sekolah juga. Mereka buat di Komtar dan saya jadi juri juga. Lepas itu, saya buat Festival Boria tahun lepas, *dua puluh lapan* [28] dan *dua puluh sembilan* [29] Oktober. Saya buat selama *dua* [2] hari dari siang ke malam Festival Boria di Teluk Air Tawar, Butterworth. Sebab festival itu dapat sambutan ramai orang tengok selama *dua* [2] hari *dua* [2] malam dan kami buat *sembilan* [9] persembahan Boria, *sembilan* [9] kumpulan. Saya panggil macam-macam daripada kumpulan sekolah sampai lah ke Boria orang-orang tua yang saya kata tadi itu. Semua ada. Boria kami main *tiga* [3] kali. Kami main banyak kali sebab kami tuan rumah. Jadi kami buat *special* [istimewa] Boria khas. Bila macam itu semua, kita pun tengok di media sosial. Kita masuk segala

apa media sosial yang ada, semua kita masuk. Saya nampak orang mula kenal Boria, orang mula tahu Boria dan media sosial ini dah main peranan untuk mendekatkan seni warisan ini Boria terutama dekat golongan remaja. Kalau golongan remaja tak ada, cara itu mungkin lambat sampaikan. *Saja-saja* [Sahaja] mereka nak *search* [carian] nak *Google*, mereka macam pasal apa nak cari Boria. Tapi bila ada benda mereka kena, mereka kena cari. Benda ini akan terlibat mereka akan cari apa itu Boria. Jadi saya nampak tahun lepas tahun yang betul- betul Boria ini meningkat dan dulu tahun 2019 kalau tak silap saya, Boria disebut *Book of Records* itu, 4150 itu menunjukkan 4150 orang itu dah tahu Boria dan terlibat dengan Boria. Dan bukan sikit jumlah itu 4150. Kalau kita kata satu Pulau Pinang ada banyak itu, oii. Kalau kami ada beberapa orang sahaja yang terlibat. Ini 4150.

**NF** : Kiranya ada banyak sekolah?

**OMA** : *Hah* [Ya]. Dan bila kalau jadi nak buat Boria 5000 orang ini, yang ini mereka nak buat daripada KRT. Tiap-tiap kawasan KRT (Kawasan Rukun Tetangga) ini, macam kata pangsapuri ini apa semua ini mereka akan kumpulkan. Boria ini kami akan kembangkan lagi dan dapat lagi orang tahu. Jadi bagi saya, jawapan dia macam ini okay kiranya bagus *lani* [sekarang ini] media sosial banyak membantu dan saya juga menggunakan media sosial penuh untuk mempromosikan kepada masyarakat tapi kalau dulu Boria kurang, sebelum media sosial ada lama tapi kebetulan orang lain *tak reti* [tidak pandai] dan *tak mau* [tidak mahu] cuba. Saya ini kalau orang kata gila media sosial, saya tidak boleh duduk kalau *tak update* [tidak kemaskini] apa-apa tidak kira dalam *Facebook*. *Facebook* saya hidup Omar Hashim OMARA dan lagi satu Omar OMARA Hashim. Lepas itu *page* [halaman] saya OMARA.TV.my bukan Boria saya tapi macam-macam seni masuk dan lain-lain juga. Dan *Youtube* macam itu juga. Jadi saya tidak boleh duduk diam macam saya kata tadi. Saya paling suka di rumah, saya boleh berkarya dan boleh buat *edit* [sunting]. Saya *edit* [sunting] sendiri. Kadang-kadang orang tanya” Encik OMARA, budak-budak Boria *ka duk* [yang] buat semua *edit* [sunting]?”. Encik OMARA berkata, “Eh tak saya yang buat *edit* [sunting] sendiri.” *Depa* [Mereka] macam tak *caya* [tidak percaya]. Orang berkata,” Memang Encik Omara?”

dan Encik OMARA berkata, “ Ya saya lah”. Macam semalam ada cikgu yang tanya saya dan saya kata saya lah yang buat. Cikgu kata, “Betul ka?”. Saya kata, “Betul”. Sebab jangan kira banding umur lah kan sebab kita nak kita boleh buat dan saya minat benda itu, *edit* [sunting], masuk lagu dan masuk sana sini. Kalau kata *Tiktok* pendek sikit. Kalau kata *Youtube*, panjang. IG [*Instagram*] yang saya *bubuh* [letak] juga sebab ada remaja tak suka *Facebook* dan depa [mereka] ada *Instagram ja* [sahaja]. Tanya *Facebook*, kami *tadak* [tiada]. Kita jaga kat [dekat] *Instagram*. Kita cari mereka dekat sini. Ada orang berumur suka *Facebook* dan ada remaja yang *reti* [pandai] *Facebook*. Ada yang kami tak tahu. Kami main *TikTok* sahaja dan pergi dekat *TikTok* pula. Jadi segala ruang yang orang boleh nampak kita *bubuh* [letak]. Lama-lama benda akan menjadi promosi yang berterusan dan lama-lama jadi popular. Yang itu je lah.

**NF** : Macam mana cara Tuan mendapat ilham atau idea nak majukan seni ini?

**OMA** : Saya kata bila saya dah masuk dan saya *tak mau* [tidak mahu] keluar. Dan bila saya dah masuk bidang seni warisan Boria *ni* [ini], saya kena bagi maju lah. Saya tidak boleh, orang kata suka-suka duduk buat. Macam orang kata kalau main, main dan kalau *tadak*, *tadak* [tiada]. Jadi saya sentiasa pada setiap masa, saya *duk* [tengah] fikir nak bagi maju *saja* [sahaja]. Macam *lani* [sekarang], pasal apa saya nak tambah Boria lelaki pula dan pasal apa yang saya buat macam itu. Sebenarnya saya nak maju lagi. Kalau tidak, cukuplah saya dah ada ,buat apa nak buat teruk-teruk. Dan bila buat ini, sebenarnya teruk kerana akan masa dan mungkin juga akan makan modal.Tapi saya nak bagi maju. Macam kalau orang buat perniagaan pun,kalau dia tiada fikir nak untuk maju dan diri kita pun kalau kita fikir nak maju, kita akan duduk taraf itu *ja* [sahaja] atau kita turun. Tapi bagi saya ini,apa yang kita buat setakat *lani* [sekarang] yang saya cakap, saya tidak tahu selepas ini saya macam mana saya tidak tahu tapi minta mudah-mudahan Allah bagi dekat saya

kekuatan, tenaga, fikiran saya, \_\_, pancaindera saya dan semua elok. Insyaallah saya boleh teruskan lah.

**NF** : Tuan, ada ikut apa-apa trend semasa buat karang lagu ka, karang pantun ka?

**OMA** : Dalam Boria, dia tidak boleh lari daripada empat ciri atau elemen yang wajib dalam Boria itu. Jadi benda itu tidak boleh berubah, jadi saya tidak boleh nak ubah-ubah apa-apa kecuali lagu kita boleh ubah. Dalam Boria, lagu tidak ada satu lagu wajib dan tidak ada mesti macam ini. Dia boleh nak Hindustan. Saya buat yang terbaru Hindustan campur dengan dangdut.

**NF,SA** : Oh.

Boleh sebab kita boleh tarik pula golongan yang suka Hindustan dan dangdut. Kita kena *pikir* [fikir] apa-apa untuk dimajukan lagi. Jadi saya buat benda-benda itu semua untuk memajukan Boria dan dari masa ke semasa, saya tengah fikir lagi apa lagi. Dan paling yang terbaru tengah fikir, kami baru buat persembahan Boria. Dan baru-baru sahaja fikir macam saya nak buat satu nak tulis Boria OMARA dan bila orang ambil gambar, gambar itu orang *bubuh* [letak] tapi tak nampak Boria OMARA. Benda itu boria dan kita tengok-tengok boria dan saya letak *kat* [dekat] hadapan. Bila berlakunya persembahan, ada satu...

**NF** : Papan?

**OMA** : Papan *ka* atau apa *ka* sebab Boria OMARA. Habis main terus tarik balik benda itu. Kalau nak bagus lagi, letak nombor telefon dan orang boleh jemput (ketawa). Dan saya duduk ingat nak saya majukan lagi lah, saya nak bagi mempercepatkan buatkan yang *tu* [itu].

- NF** : Lepas *tu* [itu], tadi Tuan ada cakap *pasai* [pasal] Tuan pernah kolaborasi dengan artis-artis, *sapa* [siapa] kolaborasi dengan Tuan?
- OMA** : Untuk Boria atau untuk lain?
- NF** : Untuk Boria.
- OMA** : Untuk Boria. Kalau untuk lain-lain, ramailah sebab saya *ni* [ini] juga penulis hiburan jadi saya banyak kenal dari artis lama dahulu lah termasuk pelakon-pelakon filem. Saya tak *habaq* [beritahu] lagi itu saya penulis buku riwayat hidup P.Ramlee dan saya kenal keluarga P.Ramlee. Saya kenal kawan-kawan P.Ramlee, Aziz Satar dan semua itu kawan baik saya. Anak-anak P.Ramlee kawan baik saya. Jadi itu kalau dalam bidang lain tapi kalau dalam di bidang Boria kan, artis yang terlibat cuma Allahyarham Nassier Wahab, Imuda. Imuda ini kawan baik saya dari muda sampai *la* [sekarang]. Jadi kalau dia nampak kami main Boria di mana-mana, tiba-tiba dia ada, dia boleh dengan spontan naik atas pentas. Dia *mai* [datang] *join* [sertai]. Kami pun terkejut tengok-tengok dia ada terus kami jadi cerita lain (ketawa). Dia akan *join* [sertai] tidak kira duit tidak kira apa dengan saya lah sebab dia juga orang Pulau Pinang dan dia pun orang Prai sekarang ini sebetulnya. Dia minat Boria dan dia kenal kami daripada mula-mula zaman berjinak dengan Boria. Jadi masa itu dia tak buat apa-apa lagi dan dia tidak berlakon lagi dan dia tidak terkenal lagi. Jadi dia, selain daripada itu, *tak* [tidak] ramai yang terlibat buat rakaman *ka apa ka* sebab Allahyarham Nassier Wahab ini, dia memang asal tukang karang di Butterworth dulu. Daripada tukang karang jadi penyanyi. Bila itu saya bagi dia jadi Boria balik *sat* [kejap] walaupun dia dah jadi penyanyi. Itulah artis yang tidak ramai yang terlibat dengan saya atas Boria. Biasanya orang-orang biasa seni macam itu *ja* [sahaja].

#### TAMAT BAHAGIAN D

## BAHAGIAN E: SENI LAIN

SA : Macam Tuan *bagitau* [beritahu] tadi, Tuan pencipta lagu. Apa lagu yang menjadi kegemaran masyarakat dengar sampai sekarang?

OMA : Lagu biasa atau lagu boria?

SA : Lagu boria.

OMA : Lagu boria bukan lagu biasa ah?

SA : *Hah* [Ya]. Bukan lagu biasa.

OMA : Kalau lagu biasa, banyak sebab lirik lagu untuk album yang saya bawa keluar apa. Tapi kalau boria maksudnya rangkap karangan boria,lirik-lirik boria lah kan,maksudnya yang itu

SA : Maksud macam lagu apa yang paling popular?

OMA : Okay yang saya nampak paling popular macam Cuti-Cuti Malaysia. Saya buat boria Cuti-Cuti Malaysia sebab dalam karang itu, semua negeri dia sentuh daripada utara Perlis,Kedah, Pulau Pinang sampai Sabah Sarawak.Jadi bila saya masuk dalam *YouTube*, mungkin orang bila nak cuti, bila selepas PKP, orang boleh *pi* [pergi] cuti balik ini di Malaysia ini. Orang mungkin *search* [cari] perkataan cuti-cut Malaysia lah. *Depa* [Mereka] nak *pi* [pergi] *tang* [dekat] mana macam mana. *Depa* [Mereka] akan jumpa Boria saya. Jadi *depa* [mereka] akan selisih mungkin. Kerana itu, ia itu jadi macam popular. *Lagu tu* [Macam itu] orang menarik. Saya buat video klip Boria berkenaan dengan cuti-cut Malaysia itu menarik. Orang suka. Saya sendiri pun suka berkali-kali saya tengok balik. Itu kalau yang lebih yang lain-lain adalah macam-macam sendiri tapi yang itu lebih.

SA : **Kalau macam. Adakah Tuan pandai bermain alat muzik?**

OMA : Dulu masa pada zaman remaja, zaman saya mula boria dulu, saya bermain harmonika. Bukan pandai tapi boleh bunyi.

- SA : Oh.
- OMA : Pandai ini kira saya hebat pergi sana sini tapi saya boleh bunyi *saja* [sahaja]. Yang lain-lain *tu* [itu] lah dalam boria ke apa, saya hanya main alat musik yang ringan mungkin yang ramai orang boleh main \_\_, marakas. Marakas pun ada cara juga. Dia bukan *ceng ceng*[bunyi marakas], kalau dia *cing cing* [bunyi marakas]. Tangan kita kena hidup, dia kalau *slow slow* [perlahan] kalau rancak, dia rancak. Yang ini naik yang ini turun. Mesti bunyi ikut *beat* [pukul] jadi yang itu. Tapi alat-alat muzik yang penting saya tidak boleh main dan saya tidak biasa main tapi saya teringin nak belajar tapi dah terlambat sebab masa muda dulu saya tidak belajar. Jadi kalau *la* [sekarang] saya belajar saya rasa lambat dapat tapi teringin. Saya memang teringin. Jadi itu lah dari segi alat muzik, macam itu lah.
- SA : Macam kan. Tuan ada *bagitahu* [beritahu] yang Tuan juga penulis kan. Apakah jenis penulisan yang diterbitkan oleh Tuan?
- OMA : Yang diterbitkan?
- SA : *Hah* [Ya].
- OMA : Diterbitkan dalam bentuk buku *ka* di sosial media *ka* apa *ka*?
- SA : Buku, digital.
- OMA : Okay saya. Masa dulu saya tahu majalah dalam digital itu. Saya bermula dengan *lima* [5] buah majalah. *La* [Sekarang] saya ingat majalah dah *tidak* [tiada] lah. Tajuk dia “Koleksi Misteri, Kisah Benar”. Yang paling popular adalah Kisah Benar.Kisah Benar ini, dia macam dulu ada satu majalah nama \_\_\_. Saya lupa itu. Dia memang *top* [atas] itu. Dia cerita macam kisah benar, pengakuan benar. *Lepastu* [Selepas itu], tadi Koleksi Misteri kisah benar. Selepas itu, ada *tiga* [3] lagi. Saya tidak boleh nak cari balik lagi ini. Sebab tahun *dua ribu* [2000] masuk hujung tahun *satu ribu sembilan ratus lapan puluh lapan* [1988] sampai tahun *dua ribu* [2000]. Ada itu tajuk X-Ray.

X-Ray ini kartun. Lawak dengan kartun *ja* [sahaja]. Kemudian, Kena. Kena ini, dia macam teka silang kata, teka benda-benda yang macam kita buat *teka-teka* [teka-teki] dalam kita main-main dalam banyak silang kata. Selepas itu lagi, selepas buat misteri-misteri, benda misteri-misteri. Benda itu dah habis dan saya tidak buat dah. Selepas itu saya menulis manuskrip riwayat hidup P.Ramlee zaman kanak-kanak sampai lah dewasa. Yang lebihnya zaman kanak-kanak. Sayangnya manuskrip yang saya tulis tebal-tebal itu, dulu zaman typewriter itu tekan *tup tap tup tap* [bunyi typewriter] jadi saya *pi* [pergi] fotostat dulu di kedai dan nak *print* [cetak] apa tak boleh mana ada ini. Jadi saya dah buat apa semua. Satu pengarah Arkib Negara Malaysia nama Puan Habibah Zon. Dia minta *kat* [dekat] saya *satu* [1] dan saya bagi lah yang itu *satu* [1]. *La* [Sekarang] dia dah meninggal dan benda itu saya tak tahu dia dah hilang. Mungkin hilang *kat* [dekat] dia. Sekarang saya *duk pikiaq la* [tengah fikir sekarang] nak cari keluarga dia. Kot dia ada simpan. Sebab dia ketua pengarah dalam Malaysia. Selepas itu, *satu* [1] lagi yang saya buat. Saya jual benda itu dekat Jins Shamsuddin tahu tak, pelakon pengarah Jins Shamsuddin. Biasa dengar tak nama dia? Dia terkenal ini. Selepas P.Ramlee apa semua, Jins Shamsuddin. Dia beli riwayat hidup dan dia nak buat filem kisah P.Ramlee. Dan ada *kat* [dekat] dia tapi *lani* [sekarang] saya tak tahu sebab dia dah meninggal dan saya lambat tindakan. Mungkin ada dekat keluarga dia. Saya nak jumpa dengan *bini* [isteri] dia, Datin Khadijah. Anak-anak dia *duk* [tengah] buat rancangan TV apa nama Hang Jebat, Hang Tuah anak dia nama. Saya nak *pi* [pergi] cari balik. Dekat saya sendiri ada kawan saya pinjam dan *depa* [mereka] nak baca. Tapi saya dah lupa siapa yang dah bincang itu.

**NF, SA** : Oh.

**OMA** : *Sapa* [Siapa] pun tak bagi balik dekat saya. Jadi saya hilang. Sebab saya nak jadikan buku. Sebab ada orang nak jadikan buku Riwayat Hidup P.Ramlee zaman kanak-kanak. Sebab cerita yang saya buat kajian itu, memang kalau kira tepat sebab saya dapat dari sumber yang rapat dengan P.Ramlee. Sebab saya berkawan dengan anak dia dengan abang dia, keluarga dia dan semuanya. Jadi saya dapat semua yang tepat. Gambar-gambar semuanya ada.

Tapi *lani* [sekarang] benda itu dah hilang. Yang itu yang saya kesal kan. Selepas itu, saya buat buku sejarah Boria dah tebal. Bukan tebal sebab kita *print* [cetak] tapi tak pergi cetak. Saya pergi ke Dewan Bahasa dan Pustaka KL [Kuala Lumpur] untuk mereka terbitkan. Mereka pun nak terbit cuma yang jadi masalah dekat saya sekarang ini jadi lambat bila saya bagi gambar-gambar lama dapat dari pelbagai ini . Mereka nak surat pengesahan daripada orang itu, mereka benarkan disiarkan dalam buku itu. Saya tak dapat cari. Kerana saya tak dapat , saya pun diam Selarang dah berapa tahun dah, buku itu tersandai tak jadi buku. Tapi Dewan Bahasa memang nak tunggu saya nak jadikan buku. Sejarah boria ini kira penting lah. Belum ada buku sejarah boria yang betul-betul. Yang ada pun lebih kurang. Ada jabatan kerajaan yang buat lebih kurang sahaja yang saya punya fakta banyak. Selepas itu, yang ini saya boleh buat bila-bila masa cuma saya duk *ralek-ralek*.[tangguh] dan saya tak buat. Saya teringin nak jadikan buku rangkap karangan boria yang saya buat ini. Saya nak bukukan rangkap-rangkap itu. Maksud dia *sapa* [siapa] nak buat boria, boleh cari tajuk sahaja. Beli buku saya tengok kisah apa masyarakat, jadi kita *ambik* [ambil] sahaja tak payah nak teruk-teruk dah. Yang itu bila-bila masa sahaja saya boleh buat tapi saya tak buat. Saya dah cakap ini dah beberapa tahun dah (ketawa). Kalau orang tanya, saya duk cakap ayat ini. Saya harap selepas ini akan menjadi kenyataan.

- NF** : Insyallah.
- OMA** : Bagi soalan-soalan macam ini, dia membakar balik semangat saya kan.Jadi dalam penerbitan, yang saya buat yang itulah. Dan yang lain-lain itu, saya menulis di akhbar, majalah, artikel , rencana dan yang itulah. Kadang-kadang sesetengah saya simpanlah.Kalau yang itu yang mana ada lagi daripada dulu sampai sekarang saya simpan.
- SA** : Macam seperti yang kita tahu, teknologi semakin canggih. Adakah Tuan ada membuat penulisan di mana-mana platform digital yang lain?

OMA : Hmm ada. Saya juga buat blog sendiri. Blog Warisan Boria. Lama dah blog ini wujud cuma sekarang ini saya kurang *update* [kemaskini] sebab saya lebih. Sebab saya dah banyak, Facebook mudah di mana-mana boleh buat. Blog ini kalau kita tengok kita tak puas. Saya kena buat di komputer rumah letak-letak betul, kena isi bahan. Tapi kalau tengok balik boleh sampai ke cari balik dari www dia punya itu kan banyak. Blog Warisan Boria ini banyak membantu lah kalau orang tengok. Semua dah ada dekat situ. Blog Warisan Boria, gambar-gambar apa semua. Kadang-kadang kalau kita *Google*, kita *search* [cari] di *Google*. Kita *type* [masuk] perkataan kata lah boria atau warisan boria atau boria OMARA. Dia akan *mai* [datang] pada blog itu. Dia akan keluar gambar dalam blog itu. Selepas itu, saya juga buat blog warisan ghazal parti. Ghazal parti sesuatu seni warisan Pulau Pinang yang lagi *satu* [1] kan tapi harini kita cakap pasal boria so saya tak cakap pasal Ghazal Parti lah. Saya buat blog Ghazal Parti juga, saya malas nak *update* [kemaskini] juga. Kalau tengok tarikh kemaskini, dah agak lama lah. Tapi saya nak kata saya nak semua lah. Saya nak buat macam-macam tapi kadang-kadang tak terdaya dengan masa apa. Sebelum itu, saya dah banyak blog dekat media sosial. Saya ada blog Melayu, blog dan lagi *satu* [1] blog yang ini juga Blog Di Sepanjang Riwayatku tapi tajuk dia kalau cari [wwwmamutanjung.blogspot.com](http://wwwmamutanjung.blogspot.com). Tapi dalam itu tajuk dia di depan “Disepanjang Riwayatku”. Itu semua kisah saya. Itu pun saya kurang dan lama tak *update* [kemaskini]. Itu antara *tiga* [3] blog saya yang saya aktif dan banyak orang tengok apa semua lah. Dulu ada media sosial macam *lani* [sekarang ini]. Sebelum ada *Facebook*, sebelum ada *IG* [*Instagram*] sebelum ada apa, disitu tempat yang saya rajin buat dan orang ramai dulu tengok blog lah web kan. Tapi blog adik-beradik web juga. Bunyi macam web juga. \_\_\_\_\_. Jadi itu jalan media sosial kalau dulu macam itu yang saya punya ini. *La* [Sekarang] yang saya *habaq* [beritahu] tadi. Carilah apa media sosial yang ada perkataan Omara itu, Omar Hashim Omara ka, Omara Omar Hashim ka yang terbalik apa ka. Ada sahaja Omara itu, dapatlah saya punya.

**SA** : So, Tuan.

**OMA** : Ya.

**SA** : **Macam kita tahu yang boria ada sketsa. Adakah Tuan pernah sketsa di mana-mana saluran TV atau platform-platform sosial media?**

**OMA** : Alhamdullilah banyak .selain daripada pentas, kalau dalam tv yang *tak* [tidak] keluar dalam bulan tujuh atau bulan lapan ini akan keluar rancangan Cek Mai Cek Mai itu. Dia ada stekom boria stekom ini. Sebab boria ada sketsa\_\_\_\_\_. Yg ini dia buat sketom. Saya bersama dengan pelawak-pelawak terkenal. Saya , Imuda, Muhamad Puteh, Farouk Hussain dan ada berapa orang lagi raja lawak. Kami ada lah. Ada masa saya ada, ada masa saya *tidak* [tiada].Ada keluar masuk. Yang itu saya berlakon. Kemudian saya ada juga berlakon dalam drama-drama tv yang telah disiarkan di TV. Watak saya ini bukan pelakon hero lah bukan penting tapi ada muka saya. Ada saya jadi Pak Haji banyak. Banyak saya jadi Haji. *Depa* [Mereka] tidak bagi hero muda (ketawa). Jadi saya jadi watak-watak yang macam itu. Ada bila raya *lepas* [selepas] ini, saya ada di TV. Hari raya puasa yang lepas lah, saya berlakon drama dengan pelakon-pelakon terkenal. Kalau rajin-rajin cari-cari dalam Facebook saya, keluar bahagian-bahagian yang saya berlakon itu. Tapi saya berlakon lawak. Kalau macam kata lawak tadi, saya suka watak lawak. Yang itu *depa* [mereka] boleh bagi saya spontan sikit. Saya berlakon dengan Diana apa Diana Daniel.

**NF** : Diana Danielle?

**OMA** : Saya *payah* [susah] nak sebut . Saya sebut Diana Danielle apa benda entah (ketawa). Saya berlakon dengan dia. Buat dekat Kuala Lumpur *shooting* [berlakon]. Selepas itu, saya jadi bomoh boria. Saya pakai pakaian boria semua. Jadi saya jadi bomoh tapi jadi bomoh penipu. Saya minta duit dekat orang semua ,saya tipu. Haritu saya ada jadi Pak Haji dalam drama Kami Datang Nak Raya. Kami Datang Nak Raya ini, budak-budak *mai* [datang] nak raya rumah saya. Saya bermegah-megah. Saya bagi budak seorang RM50 ringgit.Selepas itu, suruh tunjuk dekat orang di luar. Bila di luar, orang

nampak."Berapa Pak Haji bagi? RM50 ringgit "(ketawa). Dan saya kata sekali lagi RM 50 ringgit. Kira betul ada boleh cari dalam TikTok saya, saya ada bawa masuk sikit. Saya ada *amik* [ambil] benda-benda *part-part* [bahagian-bahagian] itu, selepas itu saya bawa masuk. Jadi saya banyak berlakon dan selebihnya lawak. Dan saya juga pernah berlawak dengan Allahyarham Pie. Pie, kalau tahu,Pie yang berlakon Anak Mami,pelawak Pulau Pinang.Mereka adalah artis saya.Dulu saya terbit album,mereka adalah artis saya. Jadi saya berlawak dengan Pie lah sebelum dia meninggal. Kalau cari dalam YouTube, lawak Pie yang terakhir . Yang itu ada yang saya lawak dengan dia di Padang Kota.Jadi sebenarnya,saya kira bidang lawak ini, saya lebih suka tapi saya bukanlah (ketawa). Bila orang tengok macam serius lah kan tapi kalau lawak memang saya ada idea. Memang menjadi, saya suka. Dan saya juga berkawan dengan pelawak-pelawak terkenal yang *dah* [sudah] meninggal *ka* yang apa ka.Yang baru itu kumpulan Senario. Kumpulan Senario dulu saya bawa mereka untuk *show* [persesembahan] untuk apa semua lah. Lan Pet Pet, Wahid, Apek. Saiful Apek baik dengan saya.Sampai Saiful Apek nak buat persembahan di sini, kalau tengok ada saya, dia akan panggil saya naik di pentas berlawak spontan. Saiful Apek panggil *kat* [dekat] saya pelik sikit. Dia panggil saya Abang Omara. Kira pelik sebab dia muda kan daripada saya. Dia panggil mana Abang (tersasul) . Saya selalu terbalik. Dia panggil Adik Omara (ketawa). "Mana Adik Omara", panggil Saiful Apek. Dia panggil adik.Jadi saya rapat dengan dia juga dan berlawak apa.Jadi saya seronok sebab saya berkawan dengan pelawak dan saya juga pelawak. Tapi bila dalam seni ini, orang lebih nampak saya boria lah dan orang nampak. Lawak-lawak boria pun saya ambil pelakon sketsa boria. Saya juga ada \_\_\_\_\_ dalam rancangan radio di Pulau Pinang *lapan* [8] tahun Series Nasi Kandar Papadom *lima belas* [15] minit tiap-tiap minggu. Saya jadi Pak Omak dalam cerita itu yang jaga kedai makan. Warung saya *depa* [mereka] mai [datang] makan dan akan berlakulah kisah-kisah dalam warung saya ini. Jadi yang itu *lapan* [8] tahun.Itulah banyak benda-benda yang tapi tadi tanya pasal pelakon atau pelawak apa ka .

SA : Sketsa.

**OMA** : Ini pun sketsa lah. Berlawak dikira sketsa lah. Dan sketsa boria lah.

**SA** : **Kiranya berapa lama Tuan mula bersketsa dalam saluran TV dan kaca TV?**

**OMA** : Senang *ja* [sahaja] jawapan dia. Sejak saya *tak* [tidak] takut pegang mikrofon. Masa saya takut pegang mikrofon dulu, *toksah* [tidak payah] *sapa* [siapa] panggil, memang saya tidak akan buat sebab takut. Bila saya dah berani pegang mikrofon, saya jadi ketagih. Saya kira nak, nak sahaja. Kalau *bagi* [beri] mikrofon, saya payah nak letak. Saya seronok nak cakap sebab hidup saya dah berubah daripada paling takut dengan paling berani. Jadi benda itu, kalau ikut tahun, tahun bila saya yang kata itu awal tahun *dua ribu* [2000]. Yang rancangan TV yang saya kata *live* [ secara langsung] itu kan, masa itu yang saya takut itu. Selepas itu, yang dalam boria yang saya tidak berani ini. Cerita dia *lagu* [macam] ini. Sebelum ini boria, saya tidak berlakon sketsa cuma saya beri dekat orang lain. Haritu tidak cukup *sorang* [seorang] dalam boria, kena ada ada penasihat tidak cukup. Saya dipaksa oleh orang-orang saya sendiri. "Omak kena boleh", berkata orang boria lama. Dia panggil saya Omak. Omara Omak lah kan. "Omak kena boleh", kata seorang boria lama. "Saya tidak boleh, Bakar. Saya ketar", kata Omar. "Omak, kena boleh. Omak kena buat juga.", kata orang boria lama itu lagi. Kami masuk pertandingan boria besar. Saya kena berlakon sketsa tapi saya kena ada. Saya kata "Allah, Bakar. Saya tidak boleh. *Satgi* [ Sebentar lagi ] habis rosak semua kalau saya masuk". "Takpa [Tidak apa] . saya kata Omak boleh", berkata orang boria lama lagi. *Last* [Akhir] sekali kan, mereka keluar dulu. Ada *empat* [4] orang semua. Tajuk dia lupa dah. Dengan sketsa-sketsa semua dah. Mereka keluar *tiga* [3] orang dulu. Saya keluar *last* [akhir]. Saya duduk di belakang dengan *duk* [tengah] macam pegang *mic* [mikrofon] ( tunjuk pegang mikrofon ) yang saya takut itu kan (tunjuk)." Kalau aku nak keluar, tak keluar", kata Omar dekat diri sendiri. Kalau saya tidak keluar, cerita mereka akan rosak. Ini pertandingan. Mereka akan rosak sebab tidak ada penasihat. Mereka tengah

tunggu saya bila nak keluar. Saya kata dekat diri saya, " Ya Allah, bagi saya boleh". Saya *part* [bahagian] itu, saya kena keluar dan saya tidak boleh tanggung dah. Saya pun keluar. Tak tahu lah macam mana keadaan saya. Kalau ada video orang ambik boleh tengok kat situ. Tapi *tau* [tahu] apa jadi pada sketsa boria itu,kami sketsa boria terbaik menang.

**NF,SA** : Oh.

**OMA** : Johan dan sketsa boria yang terbaik. Jadi kalau terbaik, makna saya buat pun terbaik. Rupanya bila saya berhadapan dengan penonton, saya jadi berani dan saya macam rasa saya hebat. "Aku boleh ini", kata Omar pada diri sendiri. Selepas itu, saya tidak tinggal dah. Tiap-tiap kali saya nak berlakon dan saya nak pegang mikrofon.Kawan-kawan saya lama yang *tau* [tahu]. Dulu saya pendiam. Lagi satu saya takut perempuan. ini kalau perempuan nak *mai* [datang] *interview* [menemuramah] saya kan,Ya Allah, dulu saya ketar. Dulu zaman sekolah saya, kawan -kawan perempuan tak berani rapat. saya takut saya akan melarikan diri.Saya takut. Orang nak bercakap dengan saya , saya ketar saya takut. Jadi benda-benda itu semua,saya berubah lah. Boria saya semua perempuan. Tudia. Daripada saya tak mahu perempuan,boria saya semua perempuan. Daripada saya takut pegang *mic* [mikrofon], saya takut nak lepas mikrofon pula dah. Jadi semua berubah ke arah positif lah . Alhamdulillah lah sampai *la* [sekarang].

#### **TAMAT BAHAGIAN E**

## BAHAGIAN F: CABARAN KERJAYA

NF : Sekarang kita akan cakap tentang cabaran kejayaan Tuan.

OMA : Oh ya.

NF : **Jadi pertama sekali apa yang berlaku pada kumpulan OMARA semasa berlakunya pandemik covid-19?**

Semasa pandemik bukan kata Omara sahaja dimana-mana kumpulan pun *sapa-sapa* [siapa-siapa] sahaja bidang apa-apa pun . Semua terpaksa rehat. Ada orang pemuzik yang jual alat-alat muzik dah susah semua ini.Macam-macam dugaan lah. Saya pula saya adalah orang patuh kepada SOP, patuh peraturan yang kata kena duduk di rumah.. Memang saya duduk di rumah. Masa itu , saya tak keluar mana duduk rumah betul-betul tapi kerana duduk rumah itu saya gunakan komputer saya. Masa itu saya *start* [mula] beli mikrofon dengan kamera letak depan itu. Jadi saya guna media sosial ini. Masa itu lah saya aktif betul-betul. Saya buat video-video saya lama-lama yang mana ada yang saya cari balik. Saya buat *YouTube* , saya edit , saya buat. Jadi saya menggunakan menghidupkan dengan cara itu walaupun saya tidak boleh buat *show* [persesembahan].*Lepas* [Selepas] itu, dekat budak-budak boria saya, tiap-tiap seorang saya suruh mereka. Saya bagi lagu yang mereka tahu dan mereka biasa menari. Selepas itu, mereka menari di rumah masing-masing. Macam satu orang, dia ambil video sendiri dan dia menari ikut lagu itu.Kawan ini macam ini macam ini buat. Kalau kita kata *sepuluh* [10] rangkap *sepuluh* [10] kali , dia pun menari *sepuluh* [10] kali. Tukang karang pula, dia menyanyi *ja* [sahaja] duduk depan mereka ini. Jadi mereka semua hantar *mai* [datang] dekat saya dan saya edit. Saya jadikan macam boria itu hidup. Kami berlakon sketsa pun dekat rumah masing-masing. Saya rumah masing, orang itu rumah masing-masing. Datang dekat saya, saya cantum kan jadi satu lakonan sketsa. Bila saya buat macam itu, menarik perhatian pihak TV. Masa itu, RTM ,TV1, mereka dapat tau [tahu]. Mereka datang *interview* [menemuramah] saya. Mula-mula mereka menemu bual saya di depan flat rumah saya dekat pagar. Macam saya kata, saya tidak bagi orang masuk rumah, saya segan. Saya duduk dekat pagar dekat luar.

*Interview [Menemuramah]* itu *last* [akhir] di TV masuk Selamat Pagi Malaysia. Selepas itu, mereka tanya saya apa saya buat aktiviti sebagai penggiat seni ini. Apa saya buat bila saya kena keadaan pandemik yang macam ini? Semua tidak boleh buat apa. Saya cerita. Selepas itu, mereka datang sekali lagi, ambil saya untuk buat berita. Masuk dalam berita TV. Mereka ambil video-video saya juga masuk dalam berita TV itu. Omara telah buat (bunyi ninini), Omara tidak berhenti di situ sahaja, Omara meneruskan seni budaya (bunyi ninini) dari kenyataan berita. Jadi saya buat itu banyak dan menyebabkan Georgetown Heritage di Pulau Pinang warisan dunia, mereka buka *satu* [1] pertandingan untuk masa pandemik apa orang-orang buat bukan seni sahajalah, orang bidang lain-lain apa semua. Bila saya masuk penyertaan itu, saya buat boria. Saya buat boria juga dalam masa pandemik dan saya dapat. Mereka bayar saya RM *sepuluh ribu* [10000] ringgit. Jadi masa itu, pendapatan *tidak* [tiada] tapi saya dapat RM *sepuluh ribu* [10000] ringgit dan dapat dari sumber itu sumber ini dan lain-lain sebagai promosi lah. Saya buat boria, ghazal parti. Semua buat cara rakam masing-masing. Masa itu juga, saya beli *green screen* [skrin hijau]. Zaman itu semua pakat guna skrin hijau sebab tidak boleh ambil dekat luar kan. Saya pun rumah kecil, saya pasang lah *green screen* [skrin hijau] penuh rumah saya dengan *spotlight* [lampu sorot] dengan apa. Saya seronok bila saya edit balik. Saya dah di pantai lah (kami ketawa) dan di mana-mana kan. Saya seronok saya buat. Jadi seolah saya keluar macam walaupun orang zaman pandemik, kena berkurung tapi seolah saya keluar walaupun saya tidak keluar. Jadi itulah kegiatan saya banyak walaupun *dua* [2] tahun yang betul-betul kan. *Dua* [2] tahun itu saya tidak berasa bosan, saya tidak berasa apa sebab saya dapat banyak masa pula lagi untuk menghasilkan benda-benda yang macam ini. Masa itulah video saya di YouTube bertambah sebab saya ada masa. Kalau saya keluar-keluar macam ini, masa saya tiada. Macam itu lah.

NF : Kadang-kadang kan artis ka, penulis ka, depa [mereka] macam

**menghadapi fenomena macam blok kreatif di mana mereka sukar nak bergerak ke hadapan dan sukar menghasilkan sesuatu yang baru. Jadi adakah Tuan pernah mengalami kreatif blok?**

**OMA** : Macam saya kata tadi itu, saya boleh hadapi dengan apa maksud saya buat tadi itu, saya dah. Kreatif blok maksud dia apa?

**NF** : Maksud dia macam, ada satu masa itu Tuan macam bila Tuan nak buat contoh lagu baru *ka apa-apa ka*, dia macam tidak boleh. Dia macam semua buat tidak jadi.

**OMA** : Diri sendiri lah?

**NF** : Diri sendiri

**OMA** : Hmm. Saya rasa macam dekat saya *dak* [tidak] lah juga kot. Sebab itu lah saya berlain dari hidup orang. Kalau orang ada tekanan yang *bubuh* [letak] bendera putih yang macam -macam kan. Kalau nak kata saya susah pun, saya tidak susah juga sebab kereta saya tidak keluar, minyak tidak *bubuh* [letak] pun. *Lani* [Sekarang ini] kereta saya, *dua* [2] hari sekali dekat RM *tujuh puluh* [70] ringgit, RM *lapan puluh* [80] ringgit dengan saya berjalan merata kan. Saya tidak ambil budak-budak boria apa *dak* [tidak] lah. Kami sentiasa berhubung, sentiasa *online* [secara atas talian] dan pelajar-pelajar yang nak menemuramah saya guna Google Meet dan Zoom dan masih jalan. Dan saya belajar bengkel boria SK [Sekolah Kebangsaan] Kepala Batas sepenuh masa guna Google Meet. Selepas itu, saya mengajar bengkel boria ini buat "Boria Muhibah". Cina, Melayu, India semua ini ajar melalui Google Meet juga. Jadi kalau saya macam-macam saya *tadak* [tidak] apa-apa. Masa itu *kot* [mungkin] yang kisah saya ini, mereka masuk berita, masuk apa kan. Sebab saya masih boleh meneruskan dengan saya *tak* [tidak] jadikan yang itu sebagai *satu* [1] halangan. Maksud dia, \_\_ kalau sesetengah orang tanya, sekarang ini dah tidak boleh buat apa la, macam orang lain cakap. Sekarang ini nak buat apa sampai nak keluar pun *tak* [tidak] boleh, yang ini tidak boleh. Tidak tahu lah jadi idea pun tiada apa semua ini. Jadi saya tidak ada macam itu dan saya tidak pernah cakap macam itu pun sebab saya rasa saya dapat

satu dunia baru macam cara baru. Kalau tidak, saya macam ini terbuka, jumpa orang. Kemudian, kami jadi macam ini duduk dekat rumah tapi komputer itu dengan kamera dia dengan mikrofon dia , yang itu telah membuka saya kepada seolah saya berada di mana-mana. Orang ada dekat saya, saya ada dekat orang walaupun kata ini mereka tengah tipu saya ada *lima ratus* [500] orang kata duduk depan saya tapi tidak orang pun saya percaya kata ada orang. (semua ketawa)

**NF** : Okay. Jadi pernah tak [tidak] hasil karya Tuan dapat kritikan yang Tuan dapat ingatlah?

**OMA** : Karya dari segi penulisan ka apa?

**NF** : Apa-apa karya macam lagu Tuan ka, atau *maybe* [mungkin] Tuan punya hasil penulisan Tuan ka? Dapat?

**OMA** : *Tidak* [Tiada]. Setakat ini maksud saya kritikan yang tidak baik lah *kot* [mungkin].

**NF** : *Hah* [Ya].

**OMA** : Tiada. Setakat ini semua okay. Orang puji ada lagi lah. Okay alhamdullilah lah.

**NF** : Bagaimana Tuan nakkekalkan mutu sesuatu persembahan boria Tuan?

**OMA** : *Hah* [Ya]. Untuk mengekalkan mutu ini sebab bila boria saya *dah* [sudah] maju. Nama boria Omara pun sudah naik. Jadi saya kenakekalkan mutu lah , saya kena jaga. Itu yang buat macam-macam itu dari segi macam saya kata pakaian tadi, kostum yang sangat terbaik. Kemudian, saya juga banyak ambil video-video dan saya kadang-kadang itu saya ambil dengan telefon sahaja tapi gambar kualiti kurang sikit. Tapi *kerna* [kerana] saya nak jaga mutu juga.

Mutu dalam video, benda itu juga orang akan pandang pada mutu persembahan kita. Jadi saya sanggup upah orang ambik lah juruvideo khas. Saya bayarlah berapa ratus, bayar *lapan ratus* [800] ringgit hanya untuk ambil video masa kami buat persembahan sahaja. Tapi tidak boleh selalulah, saya tidak buat semua tapi saya jaga benda-benda itu. Lagu juga macam saya kata buat lagu-lagu baru dankekalkan kualiti mutu dia. Jadi kami memang jaga mutu dan orang-orang saya yang berlatih. Macam saya kata Syafiqah yang duduk di Mutiara Idaman itu. Dia sentiasa tukar lagu-lagu baru. Utama kami buat *tiga belas* [13] episod itu ada *tiga belas* [13] lagu. *Tiga belas* [13] lagu itu dia cipta. Kiranya dia memerah untuk *pikiaq* [fikir] macam mana nak bagi dan kejayaan saya dalam boria Omara sebenarnya bukan kejayaan saya *sorang* [seorang]. Kalau saya seorang, tidak jadi macam ini. Jadi orang-orang saya ini yang ada di belakang. Tanpa mereka ini pun, saya seorang tidak akan jadi boria. Tak kan saya boleh buat itu buat ini setakat saya tapi orang-orang yang membantu. Orang yang cipta lagu, orang yang menyanyi, tukang karang yang di depan itu, pelakon-pelakon sketsa saya, ada pelakon-pelakon drama TV. Ada Sharifah itu dia pelakon drama TV. Jadi orang dah ada nama, dah ada kebolehan sudah. Selepas itu, apa lagi (memikir). Lagu, tarian, *pasal* [tentang] pakaian tadi, \_\_\_. Walaupun susah walaupun sewa pakaian kadang-kadang mahal *empat ratus* [400] hingga *lima ratus* [500] ringgit. Tolak *pi* [pergi] dan tolak *mai* [datang] kan, duit tengah habis dekat benda itu tapi saya kena juga sebab saya tidak mahu kualiti itu jatuh. Kalau sikit jatuh kan, sebab *la* [sekarang] semua orang boleh nampak senang. Kita kata sekarang media sosial sebagai CCTV yang tengah tengok kita. Kemana, apa kita buat, media sosial boleh banding. Aih, Omara dulu macam ini sekarang macam ini, aih ini *awat* [kenapa] dia nampak dia kurang sikitlah. Orang tidak tengok persembahan saya sebab faktor ini. Yang pergi tengok berapa ratus orang tapi di media sosial berapa ribu. Di sini lah yang orang nak tengok kita boleh ulang balik pula. Kalau kita ada kesilapan, dia boleh pasang berapa kali contoh *sepuluh* [10] kali. Dia tengok dan kata, "Hah [Ya] ini silap". Ada juga kesilapan tidak nafikan. Semua ada silap kan tapi saya jaga jaga kekalkan kualiti.

- NF : Jadi boleh Tuan bagitau [beritahu], apa aspek yang paling sukar bila menjadi ketua untuk kumpulan boria ini?
- OMA : Sebagai ketua kumpulan boria, saya menghadapi. Saya bukan orang kaya jadi kadang-kadang menghadapi dari segi *duit* [wang] dan pernah ada *show* [persembahan] tidak bayar sehingga *dua ribu lima puluh ratus ringgit* [RM2500]. Buat persembahan di Kuala Lumpur. Bila buat persembahan itu , duit saya bayar. Saya sendiri akan bayar dekat orang saya. Saya akan bayar cepat. selepas itu, Saya tengah tunggu duit itu sampai sekarang dah berapa tahun dari *dua ribu sembilan belas tahun* [2019] sampai *la* [sekarang]. *Dua puluh satu* [21], *dua puluh dua* [22] dan *dua puluh tiga* [23]. Dekat hampir *empat* [4] tahun *duit* [wang] tidak dapat. Terus tidak apa dan tidak akan dapat lah.
- NF,SA : Oh..
- OMA : Jadi benda-benda macam itu yang saya hadapi yang saya rasa ada orang kata dekat saya,"Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai."Kalau kita takut nak dilambung ombak pergi buat rumah atas bukit *ka* tidaklah kena ombak kan". Tapi saya buat juga rumah di tepi pantai dan saya akan kena lah benda itu. Jadi benda-benda masalah itu akan kena dekat saya tapi tidakkan akan kena pada budak-budak saya dan orang-orang saya. Orang saya tidak tahu apa. Kalau saya *taik habaq* [tidak beritahu] *depa* [mereka] gelak (bunyi ketawa),mereka main, semua saya bayar . Setiap main boria, saya akan usaha ada duit sendiri yang saya kana bayar. Mereka tidak main lagi, saya sudah bayar. Saya *bagi* [beri] dahulu. Jadi saya tanggung dari segi kewangan kadang-kadang itu banyak benda yang saya kena tanggung dulu. Kadang-kadang itu, bukan senang orang semua hidup nak cari duit kan. Kadang-kadang saya membuang duit. Jadi kalau nak dapat untung sekali sekala boleh dapat ini dan itu sahaja. Jadi bila saya dapat anugerah macam duit *dua puluh ribu ringgit* [RM20000] ,ada dapat *lima ribu ringgit* [RM5000] *dua* [2] kali dan lain-lain ada *lima ratus ringgit* [RM500]. Campur itu semua saya rasa duit itu semua untuk menampung yang kerugian-

kerugian saya sahaja. Saya dapat balik. Kalau saya tidak dapat benda-benda itu semua, saya rugi sahaja. Kerana dapat duit itu lah, yang *mai* [datang] balik dekat saya. Ya itulah.

- NF : Jadi kalau itu dari segi boria, kalau untuk ada tak sudut yang sukar kalau bagi macam kan. Tuan ada buat dalam penulisan dan penerbitan. Ada tak aspek yang sukar dalam bidang itu?
- MA : Rasa *tadak* [tiada]. Cuma dalam penulisan ,bukan sukar apa, macam saya buat sejarah hidup P.Ramlee zaman kanak-kanak itu. Saya sukar masa mencari fakta-fakta ,jumpa orang-orang kawan dia zaman dahulu apa semua. Sebab saya ada terjumpa juga dengan orang yang beri fakta palsu yang nak menonjol diri dia. Dia *mai-mai* [datang-datang], saya lah yang ajak P.Ramlee main muzik. Orang itu semua kawan-kawan dia juga. Saya pun tanya orang lain lagi, buat kajian lagi. Mereka kata jangan percaya dia ini pembohong. Dia nak cerita dia lebih sebab dia bukan. Saya cari balik. Selepas itu, saya buat cerita tentang misteri lagu Azizah yang P. Ramlee menyanyi lagu Azizah. Kebetulan juga nama isteri saya Azizah juga. Dia nyanyi lagu Azizah itu. Dengan lagu itu, di Bukit Mertajam.Ini sejarah lah, Dia telah dipilih oleh pengarah India yang bernama P. S. Rajen bawa dia ke Singapura sampai dia jadi pelakon dan pengarah sampai jadi hebat bermula dengan lagu Azizah. Jadi saya nak cari siapa Azizah itu. Saya buat kajian cari kawan-kawan dia apa semua lama. Saya dapat Azizah yang palsu banyak. Ada orang kata ada seseorang itu, isteri saya lah Azizah. Mereka beri gambar, "Ini Azizah". Azizah ini lah yang P.Ramlee cinta dulu. Selepas itu, saya kahwin. Jadi saya kaji-kaji balik, berita ini tidak betul. Kalau ini, saya akan dapat ramai Azizah sampai seseorang pelakon filem terkenal mungkin tahu . *La* [Sekarang] anak dia pun artis pelakon, suami dia pun pelakon. Dia ini memang pelakon terkenal. Kira orang kata kalau kata pelakon filem Melayu yang zaman popular, dia terkenal. Saya jumpa dia. Dia kata dekat saya, dia lah Azizah sedangkan nama dia bukan Azizah. Dia kata P.Ramlee dalam *satu* [1] filem.

Saya sebut juga lah, saya suka berterus terang. Saya tidak suka menyorok. Mula-mula saya kata nak sorok kan (ketawa), selepas itu saya sebut. Tidak tahu kalau ada tengok atau tidak tengok filem "Antara Dua Darjah". Antara Dua Darjah yang dia bercinta dengan Zaleha, dia keturunan diraja, berdarah raja. Yang P.Ramlee ini orang biasa, pemuzik yang susah sampailah *last* [akhir] sekali . Cerita ini bukan cerita lawak, cerita serius. Selepas itu, saya buat kajian, saya rasa bukan sebab P.Ramlee buat filem penarik beca dalam tahun *lima puluh* [50an]. Dia sudah nyanyi lagu Azizah. Macam mana dia ini baru kenal selepas itu.Macam mana Azizah ini boleh muncul dalam filem itu sedangkan P.Ramlee buat lagu Azizah ini lebih awal lagi masa di Pulau Pinang. Dia belum terkenal lagi. Jadi saya tengok-tengok itu, saya kata ini tidak betul.Jadi itulah kata apa cabaran nak buat itu. Saya mencari-mencari juga untuk dapat fakta macam itu termasuk dengan sejarah boria. Saya dapat macam-macam fakta. Saya kena kaji dulu juga. Dan saya kena tengok yang mana logik. Kadang-kadang ada orang yang dia seronok kata orang lama kan. Saya jumpa dan tanya pasal boria. Orang itu kata boria dulu, boria macam ini macam ini tapi apa dia cakap itu kadang-kadang dia akan tongkok tambah. Dia tidak beri yang fakta. Dia kira nak *bagi* [beri] sedap cerita dia, dia akan cerita yang tidak betul. Jadi benda-benda macam ini, saya kena tapis dahulu . Saya kena tapis, saya kena buat kajian , saya kena tanya pihak lain adakah dia ini cerita betul atau tidak. Kadang-kadang orang *over* [melampau]. Macam kata lah orang jadi macam saya lah, Aishah dan Fathiah *mai* [datang] jumpa nak tanya tentang boria. Saya boleh membohong. Saya kata apa pun semua telah dirakam, semua orang percaya kan. Mesti kata saya tokoh takkan saya nak bohong kan. Saya boleh kata, "Allah,boria dahulu macam ini macam ini". Semua kata ya ya betul tapi bila saya buat itu, boleh jadi kita jumpa dengan orang pembohong. Katalah Fathiah dengan Aishah jumpa *satu* [1] orang lain, dia cerita,dia akan *mai* [datang] dengan kehebatan dia. Cerita pasal boria, dia tak cerita perkara sebenar. Dia kata,"Saya lah masa dahulu ini, keluarga saya buat masa ini". Percaya juga akan pakai juga kan. Tapi saya tidak mahu benda macam itu. Saya atas fakta yang salah atau pun saya *agak* [anggarkan]. Saya akan kata yang ini saya *agak* [anggarkan] sahaja. Boleh jadi macam boria dari Parsi ke India. Saya tidak pasti India macam

mana tapi ada saya tahu, saya tidak pasti. Saya tidak boleh kata "Oh India. Sampai ke India mereka buat macam ini macam ini". Saya boleh bohong kan tapi tidak boleh. Dalam sejarah kita kena jujur lah. Kita kena cerita yang sebenar. Kalau kita buat macam itu untuk diri itu jadi pembohong lah. Tidak boleh lah. Jadi itu lah benda-benda yang saya mengalami kadang dalam kesukaran terutama dalam menulis lah. Kalau menulis rangkap karang boria, saya tidak ada masalah. Tajuk berat macam mana pun saya tidak faham pun, mereka akan *bagi* [beri] lah perkataan-perkataan yang saya memang. Sekarang pelajar-pelajar universiti lagi pandai bahasa-bahasa baharu. Saya ini setakat saya *la* [sekarang] yang baru lambat saya masuk kan. Kalau saya tulis rangkap karangan saya, tidak sama dengan pelajar universiti buat. Pelajar universiti bawa masuk perkataan-perkataan lain yang saya sendiri tidak tahu apa dia ini makna, saya tidak tahu. Jadi saya kena belajar lagi benda ini saya kena usaha saya susah payah pun nak bagi saya boleh pada zaman ini dengan karya-karya saya yang elok dan terkini dan tidak jadi ketinggalan lah.

#### TAMAT BAHAGIAN F

## BAHAGIAN G : ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

SA : Sekarang saya ingin menanyakan tentang anugerah dan pencapaian Tuan.

SA : **Macam tadi Tuan ada nyatakan tentang anugerah Tuan , boleh saya tahu siapa yang menganugerahkan anugerah tersebut?**

OMA : Okay ada *lapan* [8] semua. Mula dengan tahun *dua ribu empat belas* [2014], masa Tuan Karya Pulau Pinang *bagi* [beri] anugerah *kat* [dekat] saya, Anugerah Tokoh Seni Budaya Boria, tajuk dia. Selepas itu, Politeknik Seberang Perai tahun *dua ribu empat belas* [2014] juga, *bagi* [beri] Tokoh Seni Budaya Boria juga daripada Politeknik Seberang Perai tahun *dua ribu empat belas* [2014]. Tahun *dua ribu enam belas* [2016], Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara *bagi* [beri] anugerah dekat saya, Tokoh Seni Budaya Pulau Pinang. Selepas itu, tahun *dua ribu lapan belas* [2018], Jabatan Warisan Negara *bagi* [beri] dekat saya, Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup ada (Boria) dihujung. Tahun *dua ribu sembilan belas* [2019], Persatuan Pemenang atau Persatuan Melayu Pulau Pinang *bagi* [beri] anugerah dekat saya, Tokoh Seni Budaya Boria juga Maal Hijrah sebab mereka buat sempena Maal Hijrah, ada dekat Maal Hijrah. Selepas itu, tahun *dua ribu dua puluh* [2020], masa PKP [Perintah Kawalan Penggerakan] yang saya kata mereka nak beri dekat saya di rumah tidak boleh apa semua kan. Yang itu saya dapat *tiga* [3] sekaligus. jadi masa itu, saya dapat panggilan daripada *manager* [pengurus] Georgetown Heritage Pulau Pinang.

NF,SA : Oh.

OMA : Yang ini semua Cina. Dr. [Doktor] Ang, dia telefon saya pagi-pagi itu. Saya ingat *scammer* [penipu] telefon sebab dia cakap " Encik Omar Encik Omar, hari ini berasib baik". Dia cakap macam *scammer* [penipu] nak *habaq* [beritahu] saya dapat berapa. Cina pula. Saya cakap "Allah". Saya ingat nak letak telefon sahaja. Encik Omar berasib baik , Encik Omar bertuah hari ini ,saya beritahu Encik Omar ada *tiga* [3] anugerah yang Encik Omar dapat. Saya duk *fikiaq* [tengah fikir] apa dia ini. Dia pun *habaq* [beritahu]. Saya *fikiaq* [fikir] ini serius ini. Ini bukan benda main-main. Jadi dia *habaq* [beritahu] berita baik pertama saya dapat anugerah Pencapaian Sepanjang

Hayat Georgetown Heritage. Yang kedua, yang ini saya selalu lupa. Hari ini kad saya tidak bawa tapi boleh cari kad. Nanti saya hantar dekat dalam ini, *WhatsApp*. Tokoh Ghazal Parti ini ayat saya nak sebut tidak berapa nak *clear* [jelas], Tokoh Kesinambungan *ka apa* Ghazal Parti Barisan juga. Satu lagi, Anugerah Boria Omara sebagai boria yang terbaik dan aktif lah. Kalau boria Omara sendiri atau boria . Campur semua itu *lapan* [8] . Jadi itulah antara anugerah-anugerah yang saya dapat walaupun saya tidak pernah dapat setakat ini apa-apa anugerah macam bintang-bintang daripada kerajaan atau dato *ka apa ka* gelaran apa saya tidak dapat. Saya tidak pernah dapat dan juga saya tidak meminta. Maksud dia, saya tidak mahu meminta. Yang saya dapat anugerah pun bukan saya minta. Saya suka bila benda itu orang *bagi* [beri], kita baru rasa Alhamdulillah kita seronoklah. Tapi bila kita minta, kalau tidak minta dapat lah. Jadi saya boleh bangga dekat orang tapi diri sendiri tahu kerana aku minta, aku dapat. Jadi saya tidak akan minta dan tidak akan usaha untuk dapat tokoh atau gelaran, anugerah, pingat *ka apa*,saya tidak akan minta. Kalau *mai* [datang], Alhamdulillah saya terima. Jadi itulah *lapan* [8] anugerah yang saya dapat tapi tidak ada bintang-bintang, pingat, apa semua tidak dapat. Walaupun orang kata saya layak dapat, ada yang kata saya layak dapat dato lah apa semua. Dan saya kata saya dapat juga dato ke enam orang cucu. Jadi saya dah jadi dato ke *enam* [6] orang cucu. Lagi bermakna.

NF : Jadilah cukup lah.

OMA : Lagi bermakna. Anugerah Allah.(ketawa)

SA : **Tuan, apakah hadiah yang diperolehi bagi setiap anugerah tersebut?**

OMA : Okay macam mana.

SA : Macam apa hadiah yang diperolehi oleh Tuan bagi anugerah tersebut?

OMA : Okay tadi saya dah tersebut pada peringkat awal, jadi itu juga lah yang saya dapat. Wang tunai lah yang dapat. Barisan Kebangsaan Orang Hidup saya

dapat *dua puluh ribu ringgit* [RM20000]. Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang *lima ribu ringgit* [RM5000]. Tokoh Pencapaian Sepanjang Hayat Georgetown Heritage saya dapat *lima ribu ringgit* [RM5000] . Tokoh Seni Budaya Boria Maal Hijrah, pemenang, saya dapat *lima ratus ringgit Malaysia* [RM500]. Selepas itu, yang Tokoh Seni Budaya Boria tahun *dua ribu empat belas* [2014], mula-mula saya dapat dengan Karyawan Pulau Pinang itu, saya dapat *lima ratus ringgit Malaysia* [RM500]. Yang lain-lain itu cuma dapat sijil, plak, trofi, cenderamata dan benda-benda lain. Yang itu sahaja.

**SA : Boleh saya tahu apa perasaan Tuan setelah dapat anugerah tersebut?**

**OMA :** Perasaan terlampaui seronok. (ketawa). *Pasal* [Tentang] seronok apa *tau* [tahu] kerana saya tidak minta. Saya tidak minta dan orang *bagi* [beri]. Dia jadi kejutan. Tiba-tiba orang tahu dapat. Macam contoh, Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang. Dia antara tokoh yang agak besar di Pulau Pinang sehingga *la ni* [sekarang ini] tidak ada orang baru yang dapat lah tapi tidak tahu lah mungkin akan datang ada. Bila mereka nak beri itu, mereka panggil *empat belas* [14] orang yang dicalonkan naik atas pentas di sebuah hotel di Pulau Pinang. *Empat belas* [14] orang ini termasuk saya berdiri. Mereka *bagi* [beri] dulu satu sijil biasa sebagai orang dicalonkan. Semua pakat pegang sijil masing-masing. Selepas itu, mereka nak umum siapa antara *empat belas* [14] ini terpilih sebagai tokoh. Jadi dia buat macam *suspen* [curiga] lah, buat sesuatu kejutan. Selepas itu, mereka pun sebut. Pengacara sebut "Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang jatuh kepada Omar Md Hashim". Saya ini orang panggil Omara. Saya terlupa nama saya Omar. [ketawa]. *La ni* [Sekarang ini] pun kalau orang panggil Omar, saya lambat nak beralih tapi kalau orang saya Omara, saya cepat kan. Saya sudah tahu nama saya Omara. Sudah *tiga puluh dua* [32] tahun yang lalu, nama saya sudah jadi Omara dan orang panggil Omara." Omar Bin Md Hashim", pengacara itu memanggil. Saya duduk senyap. Selepas itu, pengacara itu panggil sekali , "Omar bin Md Hashim". Pengarah Kebudayaan itu beralih tengok saya dan memanggil, "Omara!".

Saya balas "Apa dia?". Dia pun memanggil dan berkata, "Omara, *mai* [datang]". Saya kata, "Saya ka?". Saya jadi macam mimpi. Saya kata pada diri sendiri, "Saya ka yang dapat?" sebab ada *empat belas* [14] orang ada. *Tiga belas* [13] orang tinggal lagi, saya *mai* [datang] depan. Datang-datang depa [mereka] bagi [beri] dekat saya. *Bagi* [Berilah] dekat saya pula, *satu* [1] cek besar itu. Cek itu yang *lima ribu* ringgit Malaysia [RM5000] itu. Saya kena pegang lah trofi apa semua. Saya *reling* [tengok] sikit bawah kan, *reling* [tengok] nampak angka *lima* [5]. Saya kata, "Oh lima ratus ringgit Malaysia [RM500] jadilah". *Lima ratus ringgit* Malaysia [RM500] besar *dah* [sudah] kan. Saya duk *pikiaq* [tengah fikir] *lima ratus* ringgit Malaysia [RM500] padahal *lima ribu* ringgit Malaysia [RM5000]. Saya tidak nampak. Saya *duk* [asyik] nampak *tang* [yang] lima [5]. Saya malu nak tengok betul-betul kan. Jadi saya dapat itu cukup seronok, saya rasa macam balik cerita dekat arwah isteri saya. Dia pun tidak tahu. Dia tidak ada media sosial. Dia tidak tahu apa. Orang lain *dah* [sudah] ucap tahniah, pakat bawa keluar *dah* [sudah]. Saya kena balik cerita dekat dia, dia baru *tau* [tahu]. Selepas itu, yang anugerah yang dapat *dua puluh ribu* ringgit Malaysia [RM20000] itu pun macam itu. Masa saya *pi* [pergi], saya tahu ada *kot* [mungkin] *duit* [wang]. Ada *depa* [mereka] *bagi* [beri]. Saya tidak tahu yang mereka beri sampai *dua puluh ribu* ringgit Malaysia [RM20000]. Bagi saya, *dua puluh ribu* ringgit Malaysia [RM20000] itu besar lah. *Pi* [Pergi] itu *duk* [tengah] makan apa semua, orang-orang jabatan warisan, mereka tengah kata apa *tau* [tahu]," Hari ini boleh Omara belanja kami". Saya ini duk *pikiaq* [tengah fikir] belanja-belanja apa, ada duit ka?(ketawa). Omara *satgi* [selepas ini] kena belanja lah. Saya *blur* [kabur], saya tidak tahu. Tapi mereka buat *rehearsal* [raptai] nak terima itu. Masa *rehearsal* [raptai] itu, dia sebut dengan mendapat wang tunai sebanyak *dua puluh ribu* ringgit Malaysia [RM20000]. Saya kata, "Alamak betul *ka*. Allah, seronok!"(gaya seronok). *Satgi* [Selepas ini], saya habis-habis raptai kan, turun *WhatsApp* dekat *group* [kumpulan] anak-anak saya kan. Ini Alhamdullilah Abah dapat *dua puluh ribu* [20000]. *Depa* [Mereka]\_\_\_\_\_. Saya kata,"Betul ini betul ini". Saya cerita ini keluar air mata sikit. (Tuan Omar keluar air mata). Air mata ini air mata seronok lah. Tidak sangka dihargai hanya berkelulusan *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia].

Takat SPM sahaja tidak pandai apa.Bukan orang senang , orang biasa tapi orang hargai saya atas seni itu. Macam mana saya aktif dalam seni itu dan penglibatan saya itu dihargai. Itu yang saya seronok dihargai. *La* [Sekarang] pun kalau apa-apa pun bila orang hargai itu, saya rasa cukup besar walaupun dengan kata-kata *ka* dengan ucapan *ka* dengan tulisan *ka*. Semua bentuk itu saya rasa bersyukur lah sebab saya *duk* [asyik] rasa diri saya ini tidak ada apa, orang biasa tapi saya belajar takat sampai *SPM*[Sijil Pelajaran Malaysia] sekolah menengah. Saya memang tidak ada harapan nak masuk ke universiti lah. Macam mana nak masuk kan. Tapi kerana *la* [sekarang] saya boleh masuk universiti mengajar pula pelajar-pelajar *IPT* [Institusi Pelajaran Tinggi].Saya jadi pensyarah pula. Mereka panggil saya sebagai pensyarah. Tulis nama di kuliah kan . Saya masuk kuliah.Cey saya pun seronok masuk kuliah. Tulis nama (ketawa) dan saya mengajar *depa* [mereka] . Mereka pula yang takut dengan saya \_\_\_\_ padahal saya takut dekat mereka. Saya *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Jadi saya rasa, “Ehh aku daripada aku tidak masuk universiti, belajar takat rendah selepas itu aku boleh lah mengajar budak universiti boleh tegur mereka silap”. Jadi saya bersyukur lah. Dia tidak boleh *kot* [macam] ini, Allah beri macam ini. Tak pandai *kot* [macam] ini, pandai macam ini. Kalau benda-benda yang orang lain pandai semua dalam bidang-bidang lain, saya mengaku saya kalah lah. Saya bahasa pun kadang-kadang saya kalah. Saya bahasa-bahasa saya lama dulu, yang baru punya banyak yang saya tidak tahu. (ketawa). Kalau ini cerita, keluar air mata sikit lah. (batuk)

**OMA** : Okay boleh tanya.

**SA** : **Tuan, apakah peringkat yang tertinggi yang pernah dicapai oleh kumpulan Omara selama dalam bidang seni ini?**

**OMA** : Peringkat tertinggi pencapaian. Saya ka atau kumpulan?

**SA** : Kumpulan.

**OMA** : Kumpulan. Itulah Georgetown Heritage *bagi* [beri] Anugerah Boria Omara itu memang khas kepada boria Omara. Jadi dia lebih kepada boria itu sendiri. Kalau tidak, semua tokoh kepada saya, Omara kan tapi dia lebih kepada boria. Jadi boria dapat pencapaian tinggi yang itu sebab yang itu Heritage Warisan Dunia. Jadi kami rasa satu benda yang tinggi. Selepas itu, lain-lain kami cuma masuk pertandingan. Kami dapat nombor *dua* [2]. Jadi itu \_\_ juga walaupun tidak dapat johan kan. Itu pun kami ada kesilapan. Ada \_\_ kami keta. Walaupun dapat pakaian yang terbaik tadi tapi dari segi nyanyian tukang karang masa itu ada lari. Dia menyanyi itu ada *out* [keluar] sikit. Bila kami dengar balik video itu, baru kami tahu kami ada buat salah tapi dapat nombor *dua* [2] jadi lah. Naib johan dengan pakain terbaik apa terbaik. Selepas itu, saya biasa dapat sketsa terbaik *dua* [2] kali daripada saya takut itu. Waktu yang saya masuk pertandingan yang saya ketar kali pertama itu. Selepas itu, saya masuk lagi pertandingan sketsa juga dapat terbaik juga. *Dua* [2] kali berikut dari peringkat mula saya. Itulah antara benda-benda yang pencapaian dari segi boria lah. Dari segi boria kami, bila dipilih pula oleh *TV* [televisyen] untuk program *tiga belas* [13] episod sebab ada juga kumpulan lain tapi mereka pilih kumpulan kami. Seronoklah nanti kami keluar *TV* [televisyen] dalam bulan *tujuh* [7] atau bulan *lapan* [8] ini. Boleh tengoklah tiap-tiap minggu ada sketsa saya dan ada boria saya dengan lagu yang berubah-ubah. Kostum pun berubah-ubah.

#### TAMAT BAHAGIAN G

## **BAHAGIAN H: SUMBANGAN**

**NF** : Seterusnya, sumbangan.

**NF** : **Jadi, apakah yang sumbangan yang Tuan telah berikan dalam Malaysia lah sepanjang karier Tuan? Sumbangan macam mungkin Tuan dapat sebarkan boria ka. Itu lah sumbangan.**

**OMA** : Lebih kurang macam saya kata tadi juga. Tadi mungkin saya dah tercerita sikit apa kan. Macam saya kata itu, macam bila saya guna media sosial ini untuk saya hasilkan *Blog*, hasilkan *YouTube* dan macam-macam segala guna lagi. Bagi saya, itu sebagai *satu* [1] sumbangan untuk *bagi* [beri] orang *tau* [tahu] orang ramai mengenali apa itu boria. Jadi kalau kata tanpa benda-benda itu. Kalau saya tidak buat pun memang tidak akan ada orang lain buat. Yang ini memang walaupun ada pengiat-pengiat boria. Ada sahaja selain daripada saya, tokoh-tokoh yang dahulu, mereka yang meninggal itu. Zaman *depa* [mereka] tidak ada apa-apa , mereka *bagi* [beri] sumbangan dengan cara lain. Tapi cara saya sebab saya boleh gunakan media sosial, saya gunakan media sosial. Dan termasuk orang-orang yang *mai* [datang] jumpa saya ini semua, saya beri sumbangan saya dengan ilmu, sumbangan dengan bercerita tentang apa itu boria. Jadi itulah saya rasa antara sumbangan-sumbangan yang saya dapat *bagi* [beri] lah atas apa yang ada kebolehan dan bakat pada saya.

**NF** : **Setakat ini Tuan ada tak, apa-apa yang terlibat dengan peringkat antarabangsa?**

**OMA** : Antarabangsa. *Tadak* [Tiada] tapi kalau boria ini berjaya di 6-7 Jun ini. Kami buat untuk mengangkat ke UNESCO Warisan Dunia ini. Mungkin kalau berjaya,dia akan pergi ke peringkat antarabangsa lah. Jadi yang lain-lain itu, tiada lagi lah.

**TAMAT BAHAGIAN H**

## BAHAGIAN I: HARAPAN

- NF : Baik. Seterusnya, harapan.
- NF : **Jadi apa harapan Tuan kepada rakan-rakan seperjuangan Tuan?**
- OMA : Kepada rakan-rakan seperjuangan ini, saya minta biarlah kami sama-sama bergerak dalam *satu* [1] niat, *satu* [1] harapan dalam menaikkan seni warisan boria ini. Jadi kerana ada berlaku. Saya kena cerita juga buruk baik kena cerita. Ada berlaku biasa lah kalau saya di bidang ini, tidak semua orang suka macam saya kata dan orang yang rapat-rapat dalam bidang yang yang sama pun ada yang tidak suka. Dan benda ini memang sedang berlaku pun sehingga *depa* [mereka] buat *satu* [1] *group* [kumpulan] dalam *WhatsApp group* [kumpulan] boria. *Depa* [Mereka] sahaja, saya seorang sahaja mereka tidak *buh* [ada]. Dan dekat situ lah tempat nak mengata dekat saya ka, nak kata apa dekat saya di situ. Dan ada *depa* [mereka] nak cuba cubaan *dah* [sudah] berlaku pun untuk menarik balik. Tadi saya kata tidak *bagi* [beri] pakai nama Omara, *tak* [tidak] *bagi* [beri] boria saya perempuan. Dan cubaan yang berlaku betul dan wujud benda ini. Memang fakta mereka *pi* [pergi] sampai ke Kuala Lumpur di pejabat pihak atasan untuk menarik balik anugerah yang saya dapat Warisan Kebangsaan Orang Hidup sebab mereka kata saya tidak layak dapat. Mereka yang layak dapat. Macam itulah. Mereka macam mereka rasa sendiri lah, mereka kata, “Pasal apa *bagi* [beri] dekat Omara”. Biasalah yang itu di bidang apapun , ada orang tidak suka dekat kita. Jadi benda-benda ini berlaku tapi bagi saya, sayang lah. Sekarang ini tidak jadi bersatu lah. Bila mereka ada dalam *group* [kumpulan] *depa* [mereka], saya tinggal seorang. Saya sebenarnya seorang *tau* [tahu] dengan kekuatan orang-orang saya ini yang setia kepada saya.Orang-orang saya ini, kami *duk* [tengah] berjuang buat benda itu ini tapi *depa* [mereka]. Bila saya buat festival boria tahun lepas selama *dua* [2] hari itu, saya jemput *depa* [mereka]. Dan saya minta Jabatan Pesuruhanjaya Warisan Negeri Pulau Pinang *bagi* [beri] kepada *empat belas* [14] orang. Saya pilih orang-orang itu. Orang-orang yang terpilih itu orang-orang musuh saya. Mereka musuh saya. Mereka tidak bercakap dengan saya walaupun saya tahu benda ini dirakam,

saya cakap *pi* [terus] lah kan. Mereka tidak cakap dengan saya, mereka musuh saya tapi saya telefon mereka sorang-sorang. Mereka pun terkejut pasal apa saya tiba-tiba saya telefon. Saya telefon, saya kata, “ Saya tengah urus dengan Jabatan Pesuruanjaya Warisan nak *bagi* [beri] anugerah penggiat boria Pulau Pinang. Jadi saya minta tolong *bagi* [beri] *sat* [sekejap] fakta nama , gambar, dia punya biodata”. Mereka pun terkejut. Mereka *bagi* [beri]. Saya *bagi* [beri] semua. Seorang sahaja yang tidak *mau* [mahu] *mai* [datang]. Yang membangkang, orang yang *duk* [tengah] nak tarik anugerah saya ini, dia ini tidak mahu datang. Dia *bagi* [beri] alasan macam-macam dia tidak mahu datang.Dan dekat orang, dia beritahu, “Omara, ini siapa dia. Siapa nak beri anugerah ini?” padahal bukan saya beri.Saya mencalonkan, mencadangkan kawan ini. Dia *pi* [pergi] *bagitau* [beritahu] dekat orang, “Omara, ini siapa dia? Pasal apa kita nak pergi dekat dia”.Tapi dia beritahu dekat orang lain. Pengikut dia semua *mai* [datang] dekat saya tapi tidak ikut dia. Kita dapat lah *empat belas* [14] orang malam itu duduk atas *satu* [1] pentas, kami buat *satu* [1] boria beramai. Ada dalam video juga dalam *YouTube*. Kami main boria ramai-ramai. Saya dengan orang yang musuh dengan saya. Habis itu, ada yang *mai* [datang] peluk saya pun ada, laki-laki lah bukan perempuan.[ketawa]. Jadi *mai* [datang] semua .Kira datang baik dengan saya, ada yang menangis. Yang seorang itu menangis. Kira jadi saya seronok lah. Sebab saya dah jadi macam merapatkan balik.Sebab saya nak boria ini, macam kata harapan tadi, saya nak. Harapan saya semua bersatu balik. Kalau kita nak bawa boria *pi* [pergi] ke peringkat atas,kalau kita disini bertelagah. Kalau kata ini salah yang itu salah, kita semua pakat berbalah,tidak ada yang betul, semua pakat cari masalah.Lama-lama kita semua kalah. Ini boria punya rangkap dia kan semua sama. Jadi *bagi* [beri] saya itu semua tidak mahu, kita nak kita semua bersatu. Tolong menolong bantu membantu sepanjang masa sepanjang waktu lepas itu saya cari lain lah (ketawa). Jadi itulah sekarang ini harapan saya.Saya kalau dapatlah terima mereka balik, bersatu balik. Saya *dah* [sudah] cuba dengan buat festival boria itu. Sudah ramai tapi ada seorang lagi ini yang dia pergi *dua* [2] tempat buat *report* [laporan] untuk tarik balik tapi tidak berjaya. Tidak berjaya pasal apa? Saya tanya balik. Sebab saya akta enam empat lima [645] (ketawa).

Lawak kan. Mereka tidak tahu saya akta itu. Mereka tidak tahu. Kalau kata mereka tahu, *depa* [mereka] pun takut sebab benda itu tidak boleh kacau. Saya tidak kata . Baru ini saya melawak. Baru kemarin, saya dengan budak-budak boria saya cakap tajuk ini lah. Saya kata dekat *depa* [mereka], “Selepas ini, saya nak pergi mana, saya nak tulis di badan saya. Siapa yang kacau saya kan”. Semua pakat gelak. Mereka tahu. Budak-budak saya semua, mereka tahu masalah yang berlaku. Mereka kesian dekat saya. Saya di macam-macam. Dulu saya cerita kan, saya pernah merajuk *dua* tahun, saya tidak main boria. Mereka nak saya buat macam itu juga.

NF : Oh

OMA : Mereka tahu saya ada kelemahan tapi alhamdulillah *la* [sekarang] saya *dah* [sudah] lain. Orang sudah beri pandangan dan sokongan, saya kuat *lam* [sekarang ini]. Takat sekarang lah esok tidak tahu lah. Tengok-tengok saya tutup boria. Baru Aishah dan Fathiah kata, “ Aipp kemarin cakap hebat dekat Mydin. Harini sudah tutup boria kan.”Inshaallah *tak* [tidak] lah kan.

NF : **Seterusnya, apakah cita-cita yang belum dicapai dan ingin dicapai oleh Tuan?**

OMA : Cita-cita saya pasal boria dan warisan seni ghazal parti. Dua-dua itu saya jaga. Yang betul-betul saya tidak boleh tercapai yang saya ingin sangat-sangat sebelum orang kata apa saya menutup mata ini, saya nak ada *satu* [1] galeri boria dan ghazal parti. Macam saya kata tadi. Tadi saya kata kan?

NF : Ya.

OMA : Dalam galeri ini, saya nak duduk di situ. Siapa nak *mai* [datang] jumpa, *mai* [datang] di situ. Tempat yang selesa, *tadak* [tiada] bunyi budak-budak main, bunyi iklan Mydin (ketawa) kan. Kalau *amik* [ambil] gambar, tak nampak latar belakang ini, Kopitiam apa tiada apa kan. Jadi nampak elok dan \_\_\_. Ini angan-angan ini tapi kita hidup memang kena ada apa orang panggil kita nak

apa

**SA** : Matlamat?

**OMA** : Matlamat kita. Jadi dalam itu, saya nak ambil *dua* [2]. Paling sikit *dua* [2] orang budak boria saya duduk di depan tunggu untuk sambut tetamu *mai* [datang] dan untuk terang apa-apa kalau waktu saya keluar. Dan saya kalau keluar, keluar lah. Kalau tidak, di situ saya akan duduk. Saya buat itu sebagai *satu* [1] pejabat. Dan tiap-tiap hujung minggu, semua ini berbunyi angan-angan kan, jadi kenyataan alhamdullilah tapi benda baik ini. Tiap-tiap hujung minggu, saya akan buat *satu* [1] persembahan boria percuma dan *satu* [1] persembahan ghazal parti percuma. Dan kalau pelancong-pelancong masuk Pulau Pinang, benda ini akan diedarkan di hotel-hotel, di mana-mana apa semua. Kalau nak tengok Pulau Pinang ada boria ada ghazal parti. Nak tengok *mai* [datang] di galeri saya. Ada persembahan setiap hari Sabtu contoh pukul *dua* [2] petang sampai *lima* [5] petang ada persembahan. Kalau waktu lain tiada persembahan tapi ada video. Kita tayang video. Ini saya cakap semua dalam bentuk angan-angan kan untuk ada video apa semua. Saya nampak *dah* [sudah] apa semua macam ini macam ini. Kemudian, pakaian boria kita, kita letak pakaian boria. Ini tongkat boria, ini tongkat jenis-jenis macam mana. Ini apa dia apa sejarah boria, kita *bubuh* [letak] sikit macam muzium. Macam itu saya nak buat, saya terlalu teringin sangat tapi tidak tahu adakah akan jadi kenyataan semasa saya masih ada ataupun selepas saya *dah* [sudah] *tadak* [tiada] esok. Benda ini akan jadi, saya tidak tahu. Jadi saya serah Allah yang menentukan lah.

**NF** : **Jadi, apakah nasihat Tuan pada generasi yang sedang dan akan terlibat dengan bidang boria ini?**

**OMA** : Nasihat saya kepada generasi yang sedang dan yang akan terlibat dengan dunia boria, bila *dah* [sudah] masuk boria *dah* [sudah] jadi ahli boria, buatlah betul-betul. Macam saya kata tadi, kalau tidak kenal maka tidak cinta, bila

dah kenal, kena cinta dan cinta. Jangan pula *pi* [pergi] bercerai macam orang kahwin. Bila *dah* [sudah] cinta sudah elok, lepas itu pergi cerai balik, janganlah. Bila sudah cinta , terus kan sahaja bersatu dengan boria ini, teruskan berjuang. Teruskan apa *depa* [mereka] mampu buat. Kalau dia mampu setakat ambil video sahaja boleh,ambil video sahaja lah, dia mampu takat itu. Orang ini mampu takat mempromosikan boria bawa ke sekolah apa, buat apa yang dia boleh. Dia tidak boleh apa. Dia boleh tulis rangkap boria lirik boria. Dia tulis, *try* [cuba] bagi tengok yang mana elok, pakai apa semua. Dia boleh buat lagu,*try* [cuba] tengok buat lagu, *bagi* [beri] sumbangan untuk jadikan lagu boria.Jadi tiap-tiap orang itu, kalau nak sumbang kepada boria ini, dia akan guna semua kebolehan yang dia ada. Dia itu semua tidak boleh tapi dia boleh menulis. Dia bantu untuk nak buat buku *pasal* [tentang] boria ka, boleh bantu banyak sebenarnya banyak. Dia pandai buat pakaian, dia boleh buat kostum boria. Saya cadangkan boria *lepas* [selepas] ini pakai ini, baru *bagi* [beri] macam ini apa semua. Dia boleh buat. Jadi tiap-tiap terutama daripada golongan remaja sampai dewasa apa semua. Bagi saya,bagi lah sesuatu kalau orang yang lain bidang lain,dia cakap bidang dia lah. Tapi *dah* [sudah] tanya *pasal* [tentang] boria, saya kata boria lah. Bagilah atau buat sesuatu untuk memajukan boria sebab salah satu seni warisan Negeri Pulau Pinang yang harus kita pelihara dan kita jaga dia supaya tidak hilang. Bukan sahaja hilang di Pulau Pinang, bukan sahaja hilang di Malaysia dan tidak hilang di dunia.

**NF** : Selain daripada tadi, Tuan nak cadang nak buat galeri kan?

**OMA** : Ya.

**NF** : Jadi ada perancangan lain tak untuk masa hadapan Tuan?

**OMA** : Tadi yang buku itu saya buat tapi tidak terbit lagi, tidak siap. Yang galeri, galeri. Lain-lain lagi itu cuma saya nak cuba buat balik kumpulan boria sebab *dah* [sudah] hilang keaslian dia. Alat muzik tidak dimainkan masa

persembahan, *dah* [sudah] jadi boria pakai *Minus One* [lagu tanpa penyanyi] sahaja. Jadi walaupun saya *duk* [asyik] buat benda ini , saya sedar benda ini kurang masih kurang. Saya nak boria itu *real* [realiti] nampak betul-betul wujud tapi kos sebab benda ini kalau orang nak jemput pun, orang tidak boleh nak bayar dengan harga tinggi. Kos itu tinggi tapi ada tapi kalau beberapa pihak boleh ambil artis-artis buat persembahan dengan bayaran artis terkenal ini RM5,000, RM7,000, RM10,000. Ada artis yang RM20,000, ada artis sampai RM30,000 boleh dibayar. Kenapakah untuk boria ini seni warisan Pulau Pinang? Artis seorang *tau*[tahu] dibayar banyak itu tapi boria ini ramai.Tidak boleh kah kita *bagi* [beri] bayaran yang cukup lengkap mereka boleh bawa alat muzik boleh main ini. Beri bayaran lebih sikit. Ini yang berlaku sekarang ini mereka minta kurang, kurang lagi. *Depa* [Mereka] minta kurang, *satgi* [selepas itu] boleh *dak* [tak] kurang lagi.Selepas itu, yang di Mydin ini pun, *depa* [mereka] *duk* [asyik] panggil saya buat persembahan tapi saya kena bayar duit bukan mereka bayar duit. Saya kena bayar duit dekat mereka, baru saya buat persembahan. Dia kata saya kena. *Depa* [Mereka] akan sediakan *dua* [2] orang pakai badut ini akan kutip macam jadi *buskers* [seniman jalanan] lah macam kutip derma . Orang tengok mungkin *bubuh* [letak] duit, bawa tabung bawa apa itu. Jadi pendapatan kami daripada yang itu tapi ada penyanyi-pen�anyi sekarang buat macam itu, *band-band* [kumpulan] tempatan yang buat macam itu. Tapi mereka tidak ramai mungkin mereka boleh ini. Tapi saya orang ramai , jadi macam mana saya. Saya akan buat juga. Saya akan cari keluar duit sendiri sebab dia *duk* [asyik] *semawa* [pelawa] saya banyak kali *dah* [sudah]. Bila saya *mai* [datang] jumpa,bila Omara? *Satgi* [Selepas ini] kalau mereka nampak tiba-tiba mereka lalu, selepas itu mereka akan tanya, kami nak pilih tarikh bila ini nak buat. Inshaallah saya akan buat. Saya akan buat. Saya tidak mahu macam jual mahal. Orang kata Omara ini berlagak, orang panggil ini pun *tak mau* [tidak mahu] padahal saya nak kena tanggung duit ini. Jadi duit saya akan bayar juga dekat budak-budak itu lah. Saya pakai bayar guna duit saya setakat mana yang ada kan.Setiap kali ada lebih, saya akan buat bila-bila masa. Kalau dengar saya ada buat boria dekat sini, mungkin tidak lama lagi saya rasa. Tidak lama lagi. Mungkin dalam sebulan lagi *ka* bila kami

lapang sikit, saya akan buat. Jadi tadi soalan *pasal* [tentang] apa ini?

**NF** : Masa hadapan.

**OMA** : Masa hadapan. Oh! Masa hadapan. *Awat* [Kenapa] saya melalut ke Mydin apa kan (ketawa). Saya bercakap macam *teralik* [leka] lah tapi kena mengena (ketawa). Masa hadapan, maksud dia apa kita nak?

**NF** : Apa yang Tuan cadanglah di masa hadapan?

**OMA** : Saya cadang kan itulah maksud dia kalau itulah orang-orang ramai ini mananya pihak berkenaan apa semua beri nilai sikit kepada bila tanya boria saya jawab boria lah. *Bagi* [Ber] lah kepada boria ini perhatian , jangan sayang duit lah kerana benda ini seni warisan yang ramai –. Maksud dia kalau kita boleh ambil artis-artis bayar mahal *pasal* [kenapa] apa kita boleh bayar sikit dekat orang yang ramai dalam kumpulan boria. *Bagi* [Pendapat] saya, kalau ada macam itu, boria boleh hidup. Yang itu sahaja lah saya minta dari pihak-pihak yang ada kuasa, yang ada macam contoh dia, sekarang ini kalau kilang-kilang kalau swasta apa-apa perniagaan, mereka cukup tahun mereka kena bayar *income tax* [cukai pendapatan]. Tapi dia boleh tolak kalau mereka beri buat persembahan contoh dia, mereka buat persembahan seni budaya untuk boria. Buat di *satu* [1] tempat, *depa* [mereka] tanggung benda itu. Benda itu mereka boleh lepas ditolak daripada *income tax* [cukai pendapatan] mereka. Bermakna duit itu bukan mereka kena bayar dekat *income tax* [cukai pendapatan] tapi mereka tidak payah bayar , mereka bayar pada persembahan boria. Benda itu dikira ditolak cukai mereka. Memang ada peruntukan boleh buat, jadi buatlah kan. Saya tidak tahu benda, mereka yang tahu kan. Mereka buatlah. Selepas itu mereka tidak buat pun (ketawa).

**NF** : Jadi kena ada apa nama. Kita tidak mahu boria ini ditelan zaman.

**OMA** : Betul

**NF** : Jadi kita kena ada kesedaran lah.

**OMA** : Kita kena ada kesedaran lah dan *pasal* [tentang] benda ini penting macam kita takut pupus kalau kata haiwan-haiwan di Malaysia dan binatang apa

takut pupus.Jadi jabatan apa yang terlibat dengan haiwan ini, mereka jaga. Begitu juga lah bukan kata haiwan sahaja, boria sesuatu seni budaya. Dia dipanggil seni warisan tidak ketara. Boria tidak ketara. Ketara ini macam kata *handphone* [telefon] macam kita nampak, kita boleh pegang. Boria ini nak pegang tidak boleh. Bila kita buat ada boria, ada boria. Bila kita berhenti, tiada boria. Macam mana boria, tiada. Ini Omara. Omara bukan boria kan. Bila kata, “Ini persembahan boria”. Itulah boria. Nampak. Dia tidak ketara. Dia boleh wujud dan boleh hilang tapi dia masih ada. Jadi benda-benda ini patut jaga. Jangan bagi benda ini terus hilang. Kalau dia terus hilang, mana boria. Pelancong datang sini, kami nak tengok boria. Oh boria tengok dekat *YouTube* lah. Tunjuk *YouTube*. Oh, ini boria.Tapi boria betul nak tengok berdepan tidak nampak, tiada.

- NF** : Jarang.
- OMA** : Sedangkan kita pergi ke luar negara, mereka jaga seni budaya mereka. Tarian orang asli *ka apa ka* macam-macam, mereka tetap ada walaupun mereka hebat. Mereka luar negara masing-masing ada hebat dan maju. Tapi seni warisan tetap ada. Yang itu yang saya nak macam kita tidak payah ambil ikut jauh, ambil Malaysia. Kita ambil Pulau Pinang sahaja. Jaga boria. Orang kalau datang nak tengok apa seni budaya apa, boria. Boria tidak *boring* [bosan]. Boria *boring* [bosan] benda lain kan [ketawa]. Boria ini ceria. Jadi tidak *boring* [bosan]. Orang tengok boria , “Woish seronoklah !”. Okay ceria. Dapat mesej apa semua. Ambil gambar kawan ini apa semua okay. Itulah.

- NF** : **Jadi soalan terakhir lah, apakah kesimpulan Tuan sebagai seorang artis veteran?**
- OMA** : Artis macam saya lah.
- NF** : Tuan lah.

- OMA** : Saya artis juga lah (ketawa). ---. Sebab artis, saya batuk *sat* [sekejap] (batuk). Nak cakap artis kena elok. Apa pendapat saya sebagai artis?
- NF** : Ya macam kesimpulan lah. Sebab Tuan *dah* [sudah] macam artis veteran *dah* [sudah]. Tuan juga dah *join* [menyertai] macam-macam contoh penulisan ,berlakon, pelawak.
- OMA** : Itu pun tidak habis lagi cerita. Puisi, penulisan sajak ---
- NF** : Oh.
- OMA** : Beratus sajak saya tulis zaman saya remaja lah. Itu pun bidang saya juga. Saya sebenarnya ada bidang banyak. Kadang-kadang saya tidak cerita itu kerana saya terlepas atau saya lupa nak *habaq* [beritahu]. Jadi sebagai bila saya berlakon juga ,jadi boleh kata saya artis juga kan. Jadi maksud dia apa, pendapat saya sebagai?
- NF** : Kesimpulan lah macam Tuan sebagai artis veteran. Selama Tuan hidup contoh jadi artis veteran sejak Tuan minat seni sejak daripada kecil lagi.Apa yang Tuan dapat? Apa Tuan rasa di sekeliling keluarga, Tuan rasa mereka sokong ka apa semua kan?
- OMA** : Okay. Saya sebenarnya saya seronok disamping saya tidak seronok. Saya cerita tadi ada masalah, susah hati apa semua kan. Tapi saya seronok sebab saya rasa dihargai walaupun ada halangan. Itu biasa. Lagi orang itu *top* [atas] pun, P.Ramlee sendiri pun ada halangan dia. Ada orang tak suka dia. Itu biasa. Tapi kalau kita ada orang yang halang kita atau tidak suka kita, sebenarnya kita hebat lah. Kalau kita tidak hebat, orang tidak ambil peduli. Kata kalau saya orang biasa. "Allah, Omara *tidak* [tiada] apa", kata orang. Orang tidak peduli, siapa pun tidak kesah nak fikir pasal saya tiada. Tapi orang ambil perhatian. Jadi diri saya sendiri saya seronok, saya suka dan kalau saya pergi mana-mana dari segi media sosial banyak keluar nama saya dan gambar saya. Orang kenal ramai. Itu yang saya pilih untuk duduk disini. Pasal *dua* [2] *tiga* [3] hari lepas, ada orang datang jumpa saya. Dia pilih tempat dan dia suruh duduk *tang nu* [dekat sana] terganggu. *Satgi* [Selepas itu] tengah -tengah cakap, orang *mai* [datang] duduk. Tengah-tengah

bercakap lagi, orang duk [asyik] panggil,"Oii Omara."Orang datang duduk, datang ambil gambar. Jadi terganggu tapi harini bila ini alhamdullilah saya nampak orang tidak ada datang. Saya duduk agak *ceruk* [tersembunyi] kan. Saya pun menghadap sana. Bukan saya lah terkenal macam TikTok . *Dak* [Tidak]. *Satgi* [Selepas ini] kata saya perasan sahaja kan tapi betul. Saya memang *pi* [pergi] mana-mana orang kenal. Kalau saya pergi, sesiapa sahaja lah. Memang *satgi* [selepas itu] , "Omara! Omara!" dan orang seronok dapat jumpa saya. Saya pergi kedai makan baru-baru ini. Baru minggu lepas dekat Butterworth, saya dengar nama saya, mereka asyik sebut sama kawan-kawan mereka lah. Mereka tengah makan. Laki-laki lah. Saya dengar baru ini macam Omara , saya tahu mesti kata dekat saya. Saya beralih-alih, mereka angkat tangan itu. Saya pun angkat tangan itu dan saya pergi. Saya nak pastikan *satgi kot* [mungkin] kawan saya, saya terlupa lah kan macam saya tidak hormat mereka. Saya pergi, saya salam. Pergi pergi mereka *habaq* [beritahu], " Kami *duk* [tengah] tengok ini lah, selalu tengok ini di tv [televisyen], media sosial dan apa ini di *Facebook* , di video apa. "Wey, Omara kira okay lagi. Ini apa". Mereka lah kata bukan saya kata. Mereka kata, "Nampak okay lah. Masih muda lagi." Saya kata , "Tua dah. Dah enam puluh sembilan [69] dah." Mereka kata, "Cergas lagi ini. Boleh aktif apa."Alhamdullilah lah kerana saya aktif buat bidang ini, boleh lah. Jadi benda itu jadi banyak. Budak-budak boria saya kadang-kadang jalan dengan saya ramai-ramai. Mereka kata, " Encik Omara ini ada sahaja. *Satgi* [Mungkin] terganggu kena berhenti orang tegur. Orang datang *selfie* [swafoto] , datang ambil gambar" padahal itulah bila kata tadi artis veteran, terjadi lah juga artis juga secara tidak langsung. Jadi mungkin benda-benda itu, orang. Macam baru ini saya main *dua* [2] hari lepas, saya bawa ghazal parti dekat USM di Dewan Syed Tuanku Syed Putra. Besar dewan itu, orang pun ramai. Jadi sebelum pertemuan, pengacara nak memperkenalkan saya, jemput saya. "Kita mempersilakan Omara". Saya pun keluar dari pentas. Keluar-keluar pelajar-pelajar ini berlain dari orang tua tua. Orang tua tua tengok biasa sahaja kan. Pelajar -pelajar hooo (bunyi sorakan) tepuk. Saya tengok itu naik semangat. Saya pun angkat tangan [tunjuk angkat tangan]. Selepas itu, *depa* [mereka] tanya saya macam tadi lah pencapaian saya dapat

apa. Saya sebut lah saya sebut *tiga* [3] tokoh. Sekali sebut, oh tepuk. *Dua* [2] kali, tepuk . Selepas itu, apa saya cakap semua orang tepuk. Saya kata , "Oi, seronok lah juga kan." Jadi lah dapat rasa jadi orang popular sekejap. Jadi saya seronok lah bila jadi bagi saya, bila saya jadi ada orang panggil saya sebagai ada kata ikon seni, ada orang kata sebagai *public figure* [tokoh masyarakat] orang yang

**NF** : Orang terkenal. Macam orang yang dikenali lah.

**OMA** : Jadi saya tengok benda macam itu, bermakna usaha saya buat menjadi. Usaha saya mempromosikan boria pun akan menjadi sebab sekarang orang buat apa-apa, mereka nak *followers* [pengikut]. Betul kan ? Kadang-kadang saya sebut tidak betul *tau* [tahu] (ketawa). Jadi mereka nak ramai orang yang *follow* [ikut]. jadi saya sudah cuba cari orang yang *follow* [ikut]. Sebab saya buat TikTok, saya nak cari orang yang *follow* [ikut]. Saya buat *Facebook*, saya buat *page* [halaman] saya pun. Saya nak orang ramai follow [ikut] saya. Jadi bila ramai orang *follow* [ikut], baru kita berjaya dan baru capai apa yang kita buat. Jadi mungkin sekarang *follower-follower* [pengikut] menjadi lah walaupun tidak sehebat artis. Belum lagi boleh lawan dengan yang terkenal terkenal yang *top* [atas] belum. Tapi cukup lah takat ini, saya rasa saya boleh macam ini pun *dah* [sudah] alhamdulillah. boleh lah syok-syok sendiri bila jalan dengan anak-anak pun. Mereka pun , "Seronok abah. Kami jalan dengan abah. Pakat orang kenal abah." Boleh syok sendiri sahaja kan (ketawa). Itulah.

#### TAMAT BAHAGIAN I

## **BAHAGIAN PENUTUP**

- NF** : Rasanya setakat situ sahaja. Dengan ini tamatlah sesi temubual tentang pengalaman dan sumbangan Tuan Omar dalam seni persembahan boria. Jadi kami nak ucapkan terima kasih atas kesudian Tuan Omar untuk menyempurnakan wawancara ini dan harap hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dan seni para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.
- OMA** : Saya juga mengucapkan terima kasih lah kepada Aishah dan Fathiah yang sudi antara orang-orang selalu yang datang jumpa saya dan sudi menemu bual saya dengan apa berwawancara apa *ka* bercerita ka. Jadi saya syukur kerana sekurang-kurangnya benda ini akan memberi ilmu dan tidak akan hilang begitu sahaja. Sekurang-kurang seni warisan ini ada saya sampaikan, ada dia terus hidup. Dia tidak mati begitu sahaja. Jadi terima kasih banyak saya ucapkan. Saya doakan lah bukan doa cakap mulut lah, nanti balik rumah saya doakan betul-betul minta bagi jaya lah setiap usaha buat apa semua .Mudah-mudahan Allah berkat.
- NF** : Terima kasih.
- OMA** : Sama-sama.

## RUJUKAN

- Hashim, O. M. (2022, July 27). *OMAR M. HASHIM (OMARA)*. Retrieved from  
<http://mamutanjung.blogspot.com/>
- Hashim, O. M. (n.d.). Warisan Boria.* Retrieved from <http://warisanboria.blogspot.com/>
- Omar Hashim Omara.* (n.d.). Facebook. Retrieved from <https://www.facebook.com/omarhashim.omara/>
- Omar Omara Hashim.* (n.d.). Facebook. Retrieved from  
<https://www.facebook.com/omara.omarhashim/>
- OMARA PRODUCTION.* (n.d.). Facebook. Retrieved from  
<https://www.facebook.com/groups/179758188885224/>
- omar.omarhashim.* (n.d.). Instagram. Retrieved from  
<https://www.instagram.com/omara.omarhashim/?hl=en>
- omar hashim omara.* (n.d.). YouTube. Retrieved from  
<https://www.youtube.com/@omara353535>

# **LAMPIRAN**

## LOG WAWANCARA

Nur Fathiah Binti Abd Fadzli dan Siti Aishah Binti Muhamad Adilfitri telah menemubual Tuan Omar Bin Md Hashim, yang dilahirkan pada tahun 1954 di Permatang Pauh, Seberang Perai, Pulau Pinang. Temubual ini dijalankan secara bersemuka pada 30 Mei 2023 pada jam 10.12 pagi, mengenai latar belakang, anugerah, dan sumbangan beliau dalam bidang seni.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.00	Sesi Pengenalan	Nur Fathiah Binti Abd Fadzli Siti Aishah Binti Muhamad Adilfitri Tuan Omar Bin Md Hashim

### BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

0.58	Sesi pengenalan nama penuh Tuan Omar	Omar Bin Md Hashim
1.04	Nama panggilan Tuan Omar	Omara  Sebelum itu nama panggilan beliau, Omar Omara digunakan sebagai logo perniagaan Gabungan dari nama Omar dan nama isteri beliau, Azizah.
2.00	Latar Belakang Tuan Omar	Dilahirkan pada tahun Berusia 69 tahun  Dilahirkan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang Dibesarkan di Parit Buntar, Perak, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, dan Butterworth, Pulau Pinang

		<p>Tempat terakhir dibesarkan di Kampung Tok Panjang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang</p> <p>Mula kenali Boria dan Ghazal Parti di Bukit Mertajam, Pulau Pinang</p> <p>Membuat persembahan Boria di sekolah untuk hari ibu bapa pada 1965</p> <p>Banyak kegiatan seni dan hiburan dilakukan selepas itu.</p>
6.49	Hobi Tuan Omar	<p>Mengambil foto dan video</p> <p>Buat video atau kandungan bentuk video untuk Youtube, TikTok, Instagram</p>
8.41	Tempat Tuan Omar menetap	<p>Pangsapuri Pauh Damai</p> <p>Juga menetap di rumah anak-anak beliau di Seberang Jaya, Kepala Batas, Sungai dua</p>
9.57	Anak-anak Tuan Omar yang mengikut jejak langkah Tuan Omar	<p>Anak Tuan Omar ikut jejak langkah Tuan Omar semasa mereka masih kecil</p> <p>Bila sudah dewasa mereka tidak ikut dan mereka beri sokongan kepada beliau dari segi bantuan</p> <p>Hanya orang latar belakang</p>
<b>BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG</b>		
10.52	Sejarah pendidikan Tuan Omar	<p>Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth</p> <p>Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth</p>

11.56	Cita-cita Tuan Omar sewaktu di bangku sekolah	Tiga cita-cita Penulis atau pengarang Peniaga Kerani
13.30	Pertandingan berkaitan seni yang disertai Tuan Omar waktu sekolah	Pertandingan Boria peringkat negeri Pulau Pinang semasa beliau sekolah menengah Mereka mendapat johan peringkat negeri Pulau Pinang Pertandingan Gendang Rakyat, anjuran RTM Kalah peringkat awal
14.38	Pekerjaan lain sambil waktu belajar	Tiada

#### **BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL**

15.47	Tugas pekerjaan Tuan Omar semasa di Telekom	Uruskan kaunter tempat bayaran bil telefon Kerja di bahagian Telegram Kerani Kanan
16.51	Penglibatan dalam bidang seni Boria selepas berhenti dari kerja kerani	Bidang seni tetap dijalankan sejak zaman kanak-kanak Menerbitkan album lagu Menerbitkan buku dan majalah Menubuhkan kumpulan musik sendiri Menerbitkan drama TV dan filem
21.45	Orang yang mengajar Tuan	Bermula dari sekolah rendah dengan belajar

	Omar Boria	dari melihat Boria Allahyarham Pak Lah, Abdullah Darus Allahyarham Pak Kar, Haji Abu Bakar
23.00	Pandangan orang sekeliling Tuan Omar bila lihat beliau melibatkan diri dalam seni Boria	Ada positif, ada negatif Ada yang bangga dengan beliau kerana angkat budaya Boria Ada yang berkata beliau sudah berusia dan untuk tinggalkan benda seronok

#### **BAHAGIAN D: SENI BORIA**

30.25	Sejarah Boria menurut Tuan Omar	Berasal dari peristiwa Karbala di Parsi Upacara Takziah tiap 10 Muharram Seorang akan menyampaikan syair cerita balik peristiwa itu, ada lakonan dan syair Boria datang ke India, berubah menjadi lain dan tidak sedih  Boria masuk ke Pulau Pinang pada 1786 oleh Francis Light bersama kawan dari India, Shaik Natar Sahib dan askar Sepoy Mereka jadikan Boria sebagai hiburan Boria berubah menjadi meriah dan seronok Orang-orang di Pulau Pinang mula minat dan tiru Boria  Beberapa kemungkinan asal usul perkataan Boria  Boria dulu dimainkan oleh orang Borai Boria itu bermaksud tikar, pakaian orang Boria dulu atau dulu untuk menonton Boria duduk atas tikar
-------	---------------------------------	--

		Boria juga bermaksud gila atau sasau Boria sudah berubah Dulu lagu untuk Boria dimainkan oleh alat musik, sekarang dimainkan secara digital
43.50	Persediaan untuk persembahan Boria sebelum dipentaskan	Kostum atau pakaian Lagu dan nyanyian Rangkap karangan Latihan
47.29	Dimana persembahan Boria dilaksanakan	Ikut penganjur Jabatan kerajaan Perayaan-perayaan Majlis-majlis untuk persembahan seni warisan Pulau Pinang
48.57	Bilangan yang terlibat dalam persembahan Boria	Tidak ada had Paling minimum 10 penari, seorang tukang karang, dan 3 atau 4 pelakon sketsa Boria pernah dimainkan 50, 100, 200 dan juga 4150 orang
51.25	Modal yang diperlukan untuk menjalankan sebuah persembahan Boria	Pengangkutan Makan dan minum Kos pakaian 400, 500 Ringgit Malaysia Jumlah kos adalah 1000 Ringgit Malaysia
55.18	Alat musik yang Tuan Omar selalu gunakan untuk buat persembahan Boria	Harmonika Trompet Gendang panjang

		<p>Violin</p> <p>Akordion</p> <p>Marakas</p>
57.08	Pakaian lain tak untuk buat persembahan selain baju Boria	<p>Boria tak ada peraturan yang kata mesti kena pakai</p> <p>Pakaian uniform</p> <p>Pakaian baju sekolah</p> <p>Pakaian jururawat</p> <p>Pakaian pekerja</p> <p>Pakaian doktor</p> <p>Pakaian tukang masak</p>
58.56	Teknik yang digunakan semasa menyanyi rangkap karangan Boria	<p>Cara nyanyi tukang karang dengan cara penyanyi biasa tak sama</p> <p>Cara menyanyi rangkap karangan Boria seperti menyampaikan, tiada alunan atau getaran.</p>
61.28	Mempelajari persembahan Boria	<p>Senang dipelajari</p> <p>Kena suka, minat dan ada sedikit bakat</p> <p>Tarian Boria kasar tapi ada gerak geri tersendiri</p> <p>Lakonan sketsa Boria kena spontan</p> <p>Tukang karang perlu ada suara yang baik dan memori yang kuat</p>
67.41	Perbezaan persembahan Boria yang terdahulu dengan yang sekarang	<p>Memang berbeza tapi tidak lari daripada dia elemen-elemen Boria</p> <p>Boria ada sketsa, ada tukang karang, ada rangkap karangan, ada <i>sailor</i></p>

		<p>Dulu ahli Boria semua lelaki, sekarang boleh dimainkan oleh lelaki dan perempuan</p> <p>Dulu alat musik digunakan, sekarang lagu digital dimainkan</p> <p>Dulu pakaian beragam, sekarang seragam</p>
1.09.30	Pendorong Tuan Omar untuk teruskan menceburi dalam bidang seni	<p>Nak pertahankan seni budaya warisan</p> <p>Cinta akan seni ini dan tak mahu berpisah</p> <p>Tidak mahu sekerat jalan</p> <p>Seni warisan ini menunjukkan bangsa atau budaya kita di satu-satu kawasan</p> <p>Untuk beri pendedahan Boria kepada remaja supaya mereka kenal dan minat.</p> <p>Dapat anugerah pencapaian</p>
1.16.35	Kenangan yang tidak dapat dilupakan selama Tuan Omar dalam bidang seni	<p>Dapat anugerah-anugerah</p> <p>Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup Boria tahun 2018 oleh Jabatan Warisan Negara buat di Kuala Lumpur</p> <p>Dilindungi dibawah akta 645 daripada Jabatan Warisan</p> <p>Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Georgetown World Heritage</p>
1.22.31	Perkongsian ketika Tuan Omar mula menubuhkan kumpulan OMARA	<p>Nama digunakan sebelum OMARA</p> <p>Boria Pulau Pinang</p> <p>Boria Warisan</p> <p>Boria Warisan Boria</p> <p>Boria Klasik</p> <p>Ada tentangan ketika beliau ingin menggunakan nama Boria OMARA</p> <p>Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian</p>

		<p>Negara suruh beliau tarik balik Boria</p> <p>OMARA</p> <p>Beliau merajuk selama 2 tahun, tidak aktif dalam Boria</p> <p>Masih ada gangguan tapi beliau lagi kuat semangat</p> <p>OMARA ditubuhkan berbelas tahun yang lepas</p> <p>Mendapat sambutan dan bergerak maju hingga kini</p>
1.28.44	Sejak bila Boria OMARA mula dikenali masyarakat	<p>Setelah guna nama Boria OMARA</p> <p>Tubuh-tubuh terus naik</p>
1.29.02	Sejak bila Tuan Omar mula menjadi pengajar Boria	<p>Sejak akhir-akhir lagi kerap</p>
1.33.15	Tempat pembelajaran Boria dijalankan	<p>Kalau sekolah yang panggil, diadakan di sekolah</p> <p>Kalau pejabat, diadakan di pejabat</p> <p>Kalau kumpulan Tuan Omar sendiri, diadakan di dewan di Seberang Jaya</p>
1.34.08	Bayaran untuk berlatih Boria	<p>Ada</p> <p>Kalau kilang, pejabat kerajaan, sekolah, ada bayaran</p> <p>Tetapi untuk sebarang pertanyaan atau temubual, tiada bayaran</p>
1.36.37	Umur untuksertai Boria	Ahli yang paling muda berusia 12 tahun

	OMARA	Ahli yang paling tua berusia 25 tahun Tubuh kumpulan Boria baru untuk lelaki dibuka untuk usia antara 30 hingga 40 tahun
1.41.04	Ciri-ciri yang patut ada jika mahu ceburi bidang seni Boria	Minat Jangan ingat tentang duit Ada kebolehan dan bakat seni sikit bagi penari Boleh menyanyi bagi tukang karang Bakat lakonan bagi pelakon sketsa Jangan takut dan jangan ketar
1.47.18	Seminggu berapa kali latihan Boria diadakan	Kalau ada persembahan terdekat, 3 atau 4 kali Kalau ambil lagu sedia ada, cuma sekali latihan
1.48.11	Perasaan Tuan Omar tentang persembahan Boria setelah lama terlibat	Bernilai tinggi Ada nasihat dan mesej untuk masyarakat Dapat banyak faedah daripada Boria Remaja yang terlibat dengan Boria tidak habiskan masa berfoya-foya Remaja melakukan seni yang diiktiraf oleh Jabatan Kebudayaan
1.57.03	Pendapat Tuan Omar mengenai perbezaan dalam menghasilkan Boria dulu dan sekarang	Perbezaan kemajuan Kos dan berjimat Pakaian-pakaian berubah Lagu-lagu baru Dapat anugerah pakaian terbaik

1.58.50	Pendapat Tuan mengenai minat persembahan Boria pada zaman sekarang setelah terlibat dengan media sosial.	Membuat pertandingan Boria di kalangan sekolah  Mempromosikan Boria melalui penggunaan media sosial
2.05.58	Cara dapatkan ilham atau idea bagi majukan Boria	Mempertahankan boria apabila sudah mula menyertai  Fikirkan untuk kemajuan Boria
2.06.50	Trend semasa ketika membuat lagu atau karang pantun	Perubahan lagu untuk persembahan Boria  Ingin membuat sesuatu tanda untuk menyatakan Boria Omara
2.08.22	Artis-artis kolaborasi dengan Tuan Omar Md Hashim	Omar Md Hashim  Anak-anak P.Ramlee  Aziz Satar  Allahyarham Nassier Wahab  Imuda

#### **BAHAGIAN E: SENI LAIN**

2.09.56	Lagu yang gemar didengari masyarakat yang dicipta mengenai Boria	Lagu Cuti-Cuti Malaysia  Lagu lain-lain
---------	--	---

2.11.26	Kepandaian Tuan Omar Md Hashim dalam bermain alat muzik	Marakas
2.12.23	Jenis penulisan yang diterbitkan oleh Tuan Omar Md Hashim	Berbentuk digital dan buku (majalah, akhbar, artikel, recana)  Koleksi Misteri  Kisah Benar  Animasi X-Ray  Kena (Teka-teki)  Manuskrip Riwayat Hidup P.Ramlee  Sejarah Boria
2.18.02	Penulisan Tuan Omar Md Hashim pada platform digital	Blog Warisan Boria  Blog Ghazal Parti  Blog Di Sepanjang Riwayatku
2.20.33	Sketsa Boria Tuan Omar Md Hashim ditayangkan saluran TV atau platform media sosial	Rancangan Cek Mai Cek Mai  Series Nasi Kandar Papadom  Drama TV (watak Pak Haji, bomoh Boria)  Pelawak (Imuda, Muhamad Puteh, Farouk Hussein, Allahyarham Pie)
2.25.18	Tempoh Tuan Omar Md Hashim	Sejak tidak takut pegang mikrofon

	bersketsa dalam saluran TV	Peristiwa berani bersketsa depan orang ramai
--	----------------------------	--

#### **BAHAGIAN F: CABARAN KERJAYA**

2.28.20	Keadaan Boria Omara semasa pandemic COVID-19	Aktif dalam media sosial (YouTube, Facebook)  Berhubung melalui Google Meet  Temuramah oleh saluran TV  Menyertai pertandingan
2.32.54	Permasalahan blok kreatif berlaku atau tidak	Tidak berlaku  Berhubung dengan orang ramai melalui platform Google Meet  Diadakan bengkel Boria (Boria Muhibah)
2.35.39	Hasil karya dikritik atau tidak oleh orang luar.	Tidak mengalami
2.36.07	Cara mengekalkan mutu persembahan Boria	Mengupah juruvideo  Mencipta lagu lagu baru persembahan Boria  Penyewaan pakaian Boria
2.39.24	Aspek yang sukar apabila menjadi seorang ketua	Pembayaran kepada orang Boria

2.41.23	Aspek yang sukar dalam penulisan dan penerbitan	Membuat kajian tentang riwayat hidup P.Ramlee  Kesahihan cerita yang dikaji  Penggunaan perkataan atau ayat yang tinggi
---------	---	---

#### **BAHAGIAN G: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN**

2.47.23	Orang yang manganugerahkan anugerah kepada Tuan Omar Md Hashim	Tuan karya pulau pinang  Politeknik Seberang Perai  Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  Jabatan Warisan Negara  Persatuan Pemenang atau Persatuan Melayu Pulau Pinang
2.51.20	Hadiah yang diperolehi bagi setiap anugerah	Wang tunai  Trofi  Sijil  Plak  Cenderamata
2.52.32	Perasaan Tuan Omar Md Hashim setelah dapat anugerah	Perasaan gembira  Menceritakan situasi ketika mendapat anugerah

2.57.49	Peringkat tertinggi yang dicapai oleh kumpulan Omara	Mendapat Anugerah Boria Omara Dinobatkan tempat naib johan dan pakaian terbaik  Dipilih untuk program TV
---------	--	---

#### **BAHAGIAN H: SUMBANGAN**

2.59.57	Sumbangan yang Tuan Omar Md Hashim di Malaysia dalam karier seni	Menggunakan media sosial dengan hasilkan blog, YouTube  Bagi orang ramai mengenali apa itu Boria  Memberi ilmu mengenai seni Boria
3.01.33	Sumbangan yang melibatkan peringkat antarabangsa	Belum ada
3.02.03	Harapan Tuan Omar Md Hashim kepada rakan-rakan seperjuangan	Menaikkan seni warisan boria  Berbaik sesama sendiri  Menyokong sesama sendiri
	Cita-cita yang belum dicapai oleh Tuan Omar Md Hashim	Membuka galeri seni boria dan ghazal parti

#### **BAHAGIAN I: HARAPAN**

3.07.40	Cita-cita yang belum dicapai oleh Tuan Omar Md Hashim	Membuka galeri seni boria dan ghazal parti
3.10.01	Nasihat Tuan Omar Md Hashim yang sedang dan akan terlibat bidang seni boria	Cintai lah seni warisan boria  Memberi sumbang tenaga mengikut apa yang mampu dibuat seperti pandai edit video
3.12.04	Cadangan yang lain oleh Tuan Omar Md Hashim selain buka galeri	Mengembalikan keaslian seni warisan Boria (guna alat muzik)  Orang ramai atau pihak berkenaan memberi nilai kepada seni warisan Boria (mengeluarkan kos)  Memberi kesedaran betapa pentingnya warisan seni Boria
3.18.56	Kesimpulan Tuan Omar Md Hashim sebagai seorang artis veteran	Perasaan beliau apabila jadi artis veteran  Mempromosikan seni boria di setiap platform media sosial dan saluran TV
3.26.15	Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Omar Md Hashim	

# **DIARI KAJIAN**

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.30 AM	20 Mac 2023	<p>Kami diberi penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai Oral History dan Puan Nurulannisa memberitahu tajuk kajian lisan pada tahun ini ialah Tokoh Artis Veteran.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan dan kemudian memikirkan tokoh untuk menemu bual.</p>	<p>Kami membuat catatan tentang kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu dilakukan.</p> <p>Menentukan ahli kumpulan</p>
8.30 AM	25 Mac 2023	Membuat carian di Google mengenai Tokoh Artis Veteran untuk Teater Bangsawan.	Kami memilih Encik Abdul Jalil Husain sebagai Tokoh Artis Veteran. Beliau yang merupakan tokoh dalam bidang seni lakon dan teater, dan bekas Penolong Pegawai Kebudayaan Kanan yang telah berkhidmat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kedah.
9.00 AM	27 Mac 2023	Mengusulkan Tokoh Teater Bangsawan tersebut kepada Puan Nurulannisa.	Mendapat persetujuan daripada Pensyarah, Puan Nurulannisa
8.30 AM	29 Mac 2023	Menghubungi Encik Abdul Jalil Husain untuk bertanyakan kesudian beliau ditemubual.	Kami mendapat persetujuan untuk menemu bual beliau.

10.00 AM	30 April 2023	Surat Penyelidikan untuk menemu bual tokoh.	Kami menerima surat penyelidikan daripada Pensyarah, Puan Nurulannisa.
9.00 AM	8 Mei 2023	Menghantar soalan yang akan ditanyakan kepada Encik Abdul Jalil kepada Puan Nurulannisa.	Kami perlu memperbetulkan soalan
10.00 AM	17 Mei 2023	Membuat carian di Google mengenai Tokoh Boria.	<p>Kami mendapat tahu bahwa Encik Abdul Jalil telah dimasukkan ke wad atas faktor kesihatan beliau.</p> <p>Kami memilih Tuan Omar Bin Md Hashim merupakan penerima pengisytiharan Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup. Beliau juga Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang.</p>
10.30 AM	17 Mei 2023	Mengusulkan Tokoh Boria tersebut kepada Puan Nurulannisa.	Mendapat persetujuan daripada Pensyarah, Puan Nurulannisa
11.00 AM	17 Mei 2023	Menghubungi Tuan Omar untuk bertanyakan kesudian beliau ditemubual.	Kami mendapat persetujuan untuk menemu bual beliau.
11.00 AM	18 Mei 2023	Menghubungi Tuan Omar untuk mendapatkan tarikh temubual.	Kami menerima tarikh temubual yang ditetapkan beliau
5.00 PM	28 Mei 2023	Menghantar soalan yang akan ditanyakan kepada Tuan Omar kepada Puan Nurulannisa.	Soalan kami diluluskan oleh pensyarah, Puan Nurulannisa.

10.12 AM	30 Mei 2023	Temubual bersemuka bersama Tuan Omar diadakan di Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	Temubual bermula
2.00 PM	30 Mei 2023	Temubual selesai.	<p>Kami berterima kasih kepada Tuan Omar kerana sudi meluangkan masa bersama kami dan kami bergambar bersama beliau.</p> <p>Perjanjian sejarah lisan ditandatangani oleh Tuan Omar.</p>

# **SENARAI SOALAN**

## **PENGENALAN:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni persembahan boria. Bersama kami ialah Tuan Omar Bin Md Hashim merupakan seseorang penari boria, penulis dan kemahiran seni yang lain. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 30 Mei 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 10.12 pagi secara bersemuka. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Fathiah dan Siti Aishah. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh Tuan?
2. Apakah nama panggilan Tuan?
3. Bolehkah Tuan menceritakan serba sedikit tentang latar belakang tuan?
4. Apakah hobi Tuan sewaktu mengisi waktu masa lapang?
5. Di mana Tuan menetap sekarang?
6. Adakah anak-anak Tuan ada yang mengikut jejak langkah Tuan?

## **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN**

1. Boleh Tuan cerita serba sedikit mengenai sejarah pendidikan Tuan?
2. Apakah cita-cita Tuan sewaktu di bangku sekolah?
3. Pernahkah Tuan menyertai apa-apa pertandingan yang berkaitan seni waktu sekolah?
4. Tuan ada lakukan sebarang pekerjaan lain, sambil-sambil waktu belajar?

## **BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL**

1. Tuan, apakah tugas Tuan ketika kerja sebagai kerani?
2. Selepas berhenti kerja kerani itu, Tuan terus masuk dalam bidang seni Boria?
3. Bolehkah saya tahu, siapakah yang menjadi pengajar boria kepada Tuan?
4. Apa pandangan orang disekeliling Tuan apabila Tuan melibatkan diri dalam dunia seni boria?

## **BAHAGIAN D: SENI BORIA**

1. Boleh Tuan ceritakan sejarah persembahan Boria ini?
2. Bagaimana persediaan untuk persembahan Boria sebelum dipentaskan?
3. Kebiasaannya persembahan Boria dilakukan di mana?
4. Selalunya berapa orang yang terlibat untuk menjalankan persembahan Boria?
5. Berapakah modal yang diperlukan untuk menjalankan sebuah persembahan boria?
6. Apakah alat musik tuan selalu gunakan untuk buat persembahan Boria?
7. Ada pakaian lain tak untuk buat persembahan selain baju Boria?
8. Apakah teknik yang digunakan semasa menyanyi rangkap karangan boria?
9. Adakah persembahan boria senang untuk dipelajari?
10. Adakah persembahan boria yang terdahulu berbeza dengan yang sekarang?
11. Apakah yang mendorong Tuan untuk menceburi dalam bidang seni tarian Boria?
12. Apakah kenangan yang tidak dapat dilupakan selama terlibat dalam bidang seni?
13. Tuan, boleh kongsikan macam mana Tuan mula menubuhkan Kumpulan OMARA?
14. Bilakah OMARA production mula dikenali oleh masyarakat?
15. Bilakah Tuan mula menjadi pengajar boria?
16. Boleh saya tahu, dimanakah tempat pembelajaran boria dijalankan?
17. Berapa bayaran yang dikenakan?
18. Boleh saya tahu, berapakah umur yang boleh menyertai OMARA?
19. Jika saya ingin ceburi bidang seni boria, apa ciri-ciri yang diperlukan?
20. Dalam seminggu, berapa kali latihan tarian boria akan diadakan?
21. Apa pendapat Tuan tentang persembahan tarian boria?
22. Pada pendapat Tuan, adakah perbezaan ketika Tuan menghasilkan persembahan boria pada masa dulu dan juga kini?
23. Pada pendapat Tuan, adakah persembahan boria masih diminati oleh masyarakat zaman kini?
24. Bagaimanakah cara Tuan mendapat ilham atau idea untuk memajukan seni ini?
25. Adakah Tuan pernah mengikuti apa-apa trend semasa mengarang lagu atau pantun-pantun?
26. Pernahkah pihak Tuan berkolaborasi dengan mana-mana pihak?

## **BAHAGIAN E: SENI LAIN**

1. Apa lagu yang menjadi kegemaran masyarakat dengar sampai sekarang?
2. Adakah Tuan pandai bermain alat muzik?
3. Apakah alat muzik yang pernah dimainkan oleh Tuan?
4. Seperti yang tuan nyatakan, apakah jenis penulisan yang diterbitkan oleh Tuan?
5. Seperti kita tahu teknologi semakin canggih, adakah Tuan membuat penulisan di mana-mana platform yang ada?
6. Pernahkah Tuan pernah ditawarkan berlakon sketsa di mana-mana saluran TV atau platform sosial media?
7. Berapa lama Tuan mula bersketsa dalam saluran TV dan kaca TV?

## **BAHAGIAN F: CABARAN KERJAYA**

1. Apa yang berlaku kepada kumpulan boria OMARA semasa berlakunya pandemik COVID-19?
2. Kadang-kala artis, penulis, penyair dan lain-lain menghadapi fenomena blok kreatif, dimana mereka sukar untuk bergerak ke hadapan dan sukar untuk menghasilkan sesuatu yang baru. Adakah Tuan pernah mengalami fenomena ini?
3. Pernahkah Tuan mendapat sebarang kritikan untuk hasil karya seni Tuan?
4. Bagaimana Tuan hendak mengekalkan mutu dalam sesebuah persembahan?
5. Bagi Tuan, apakah aspek yang paling sukar untuk menjadi ketua untuk kumpulan boria Tuan?
6. Boleh saya tahu apakah sudut yang sukar dalam bidang penulisan dan penerbitan?

## **BAHAGIAN G: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN**

1. Siapa yang menganugerahkan anugerah tersebut?
2. Apakah hadiah yang diperolehi Tuan bagi anugerah tersebut?
3. Apakah perasaan Tuan setelah mendapat anugerah tersebut?
4. Apakah peringkat yang tertinggi yang pernah dicapai oleh kumpulan OMARA selama dalam bidang seni?

## **BAHAGIAN H: SUMBANGAN**

1. Apakah sumbangan yang telah Tuan berikan dalam Malaysia di sepanjang karier Tuan?
2. Apakah sumbangan Tuan di peringkat masyarakat dan antarabangsa?

## **BAHAGIAN I : HARAPAN**

1. Apakah harapan Tuan kepada rakan-rakan seperjuangan Tuan?
2. Apakah cita-cita yang belum dicapai dan ingin dicapai oleh Tuan?
3. Apakah nasihat dan harapan Tuan kepada generasi yang sedang dan akan terlibat dalam bidang boria ini?
4. Apakah perancangan lain untuk masa hadapan Tuan selain membuka galeri?
5. Apa kesimpulan Tuan sebagai seorang artis veteran?

# **SURAT**

# **PERJANJIAN**

# Surat Perjanjian



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Omar Md. Hashim, K/P pada 30 Mei 2023, dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

(Nama tokoh Omar Md. Hashim  
Tarikh: 30.5.2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# GAMBAR



**OMARA**  
Omar Hashim  
OMARA

TOKOH WARISAN KEBANGSAAN ORANG HIDUP (WAKOH) (2018)  
 TOKOH SENI BUDAYA NG. P. PINANG (2016)  
 ANUGERAH PENCAPAIAN SEPANJANG HAYAT GEORGE TOWN WORLD HERITAGE (2020)  
 TOKOH SENI BUDAYA KARYAWAN-BORIA (2014)  
 ANUGERAH SENI BUDAYA POLITEKNIK-BORIA (2014)  
 TOKOH SENI BUDAYA MAAL HURAH PEMERINTAH (2019)  
 CULTURAL HERITAGE EVENTS AND ACTIVITIES GHAZAL PARTI GTWHI (2020)  
 KUMP. BORIA OMARA P. PINANG CULTURAL CONTINUITY RECOGNITION GTWHI (2020)

Tel. 017 4430091 / 013 4220091  
 Email - omarm.hashim@gmail.com  
 Page FB - OMARA TV DOK MAI  
 FB - Omara Omar Hashim / Omar Hashim Omara  
 IG - omar hashim omara  
 Youtube Channel - Omar Hashim Omara

Penceramah - Tokoh dan Warisan Seni Budaya  
 Menguruskan persempahan dan rakaman  
 Boria, Ghazal Parti, Kump. Muzik Asli dan Moden  
 Bengkel Boria dan Ghazal Parti

(Maklumat hubungan Tuan Omar)



(Rancangan TV Mai Cek Mai bersama Tuan Omar dan Boria OMARA)




(Gambar kenangan Tuan Omar bersama-sama Ketua Menteri selepas majlis penyampaian Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat)



(Plak Pengiktirafan Anugerah Warisan GTWHI Tuan Omar)



(Tuan Omar menerima anugerah Warisan Kebangsaan Orang Hidup)



(Swafoto bersama Tuan Omar selepas sesi temubual)

# **INDEKS**

## INDEX

### A

Akordion, 23, 30, 112  
Allahyarham, 14, 32, 66, 74, 110, 116, 117  
Anugerah, iv, vi, 38, 41, 86, 87, 91, 113, 120, 135  
Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Georgetown World Heritage, vi, 41, 113  
Artis, 98, 101, 116, 123

### B

Boria, vi, x, 2, 3, 5, 10, 14, 15, 19, 22, 24, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 36, 37, 40, 42, 43, 45, 46, 47, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 56, 57, 58, 59, 61, 62, 63, 65, 66, 68, 71, 72, 76, 79, 86, 87, 88, 91, 100, 105, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 120, 121, 124, 127, 128, 134  
Bukit Mertajam, viii, 2, 4, 6, 7, 56, 83, 107, 108, 125  
Butterworth, viii, 4, 9, 14, 47, 63, 67, 102, 107, 108

### C

Ceria, 15, 20, 23, 32, 49, 100

### F

Facebook, 6, 15, 25, 45, 64, 72, 73, 102, 103, 105, 118  
Fakta, 15, 27, 45, 58, 71, 83, 93

### G

Gambar, 15, 21, 25, 42, 53, 59, 63, 66, 71, 72, 81, 83, 94, 95, 100, 102, 135  
Gambar, iv, 59, 71, 135  
Gendang, 10, 109, 111  
Ghazal Parti, vi, 5, 14, 72, 87, 108, 117  
Google, 19, 35, 48, 63, 72, 79, 118, 123, 124

### H

Harapan, iv, 94, 120  
Harmonika, 111  
Hiburan, 5, 66, 108, 110  
Hotel, 29, 88, 96

### I

Imuda, 32, 66, 73, 116, 117  
India, 20, 22, 79, 83, 110  
Instagram, 6, 59, 64, 72, 105, 108

### J

Jabatan Warisan Negara, vi, x, 24, 40, 53, 86, 113, 119

### K

Kepala Batas, 7, 47, 79, 108  
Kerani, 12, 109  
Komputer, 6, 7, 38, 72, 77, 80  
Kos, 23, 29, 62, 98, 111, 121  
Kostum, 91, 111  
Kuala Lumpur, 13, 26, 33, 40, 42, 55, 71, 73, 82, 93, 113

### L

Lagu, 25, 68, 81, 111, 115, 116  
Latihan, 23, 25, 28, 35, 50, 54, 57, 58, 60, 111, 115, 128  
Logo, 4, 107

### M

Malaysia, viii, 9, 10, 14, 27, 30, 34, 38, 40, 47, 48, 54, 58, 68, 70, 78, 88, 89, 92, 97, 100, 111, 116, 120, 130  
Marakas, 69, 112, 117  
Melaka, 37, 42  
Menarik, 30, 32, 68, 77, 93  
Minat, 21, 54, 115

## N

Nassier Wahab, 32, 42, 66, 116

Negatif, 15, 110

## O

Orang, vi, 4, 5, 6, 7, 9, 10, 12, 13, 15, 18, 19, 23, 24, 26, 27, 28, 30, 31, 33, 34, 37, 38, 40, 41, 42, 43, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 54, 56, 58, 59, 62, 63, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 72, 73, 74, 75, 77, 79, 81, 82, 83, 87, 88, 92, 93, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 103, 104, 108, 110, 111, 118, 120, 123, 127, 128

## P

Penang, vi, 17

Pengalaman, ii, x, 3, 10, 32, 38, 104, 127

Perniagaan, 4, 44, 55, 65, 99, 107

Persembahan, x, 2, 3, 5, 6, 7, 13, 14, 16, 19, 21, 23, 24, 26, 27, 28, 30, 31, 33, 36, 37, 42, 43, 49, 54, 57, 58, 59, 62, 63, 66, 74, 77, 80, 81, 82, 96, 98, 99, 100, 104, 108, 111, 112, 115, 116, 118, 127, 128, 129

Prai, 7, 47, 67

Pulau Pinang, vi, viii, 2, 20, 21, 26, 34, 41, 42, 43, 96, 97, 107

## R

Remaja, 10, 12, 16, 28, 30, 37, 51, 58, 59, 62, 64, 68, 97, 101, 113

RTM, 14, 62, 77, 109

Rumah, 7, 41, 59

## S

Sailor, 25, 27, 33, 36, 112

Seberang Perai, viii, 48, 86, 107, 119

Sejarah, ii, iv, 20, 71, 108, 110, 117

Sekolah, viii, 9, 41, 47, 50, 79, 108

Selfie, 16, 102

Sketsa, 23, 75, 117

SOP, 42, 77

Syair, 19

## T

Tiktok, 64

Tokoh, ii, x, 3, 14, 20, 44, 45, 84, 87, 88, 91, 92, 103, 123, 124, 127

Tongkat, 23

Trompet, 30

Tua, 15, 38, 51, 52, 61, 63, 103, 115

Tukang Karang, 17, 21, 22, 27, 32, 35, 36, 42, 49, 54, 67, 81, 91, 111, 112, 115

## U

UiTM, vi, 42, 47, 123

Umur, viii, 15, 114

UNESCO, 24, 42, 92

Uniform, 31, 112

## V

Video, 22

Violin, 112

## Y

Youtube, 6, 13, 22, 25, 30, 43, 63, 64, 108